

# Laporan Tahunan

## MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ‘ADAT MELAYU PERAK

# 2017

Laporan Tahunan
MAJLIS AGAMA ISLAM
DAN 'ADAT MELAYU PERAK
2017




**RASIONAL KULIT**

Latar belakang putih melambangkan kesucian dan keluhuran Agama Islam sebagai Addin, yang menjadi teras kepada pembentukan Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) sebagai sebuah badan penguasa agama yang utama di Negeri Perak Darul Ridzuan. Nama MAIPk diolah dalam bentuk kaligrafi jawi berwarna merah mencerminkan peranan dan tanggungjawab MAIPk dalam usaha memartabatkan agama Islam dan adat Melayu di bawah payung pemerintahan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan sebagaimana dizahirkan menerusi moto MAIPk – "Memperteguh Syariat, Melestari Adat". Warna merah melambangkan keberanian dan ketegasan MAIPk dalam mempertahankan syiar Islam dan keluhuran adat Melayu.

Manakala, paparan ilustrasi buku atau kitab yang terbuka merupakan manifestasi pustaka ilmu, wasilah pendidikan dan khazanah pengetahuan yang sedia untuk diteroka. MAIPk sebagai institusi perdana dalam bidang keagamaan sentiasa prihatin dan sentiasa mendukung gerak usaha pengembangan ilmu pengetahuan khususnya dalam bidang agama dan bidang lainnya bagi membentuk masyarakat berilmu, berakhlak mulia, bersahsiah unggul dan pada masa yang sama, berdaya maju, dinamik dan progresif. Justeru, gagasan usaha memartabatkan kecemerlangan ilmu telah mula dicetuskan pada tahun 2017 dengan fokus utama memperkasakan sekolah-sekolah aliran agama di negeri ini agar kemajuannya setara dengan pendidikan nasional aliran perdana.

# Kandungan


**04 INFORMASI KORPORAT**

- Visi Misi MAIPk
- Moto
- Nilai-Nilai Korporat
- Piagam Pelanggan
- Citra Logo MAIPk
- Waqaf Perak Ar-Ridzuan (WPAR)
- Pelan Strategik MAIPk 2016 - 2021
- Carta Struktur Fungsi
- Carta Organisasi MAIPk 2017

**16 PROFIL KORPORAT**

- Yang Dipertua
- Anggota Atas Nama Jawatan
- Anggota Yang Dilantik
- Pengurusan Ibu Pejabat
- Pengurusan Pejabat Cawangan

**34 PERUTUSAN DAN LAPORAN TAHUNAN**

- Perutusan Yang Dipertua MAIPk
- Laporan Tahunan Ketua Pegawai Eksekutif

**45 ANALISA PENGURUSAN 2017**

- Kutipan Zakat Keseluruhan
- Agihan Asnaf Keseluruhan
- Bilangan Pembayar Zakat Mengikut Jenis
- Bilangan Pembayar Zakat Mengikut Daerah
- Jumlah Dan Bilangan Pembayar Zakat Potongan Zakat Berjadual
- Agihan Zakat Mengikut Asnaf
- Agihan Zakat Mengikut Program Pembangunan
- Pendapatan Sumber Am Bagi Tahun 2017
- Perbelanjaan Sumber Am Bagi Tahun 2017

**53 LAPORAN KEWANGAN**

- Penyata Kedudukan Kewangan Pada 31 Disember 2017
- Penyata Prestasi Kewangan Zakat Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2017
- Penyata Prestasi Kewangan Sumber Am Baitulmal Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2017
- Penyata Perubahan Dana Bersih Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2017
- Penyata Aliran Tunai Disatukan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2017
- Nota-Nota Kepada Penyata-Penyata Kewangan Disatukan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2017
- Laporan Ketua Audit Negara

**92 PENYATA TADBIR URUS KORPORAT**

- Anggota MAIPk
- Setiausaha MAIPk
- Jawatankuasa Yang Ditubuhkan Oleh MAIPk
- Anugerah Dan Pengiktirafan

**106 PENYATA PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN**

- Pengenalan
- Ulasan Keberkesanan Pengurusan Risiko Dan Kawalan Dalaman
- Laporan Jawatankuasa Pengurusan Risiko
- Pengurusan Kesinambungan Perkhidmatan

**112 SOROTAN AKTIVITI TERAS SEPANJANG 2017**

**117 KERATAN AKHBAR 2017**

**131 DIREKTORI**

# 04

# Informasi Korporat

- Visi Misi MAIPk
- Moto
- Nilai-Nilai Korporat
- Piagam Pelanggan
- Citra Logo MAIPk
- Waqaf Perak Ar-Ridzuan (WPAR)
- Pelan Strategik MAIPk 2016 - 2021
- Carta Struktur Fungsi
- Carta Organisasi MAIPk 2017




## Visi

Menjadi institusi Islam yang syumul dalam memacu kemajuan dan kesejahteraan ummah berlandaskan al-Quran dan al-Sunah.

## Misi

Meningkatkan taraf sosioekonomi ummah menerusi pengukuhan pengurusan Baitulmal yang efektif dan dinamik dengan mengamalkan tadbir urus cemerlang berlandaskan ketelusan, integriti dan profesionalisme yang tinggi.

## Objektif

- Memartabatkan institusi zakat melalui sistem pungutan dan agihan yang berkesan.
- Mentadbir harta Baitulmal dan wakaf bagi tujuan membangun sosioekonomi dan memelihara kemaslahatan ummah.
- Menjana kualiti perkhidmatan, budaya kerja cemerlang dan dinamik serta pengurusan yang sistematik dengan memanfaatkan teknologi maklumat dan komunikasi secara maksimum.

## Moto

*Memperteguh Syariat,*
*Melestari Adat*

# Nilai-nilai Korporat

Nilai-nilai korporat MAIPk adalah seperti berikut :

### Muafakat

Kemuafakatan MAIPk bersama semua agensi berkaitan dalam melaksanakan amanah membantu kebajikan umat Islam yang berkonsepkan prinsip ta'awun.

### Akrab (Semangat Berpasukan)

Menerapkan semangat kerja berpasukan di kalangan warga MAIPk dengan menggembleng tenaga, pengetahuan, kemahiran dan pengalaman secara bersama serta bersungguh-sungguh.

### Integriti

Nilai tinggi dalam perkhidmatan yang berpegang teguh kepada amanah dan ihsan.

### Profesionalisme

Sentiasa bersikap rasional dan matang dalam sebarang tindakan dan keputusan.

### Kesederhanaan

Mengamalkan kesederhanaan personaliti dan ketinggian kompetensi berasaskan prinsip wasatiyyah.

# Piagam Pelanggan

## 1. Bahagian Khidmat Pengurusan

1. Menyelesaikan pengambilan kumpulan pengurusan dan profesional, kumpulan sokongan i dan ii dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh tutup iklan kekosongan jawatan disiarkan.

2. Memberi maklum balas terhadap pertanyaan / surat-menyurat daripada pihak luar dalam tempoh tujuh (7) hari.

## 2. Bahagian Agihan Zakat Dan Pemerkasaan Asnaf

1. Menyelesaikan permohonan bantuan baik pulih rumah daripada tarikh permohonan yang lengkap diterima dalam tempoh empat (4) bulan.

2. Menyelesaikan permohonan bantuan persekolahan daripada tarikh permohonan yang lengkap diterima dalam tempoh empat (4) bulan.

3. Menyelesaikan permohonan bantuan bina rumah daripada tarikh permohonan yang lengkap diterima dalam tempoh lima (5) bulan.

4. Menyelesaikan permohonan bantuan perubatan daripada tarikh permohonan yang lengkap diterima dalam tempoh satu (1) bulan.

5. Menyelesaikan permohonan bantuan perjalanan domestik daripada tarikh permohonan yang lengkap diterima dalam tempoh satu (1) bulan.

6. Menyelesaikan permohonan bantuan am pelajaran (persediaan) daripada tarikh permohonan yang lengkap diterima dalam tempoh satu (1) bulan.

7. Menyelesaikan permohonan bantuan am pelajaran (pendaftaran IPT) daripada tarikh permohonan yang lengkap diterima dalam tempoh satu (1) bulan.

8. Menyelesaikan permohonan bantuan hemodialisis daripada tarikh permohonan yang lengkap diterima dalam tempoh tujuh (7) hari.

9. Menyelesaikan permohonan bantuan kecemasan daripada permohonan yang lengkap diterima di kaunter dalam tempoh 30 minit.

10. Menyelesaikan permohonan bantuan penyelesaian hutang daripada tarikh permohonan yang lengkap diterima dalam tempoh tiga (3) bulan.

11. Menyelesaikan permohonan bantuan modal daripada tarikh permohonan yang lengkap diterima dalam tempoh tiga (3) bulan.

12. Menyelesaikan permohonan bantuan kewangan bulanan daripada tarikh permohonan yang lengkap diterima dalam tempoh tiga (3) bulan.

13. Menyelesaikan permohonan bantuan sewa rumah daripada tarikh permohonan yang lengkap diterima dalam tempoh tiga (3) bulan.

14. Menyelesaikan permohonan bantuan dermasiswa (dalam negara) daripada tarikh permohonan yang lengkap diterima dalam tempoh tiga (3) bulan.

15. Menyelesaikan permohonan bantuan dermasiswa (luar negara) daripada tarikh permohonan yang lengkap diterima dalam tempoh tiga (3) bulan.

16. Menyelesaikan permohonan bantuan tambang perjalanan sehala pergi atau balik (belajar luar negara) daripada tarikh permohonan yang lengkap diterima dalam tempoh dua (2) bulan.

17. Menyelesaikan permohonan kes-kes rayuan semua jenis bantuan daripada tarikh permohonan yang lengkap diterima dalam tempoh satu (1) bulan.

## 3. Bahagian Pengurusan Dan Pembangunan Mal Dan Wakaf

1. Memaklumkan keputusan urusan jual beli tanah baitumal di bawah 40 pole (1/4 ekar) dalam tempoh satu setengah (1 1/2) bulan daripada tarikh permohonan diterima.

2. Mengemukakan permohonan mewakafkan tanah yang lengkap ke Pejabat Daerah Dan Tanah dalam tempoh lima (5) hari daripada tarikh permohonan yang lengkap diterima (perletakhakan berkanun).

3. Memaklumkan keputusan bagi permohonan yang lengkap mengenai sewaan / pajakan tanah dan bangunan dalam tempoh empat belas (14) hari.

4. Memaklumkan keputusan bagi permohonan yang lengkap mengenai sewaan kemudahan-kemudahan lain di Kompleks Islam Darul Ridzuan dalam tempoh tiga (3) hari.

## 4. Bahagian Pemasaran

1. Memberi maklumbalas jemputan program-program promosi zakat dalam tempoh tiga (3) hari.

2. Menyelesaikan taksiran zakat perniagaan dalam tempoh tiga (3) hari.

3. Menyelesaikan taksiran zakat harta selain zakat perniagaan dalam tempoh 30 minit.

## 5. Bahagian Kewangan

1. Menyelesaikan semua urusan pembayaran perbekalan dalam tempoh 14 hari bekerja daripada tarikh tuntutan yang lengkap diterima.

2. Menyelesaikan urusan pelanggan di kaunter pungutan dalam tempoh tidak melebihi 30 minit.



# Citra Logo MAIPk

Logo ini secara keseluruhannya melambangkan Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) sebagai sebuah institusi Islam yang progresif dan dinamik dalam memartabatkan agama Islam dan adat Melayu di bawah payung pemerintahan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan.

مجليس أݢام إسلام
دان عادت ملايو ڤيراق

Tiga titik melambangkan tonggak ajaran Islam iaitu Islam, Iman dan Ihsan. Ia juga manifestasi kepada tiga tonggak pemerintahan beraja di Negeri Perak Darul Ridzuan iaitu Sultan, Raja Muda dan Raja Di-Hilir.

Penggunaan huruf pa dalam tulisan jawi dan abjad p dalam tulisan rumi adalah simbolik kepada huruf awalan bagi Negeri Perak, tempat di mana MAIPk ditubuhkan dan bernaung di bawah payung pemerintahan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan.

Elemen bunga padi melambangkan kemakmuran negeri dan MAIPk yang progresif serta dinamik dalam memelihara kesejahteraan ummah berlandaskan prinsip maqasid syariah.

Perkataan Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak dalam tulisan jawi melambangkan iltizam MAIPk untuk terus memartabatkan agama Islam dan adat Melayu selaras dengan pernyataan moto MAIPk Memperteguh Syariat, Melestari Adat.

Warna putih membawa maksud kesucian, ketulusan dan akauntabiliti MAIPk sebagai sebuah institusi Islam.

Warna kuning membawa maksud kesatuan pemikiran dan tindakan bagi mencapai visi dan misi MAIPk.

Warna hitam membawa maksud kemampanan, berdaya maju dan kekal relevan sepanjang masa merentasi peredaran zaman.

# Waqaf Perak Ar-Ridzuan (WPAR)

## Logo dan pengertian

Warna emas melambangkan bahawa nilai wakaf yang disumbangkan itu kekal sepanjang zaman dan mampu memberikan nilai yang tinggi kepada penyumbang.

Menandakan usaha yang berterusan serta istiqamah pihak MAIPk dalam menjayakan amanah yang diberikan oleh ummah tanpa dipengaruhi oleh mana-mana pihak dan kekal di tengah paksi yang berlandaskan syariat.

Nilai kesenian Islam yang kontemporari menunjukkan bahawa wakaf kekal relevan mengikut perubahan zaman. 7 titik warna hitam pada ejaan PERAK membawa maksud projek-projek wakaf yang dijalankan. 3 titik warna kuning melambangkan Institusi Diraja yang memayungi seluruh rakyat negeri Perak yang dipimpin oleh Sultan, Raja Muda dan Raja Dihilir.

Tulisan ini diletakkan di bawah dengan maksud semua hasil yang diterima melalui wakaf akan dinikmati oleh seluruh rakyat Negeri Perak.

**Visi** Menjadi institusi wakaf yang unggul dan berintegriti berlandaskan kepada al-Quran dan al-Sunah

**Misi** Memperkasakan institusi wakaf demi kelestarian aset wakaf serta kesejahteraan dan kemajuan ummah

# Pelan Strategik MAIPk 2016 - 2021

## 1 Mandat dan Aspirasi

Memajukan Ummah Melindungi Kesucian Syiar Islam

## 3 Sektor Tujahan

- Ketinggian Syiar Islam
- Pendidikan Mentransformasi Ummah
- Kemajuan Ekonomi Untuk Kesejahteraan

## 4 Bidang Strategik

- Keutuhan Mandat
- Memperkasakan MAIPk
- Pendidikan Membangunkan Ummah
- Kemajuan Ekonomi Dan Kesejahteraan

## 10 Dimensi Strategik

- Syiar Islam
- Kedaulatan Raja-Raja Melayu
- Hak Istimewa Orang Melayu
- Keutuhan Undang-Undang Islam
- Kelestarian Sumber
- Keampuhan Daya Upaya Organisasi
- Pembinaan Keterampilan Dan Pemajuan Daya Fikir Abad Ke 21
- Penghayatan Al-Quran
- Pemajuan Usahawan Perdagangan Dan Perindustrian
- Kesejahteraan Sosio Ekonomi Keluarga

## 20 Strategi

## 46 Tindakan

# Carta Struktur Fungsi



# Carta Organisasi MAIPk 2017




Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan)
Setiausaha Pejabat
Bahagian Kewangan
Pengurus Besar
Akauntan/Pengurus Kewangan dan Perakaunan
Pengurus Unit Bajet dan Akaun
Penolong Pengurus Unit Operasi
Bahagian Agihan Zakat dan Pemerkasaan Asnaf
Pengurus Besar
Pengurus Unit Agihan Zakat
Pengurus Unit Pemerkasaan Asnaf
Bahagian Pengurusan dan Pembangunan Mal dan Wakaf
Pengurus Besar
Pengurus Unit Pembangunan Hartanah
Pengurus Unit Pengurusan Wakaf
Pengurus Unit Pelaburan
Penolong Pengurus Unit Projek dan Fasiliti
Pejabat Cawangan dan UTC (18 buah)
Pengurus Daerah dan UTC





**DULI YANG MAHA MULIA**
**PADUKA SERI SULTAN PERAK DARUL RIDZUAN**
**SULTAN NAZRIN MUIZZUDDIN SHAH**
**IBNI ALMARHUM SULTAN AZLAN MUHIBBUDDIN SHAH AL-MAGHFUR-LAH**

D.K., D.K.S.A., D.K.A., D.M.N., D.K.(Kelantan), D.K.(Selangor), D.K.N.S., D.K.(Perlis), D.K.(Kedah), Ph.D.(Harvard)

**SULTAN, YANG DI-PERTUAN DAN RAJA PEMERINTAH NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN**

# 16 Profil Korporat

- Yang Dipertua
- Anggota Atas Nama Jawatan
- Anggota Yang Dilantik
- Pengurusan Ibu Pejabat
- Pengurusan Pejabat Cawangan

# Yang Dipertua



**YABHG. TAN SRI DATO' SERI DR. WAN MOHD ZAHID BIN MOHD NOORDIN**

*Yang Dipertua Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak*

**PENDIDIKAN**

- Ijazah Kedoktoran (Ph.D) Educational Management, University of California, Berkeley
- Ijazah Sarjana Pendidikan, Standford University, California
- Ijazah Sarjana Muda Sastera, Universiti Malaya

**KERJAYA DAN PENGALAMAN**

- Ahli Dewan Negara Perak
- Pengerusi SP Setia Berhad 2016 hingga kini
- Pengarah SP Setia Berhad 2009 hingga kini
- Pengerusi Akademi Kepimpinan Pengajian Tinggi (AKEPT) 2016 hingga kini
- Pengerusi Universiti Perguruan Sultan Idris 2016 hingga kini
- Pengarah Perbadanan Usahawan Nasional Berhad 2013 hingga kini
- Pengerusi Management and Science University 2007 hingga kini
- Pengerusi Kolej Teknologi dan Pengurusan Lanjutan 1999 hingga kini

# Anggota Atas Nama Jawatan



## YB. DATO' DRS. MOHD NIZAR BIN HAJI ZAKARIA

Pengerusi Jawatankuasa Agama Islam Negeri Perak Darul Ridzuan

### PENDIDIKAN

- Ijazah Sarjana Pentadbiran Awam, Universiti Utara Malaysia
- Ijazah Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Imam Bonjol, Padang Sumatera, Barat Indonesia

### KERJAYA DAN PENGALAMAN

- Ahli Parlimen Parit 2018
- Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Perak (Pengerusi Jawatankuasa Agama Islam, Pendidikan Islam dan Pembangunan Sahsiah) 2013 hingga 9 April 2018
- Adun Kawasan Belanja 2014 -2017
- Ahli Parlimen Parit 2008 – 2013



## YB. DATO' SERI ABDUL PUHAT BIN MAT NAYAN

Setiausaha Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan

### PENDIDIKAN

- Ijazah Sarjana Muda, Universiti Malaya

### KERJAYA DAN PENGALAMAN

- Setiausaha Kerajaan Negeri Perak, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak 2011 hingga 24 April 2018
- Ketua Pengarah, Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS), Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah 2007 – 2011
- Pegawai Daerah dan Tanah Kerian, Merangkap Yang Di-Pertua Majlis Daerah Kerian 2004 – 2007
- Ketua Penolong Setiausaha Kerajaan, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak Jun – Ogos 2004
- Pengarah, Majlis Sukan Perak 1997 – 2004
- Penolong Setiausaha Kerajaan Tadbir I (Pembangunan), Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak 1994 – 1997
- Penolong Pegawai Daerah (Pembangunan), Pejabat Daerah & Tanah Kinta, Batu Gajah 1993 – 1994
- Penolong Pengarah, Unit Perancangan Ekonomi Negeri (UPEN), Pentadbiran Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan 1987 – 1993
- Penolong Pengarah, Bahagian Perjawatan, Jabatan Perkhidmatan Awam 1984 – 1987
- Kadet Pegawai Tadbir dan Diplomatik 1983
- Angkatan Tentera Malaysia 1980 – 1982



## YB. DATO’ ROHANA BINTI ABD MALEK

Penasihat Undang-undang
Negeri Perak Darul Ridzuan

**PENDIDIKAN**

- LLM (Resources Law And Policy) Centre For Energy, Petroleum, Mineral Law And Policy University Of Dundee, Scotland
- Diploma Lanjutan (Undang-Undang), Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam

**KERJAYA DAN PENGALAMAN**

- Penasihat Undang-Undang Negeri Perak 2014 hingga kini
- Ketua Pengarah Insolvensi Malaysia 2012-2014
- Penasihat Undang-Undang Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri 2008-2012
- Ketua Seksyen Perdagangan dan Kewangan Antarabangsa, Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa, Jabatan Peguam Negara 2002-2008
- Penasihat Undang-Undang (WTO) Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri 1998-2002
- Peguam Kanan Persekutuan Jabatan Peguam Negara 1996-1998
- Penasihat Undang-Undang Kementerian Sumber Manusia 1994-1996
- Peguam Kanan Persekutuan Jabatan Hasil Dalam Negeri 1991-1994
- Peguam Persekutuan Kementerian Perusahaan Utama 1989-1991
- Peguam Persekutuan Jabatan Peguam Negara 1989-1989
- Penguasa Kastam Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Bahagian Pencegah, Wilayah Persekutuan 1984-1989



## YB. DATO’ HAJI MOHD. GAZALI BIN JALAL

Pegawai Kewangan
Negeri Perak Darul Ridzuan

**PENDIDIKAN**

- Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian) Biologi/Mikro, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Diploma Pengurusan Awam Institut Tadbiran Awam Negara, (Intan) Bukit Kiara

**KERJAYA DAN PENGALAMAN**

- Setiausaha Kerajaan Negeri Perak, Pejabat Setiausaha Negeri Perak Darul Ridzuan hingga 8 Oktober 2018
- Pegawai Kewangan Negeri Perak, Pejabat Kewangan Negeri Perak Ogos 2011 - Jun 2018
- Pegawai Daerah, Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Kangsar, Perak 1 Julai 2006
- Timbalan Pengarah (Pengurusan), Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Perak 1 Disember 2003
- Ketua Penolong Pegawai Daerah (Tanah), Pejabat Daerah dan Tanah Batang Padang, Tapah 10 Oktober 1996
- Ketua Penolong Setiausaha Kerajaan, Bahagian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Melaka 1 April 1996
- Timbalan Pengarah (Pengurusan), ICU, Jabatan Perdana Menteri Cawangan Pulau Pinang 16 Mac 1995
- Penolong Pengarah, ICU, Jabatan Perdana Menteri, Cawangan Pulau Pinang 1 Ogos 1986





## YABHG. TAN SRI DATO' SERI (DR.) HAJI HARUSSANI BIN HAJI ZAKARIA

Mufti Negeri Perak Darul Ridzuan

### PENDIDIKAN

- Diploma Pendidikan Kolej Islam Malaya Klang, Selangor
- Sijil Tertinggi Kolej Islam Malaya Kuliah Al-Attas, Johor Bahru

### KERJAYA DAN PENGALAMAN

- Mufti Negeri Perak 1985 Hingga Kini
- Kadi Besar 1973 – 1985
- Pensyarah Sambilan 1968-1984
- Kadi 1967-1973

## YAA. DATO' HAJI ASA'ARI BIN HAJI MOHD. YAZID

Ketua Hakim Syarie
Negeri Perak Darul Ridzuan

### PENDIDIKAN

- Ijazah Sarjana Muda, Universiti Malaya
- Diploma Undang-Undang dan Pentadbiran Kehakiman Islam, Universiti Islam Antarabangsa

### KERJAYA DAN PENGALAMAN

- Ketua Hakim Syarie Negeri Perak 2015 hingga kini
- Pegawai Syariah Gred Hakim Mahkamah Tinggi Malaysia 2015
- Pegawai Syariah 2009-2015
- Pegawai Syariah Hakim Mahkamah Syariah Gerik 2007-2009
- Pegawai Syariah Hakim Mahkamah Rendah Syariah Gerik 2003-2007
- Pegawai Syariah Hakim Mahkamah Rendah Syariah Teluk Intan 1996-2003



**YBHG. DATO' HAJI MOHD. YUSOP BIN HAJI HUSIN**

Pengarah Jabatan Agama Islam
Negeri Perak Darul Ridzuan

**PENDIDIKAN**

- Ijazah Sarjana Syariah Universitas Ar Raniry Banda Aceh
- Ijazah Sarjana Muda Syariah, Universiti Malaya
- Diploma Undang Undang dan Pentadbiran Kehakiman Islam, Universiti Islam Antarabangsa

**KERJAYA DAN PENGALAMAN**

- Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri Perak (JAIPk) 2011 hingga kini
- Timbalan Pengarah JAIPk 2007 - 2011
- Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pentadbiran Undang-undang Keluarga JAIPk
- Ketua Penolong Pengarah Bahagian Dakwah JAIPk
- Hakim Mahkamah Syariah Perak
- Ketua Penolong Pengarah Bahagian Penguatkuasaan dan Pendakwaan JAIPk
- Pegawai Pendakwa di Mahkamah Syariah

# Anggota Yang Dilantik



**YABHG. ORANG KAYA TEMENGGUNG PADUKA RAJA DATO' SERI WAN MOHD FATHIR @ FADZIR BIN WAN HUSSAIN**

**PENDIDIKAN**

- Ijazah Sarjana Pendidikan Universiti Texas, Austin Amerika Syarikat
- Ijazah Sarjana Muda Sastera, Universiti Malaya
- Sijil Perguruan Maktab, Maktab Perguruan Sultan Idris

**KERJAYA DAN PENGALAMAN**

- Ahli Dewan Negara Perak
- Orang Besar Jajahan Kuala Kangsar
- Ahli Jemaah Pengampunan Negeri Perak
- Pengerusi Masjid Ubudiah, Kuala Kangsar



**YABHG. DATO' SERI MOHD. ANNUAR BIN ZAINI**

**PENDIDIKAN**

- Ijazah Master of Arts in Law & Diplomacy, The Fletcher School of Law & Diplomacy, Universiti Tufts, Amerika Syarikat
- Ijazah Sarjana Muda Sastera (Ekonomi) Kepujian, Universiti Kebangsaan Malaysia

**KERJAYA DAN PENGALAMAN**

- Ahli Dewan Negara Perak
- Lembaga Pengarah Perbadanan Kemajuan Ekonomi Islam Negeri Perak
- Ahli Lembaga Pengarah Universiti Malaya
- Pengerusi University Malaya Specialist Centre dan International University of Malaya Wales
- Distinguished Fellow kepada Institut Kajian Strategik dan Hubungan Antarabangsa
- Felo Institut Keselamatan Awam Malaysia
- Profesor Adjung Pusat Penyelidikan Wilayah Ekonomi Koridor Utara, Universiti Utara Malaysia
- Anggota Lembaga Pengarah (Bebas dan Bukan Eksekutif) Manulife Holdings Berhad dan beberapa Syarikat Sendirian Berhad
- Penasihat dan Ketua Eksekutif Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara 2007 - 2009
- Pengerusi BERNAMA 2004 - 2010
- Ahli Lembaga Pengarah The Royal Perak Medical College 2005 - 2011
- Pengarah Eksekutif Berjaya Corporation Berhad 2001 - 2004
- Ahli Lembaga Pengarah Malaysia Airline System Berhad 2005 - 2011
- PLUS Expressways Berhad dari tahun 2007 - 2012
- Tropicana Corporation Berhad dari tahun 2010 - 2015





## YBHG. PROFESOR DATO' DR. ANSARY BIN AHMED

### PENDIDIKAN

- Ijazah Kedoktoran Ph.D (Molecular Bacteriology), Universiti Manchester, England
- Ijazah Sarjana Muda Sains (Mikrobiologi), Universiti Liverpool

### KERJAYA DAN PENGALAMAN

- Founder President/CEO Asia e University 2007 hingga kini
- Co Founder, Senior Vice President and Professor Open University Malaysia 2002-2007
- Ahli Bank Negara *Task for Talent Development in the Financial and banking sector* 2017 hingga kini
- Penasihat Kehormat *Asian Representative for Commonwealth of Learning 2010-2016*
- Ahli UNESCO Consultants in e-learning 2007-2009
- Ahli Razak *School of Government (RSOG) Leadership Development Committee* 2014 hingga kini
- Wakil Universiti Malaya dalam Science Council Institut Kemajuan dan Penyelidikan Pertanian Malaysia (MARDI), lantikan oleh Menteri Pertanian Malaysia 1991 -2002
- Ahli *Institutes of Banks (IBBM) Education Council* 1999 – 2014, kemudian dinamakan semula sebagai *Asian Institute of Charted Bankers* 2014 hingga kini
- Dekan Institut Pengajian Siswazah Universiti Malaya 1998 – 2002
- Timbalan Dekan Akademik Fakulti Sains, Universiti Malaya 1992-1998
- Profesor Madya Jabatan Genetics and Cellular Biology, University Malaya 1992 - 1996
- Pensyarah Jabatan Genetics and Cellular Biology, University Malaya 1983 - 1992
- Ahli *Asian Institute of Chartered bankers Education Committee 1998* hingga kini
- Ahli *Malaysian Society for Microbiology*
- Ahli *Malaysian Academy of Islamic Sciences*
- Ahli *Malaysian Scientific Association*
- Ahli *Malaysian Society of Infectious Diseases and Chemotherapy (founder member)*
- Ahli *Malaysian Society for Molecular and Cellular Biology*

## YBHG.DATO' HAJI MD SALLEH BIN HAJI AHMAD

### PENDIDIKAN

- Ijazah Sarjana (Jayyid Jiddan), Universiti Al Azhar, Mesir
- Ijazah Sarjana Muda (Jayyid Jiddan) Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan, Nilam Puri

### KERJAYA DAN PENGALAMAN

- Pensyarah Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
- Ketua Jabatan Fiqh dan Usul Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya 1996-1999.
- Dekan Fakulti Syariah APIUM 1992 – 1994
- Pensyarah di Fakulti Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya 1981 -1996
- Ahli Lujnah Syariah (Fatwa) Koperasi Belia Islam (KBI) 1988 hingga sekarang
- Ahli Jawatankuasa Perunding Hukum Syarak Wilayah Persekutuan
- Ahli Lembaga Amanah Yayasan Muslimin Malaysia 1993 hingga kini
- Ahli Majlis Akademik Institut Ibnu Sina (INTIS) 1998 – 2000
- Naib Yang DiPertua Persatuan Ulamak Malaysia





## YBHG. DATO' SHEIKH MOHAMAH NOR BIN MANSOR

**PENDIDIKAN**

- Ijazah Tahasus Al-Quran Wal Qiraat Maahad Shoubro, Universiti Al-Azhar, Mesir

**KERJAYA DAN PENGALAMAN**

- Pengarah Jabatan Agama Islam Perak 2009-2010
- Ketua Penolong Pengarah Bahagian Dakwah Jabatan Agama Islam Perak, 2005-2008
- Imam Besar Ketua penolong Pengarah Bhg. Masjid Jabatan Agama Islam Perak, 1990-2004
- Ketua Unit Kariah  Jabatan Agama Islam Perak, 1987-1990
- Imam Besar Masjid Sultan Idris Shah II, Ipoh 1981-1986

## YBHG. DATO' HAJI AS'AD BIN AWANG

**PENDIDIKAN**

- Ijazah Sarjana Pendidikan, Universiti Malaya
- Ijazah Sarjana Muda Syariah, Universiti Malaya
- Sijil Perguruan Maktab Perguruan Islam, Petaling Jaya

**KERJAYA DAN PENGALAMAN**

- Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak 2006 hingga kini
- Pensyarah Kanan Institut Pendidikan Guru Kampus Ipoh 1995 -2017
- Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (Guru) 1987 - 1995



## YDH. TOH MUDA ORANG KAYA BESAR MAHARAJA DIRAJA DATO' DR. SYED JAAFAR BIN SYED AZNAN JAMALULLAIL

**PENDIDIKAN**

- Ijazah Kedoktoran (Ph.D) Henly Management College / Brunel University, UK
- Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan, The Wharton School, University Pennsylvania, USA
- Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Ekonomi, Universiti Malaya

**KERJAYA DAN PENGALAMAN**

- Timbalan  Pegawai Eksekutif Bank Pembangunan Islam (IDB) 1997 - 2009
- Timbalan Ketua Setiausaha, Kementerian Pertahanan 1996 -1997
- Timbalan Ketua Setiausaha, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industry 1993 -1995
- Pegawai Kewangan Negeri  Perak 1991 – 1993



## YBHG. ORANG-ORANG KAYA IMAM PADUKA TUAN DATO DR. AFIFI AL-AKITI

**PENDIDIKAN**

- Ijazah Kedoktoran (DPhil) Pengajian Islam, Universiti Oxford, UK
- Ijazah Sarjana (MSt) Pengajian Islam, Universiti Oxford, UK
- Ijazah Sarjana Muda (BA) Falsafah Skolastik dan Sejarah dan Falsafah Sains, Universiti Queen Belfast, UK

**KERJAYA DAN PENGALAMAN**

- Felo Pusat Pengajian Islam, Universiti Oxford, UK
- Ahli Dewan Negara Perak
- Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Majlis Raja-Raja Hal Ehwal Islam Peringkat Persekutuan
- Ahli Majlis Halal Malaysia
- Tersenarai dalam *The Muslim 500: The World's 500 Most Influential Muslims* semenjak 2010
- Anugerah  Ijazah Kehormat Doktor Undang-Undang dari Universiti Nottingham, UK
- Anugerah Perdana merangkap Tokoh Maulidur Rasul 2017 Majlis Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Kebangsaan 1439 Hijrah
- Anugerah Ilmuwan Negeri Perak Darul Ridzuan 2016
- Ahli Lembaga Pengarah Maybank Islamic Bhd
- Ahli Lembaga Pengarah Marston Development Ltd, UK
- Ahli Lembaga Pengarah Oxford Real Estate Ltd, UK
- Ahli Lembaga Pengarah Oxford Islamic Finance Ltd, UK
- Ahli Pemegang Amanah Sheikh Zayed Foundation, UAE
- Ahli Lembaga Pengarah Universiti Sultan Azlan Shah
- Ahli International Advisory Council, International Institute of Islamic Civilisation & Malay World (ISTAC), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
- Distinguished Visiting Professor, Universiti Utara Malaysia
- Visiting Professor, Universiti Sains Malaysia 2013-2014
- Visiting Professor, Universiti Institut Teknologi Malaysia 2011-2015





## YDH. TOH SERI BIJAYA LT. KOL (B) DATO' SHAHARUDIN BIN HAJI NAZARI

**PENDIDIKAN**

- Diploma Pengajian Strategik, Universiti Malaya

**KERJAYA DAN PENGALAMAN**

- Ahli Dewan Negara Perak
- Orang Besar Jajahan Manjung 2016 hingga kini
- Orang Besar Jajahan Hulu Perak 2011 – 2016
- Ketua Protokol dan Istiadat Negeri Perak 2008 – 2011
- Juruiring DYMM Paduka Seri Sultan Perak (Adc) N 2003 – 2008
- Pegawai Angkatan Tentera 1981 – 2008

## YBHG. DATO' (DR) HAJI ABD MALEK BIN AWANG KECHIL

**PENDIDIKAN**

- Ijazah Sarjana Muda Perakaunan, Universiti Kebangsaan Malaysia

**KERJAYA DAN PENGALAMAN**

- Pengerusi dan Presiden YaPEIM(2014-2016)
- Ketua Pengarah Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM) (1995-2013)
- Ahli Persatuan Akauntan Malaysia (Chartered Accountant Malaysia – CA (M))
- Ahli (T) Persatuan Perancang Kewangan Malaysia
- Pengasas dan Penasihat Utama First One Network Sdn Bhd
- Penasihat Halal Global Co. Ltd. (HGC) Jeddah, Kingdom Of Saudi Arabia
- Penasihat Persatuan Persahabatan Malaysia- Arab Saudi (Malaysia –Saudia Arabia Friendship Society)
- Presiden Persatuan Persahabatan Malaysia-Brunei Darussalam (Malaysia-Brunei Darussalam Friendship Society)



## YBHG. TAN SRI DATO' PROF. DR. NORDIN BIN KARDI

**PENDIDIKAN**

- Ijazah Sarjana Kedoktoran (Ph.D) Student Personel Services, Universiti Hull, England
- Sarjana Kaunseling Universiti Western Michigan, USA
- Ijazah Sarjana Muda Psikologi dan Ekonomi, Universiti Kebangsaan Malaysia

**KERJAYA DAN PENGALAMAN**

- Naib Cancelor Universiti Sultan Azlan Shah
- Naib Canselor Universiti Utara Malaysia 2005 – 2010
- Ketua Pengarah Biro Tatanegara, 1999 – 2005
- Senior Managers, Lembaga Akreditasi Negara , MQA 1997 – 1999
- Presiden Persatuan Kaunseling Malaysia sehingga 2013
- Ahli Lembaga Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YAPEIM) sehingga 2013
- Presiden Persatuan Universiti-Universiti Malaysia sehingga 2010
- Presiden Persatuan Badan-Badan Berkanun Malaysia sehingga 2010
- Ahli Lembaga Association of the Asian Institution of Higher Learning, ASAiHL sehingga 2010
- Ahli Majlis Penasihat Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) 2009 – 2012
- Ahli Lembaga Darul Ridhwan Islamic College 2009 – 2012
- Member of the Council of Vice Chancellors sehingga 2010
- Ahli Lembaga Majlis Peperiksaan Malaysia sehingga 2010
- Panel member of the First Consultive Council of the Malaysia Anti Corruption Commisision 2009 – 2011
- Ahli Jawatankuasa Tetap Pengiktirafan Kelayakan Malaysia sehingga 2010
- Member of National Security Council Malaysia's Task Force Committee 1999 – 2005
- Pengerusi Jawatankuasa  National Service Malaysia's Curriculum sehingga 2005
- Ahli Majlis Perundingan Belia Negara sehingga 2005



## TOH SERI MAHARAJA LELA DATO' SERI ZAINAL ADZAM BIN ABD. GHANI

**PENDIDIKAN**

- Sarjana Muda Undang-Undang, Universiti Malaya

**KERJAYA DAN PENGALAMAN**

- Ahli Dewan Negara Perak
- Hakim Mahkamah Tinggi, Ipoh Perak 2008-2014
- Hakim Mahkamah Tinggi, Alor Setar, Kedah 2004 -2008
- Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Tinggi, Alor Setar, Kedah 2003-2004
- Ketua Cawangan Wilayah Persekutuan Jabatan Peguam Negara ,Kuala Lumpur 2002-2003
- Setiausaha Perbadanan Putrajaya (Secara Pinjaman) Putrajaya 1999-2002
- Ketua Unit Penyelidikan Bahagian Penasihat dan Antarabangsa Jabatan Peguam Negara, Kuala Lumpur 1999
- Penasihat Undang-Undang Negeri Johor 1995-1999
- Penasihat Undang-Undang Kementerian Dalam Negeri, Kuala Lumpur 1994-1995
- Ketua Unit Jenayah Perdagangan Bahagian Pendakwaan Jabatan Peguam Negara, Kuala Lumpur 1990-1994
- Penasihat Undang-Undang Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Kuala Lumpur 1984-1990
- Peguam Kanan Persekutuan Bahagian Guaman 1984-1984
- Penolong Kanan Pendaftar, Mahkamah Tinggi, Ipoh Perak 1980-1984
- Majistret Mahkamah Majistret, Ipoh Perak 1977-1980



## YBHG. DATO' DR. MOHAMAD HASHIM BIN AHMAD TAJUDDIN

### PENDIDIKAN

- Ijazah Kedoktoran (Ph.D) Soil Fertility And Management, Universiti Putra Malaysia (UPM)
- Ijazah Sarjana Agriculture (Soil Chemistry And Fertility), UPM
- Ijazah Sarjana Muda Agriculture, UPM

### KERJAYA DAN PENGALAMAN

- Pengerusi PKEINPK Sdn. Bhd.
- Chief Executive Officer Of Padiberas Nasional Berhad (Bernas) 2013
- Chief Executive Officer Of Tradewinds Plantation Berhad 2013
- Director R&D And Agronomy Of Th Plantations Berhad 2011 – 2012
- Board Member Of Malaysian Agricultural Research And Development Institute 2008 – 2013
- Board Member Of Ci Resources Ltd, Australia 2006 – 2008
- Council Member Of Federation Of Malaysian Manufacturers (FMM), Chairman Of Branding And Intellectual Property Committee Of FMM And Board Member Of Ccm Duopharma Berhad 2005 – 2011
- Adjunct Professor At Universiti Malaysia Kelantan 2011 – 2012
- Adjunct Professor Of The Agricultural Faculty, University Putra Malaysia 2002 – 2003
- Member Of The Malaysian Palm Oil Board (Mpob) Programme Advisory Committee (PAC) 2002 - 2004
- Director Of Research In The Research & Development Division And Executive Director Of Golden Hope Research Sdn Bhd And Golden Hope Agrotech Consultancy Sdn Bhd 1998 – 2003
- Science Council Member Of Mardi 2004 - 2008



## YDH. DATO' PAHLAWAN HASNAN BIN HASSAN

### PENDIDIKAN

- Ijazah Sarjana Sains Sosial, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Diploma Sains Kepolisan, Universiti Kebangsaan Malaysia

### KERJAYA DAN PENGALAMAN

- Ketua Polis Perak 2016 hingga 1 Disember 2018
- Timbalan Ketua Polis Perak Ibu Pejabat Polis Kontinjen Perak 2016-2018
- Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Ibu Pejabat Polis Kontinjen Johor 2015
- Ketua Penolong Pengarah (Siasatan Jenayah Korporat/ Kewangan, JSJK) Ibu Pejabat Polis, Bukit Aman Kuala Lumpur 2011
- Ketua Penolong Pengarah (D7a) Pencegahan / Atipsom, JSJ Ibu Pejabat Polis, Bukit Aman 2010
- Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Ibu Pejabat Polis Kontinjen Selangor 2009
- Ketua Jabatan Pengurusan Ibu Pejabat Polis Kontinjen Pahang 2006
- Ketua Polis Daerah Cheras, Kuala Lumpur 2005
- Ketua Bahagian Siasatan Jenayah Daerah Ibu Pejabat Polis Daerah Timur Laut, Pulau Pinang 2002
- Ketua Bahagian Siasatan Jenayah Daerah Ibu Pejabat Polis Daerah Klang 2000
- Timbalan Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Ibu Pejabat Polis Kontinjen Pahang 1995

# Setiausaha



**YBHG. DATO' DR. AMIRUDDIN BIN MUHAMED**

**PENDIDIKAN**

- Ijazah Kedoktoran (Ph.D) Perakaunan dan Kewangan, Durham University Business School, UK
- Ijazah Sarjana Ekonomi, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Ijazah Sarjana Muda Perakaunan, Universiti Kebangsaan Malaysia

**KERJAYA DAN PENGALAMAN**

- Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk 2014 Hingga 31 Julai 2018
- National Strategy Unit, Kementerian Kewangan Malaysia – Disember 2013
- Investment, MKD (INC) And Privatization Division, Kementerian Kewangan Malaysia 2005-2009
- Economics Analysis And International Division, Kementerian Kewangan Jun-July 2005
- Accountant General Department, Ministry Of Finance Accounting And Management Development Division 1998-2003
- Business Focus Group Sdn Bhd (Corporated Planning Division) Naval Dockyard, Lumut

# Pengurusan Ibu Pejabat



**YBhg. Dato' Dr. Amiruddin Bin Muhamed**
Ketua Pegawai Eksekutif



**Tuan Mohd Haidi Bin Sulaiman**
Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif
(Pengurusan)



**Puan Hajah Wan Maizura Binti Haji Wan Zahari**
Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif
(Pembangunan)



**Encik Bakri Bin Lee**
Pengurus Besar
Bahagian Agihan Zakat



**Encik Rohizan Bin Haji Omar**
Pengurus Besar
Bahagian Khidmat Pengurusan



**Encik Ariff Bin Apandi**
Pengurus Besar
Bahagian Kewangan



**Encik Suhaimi Bin Yusoff**
Pengurus Besar
Bahagian Pengurusan dan
Pembangunan Mal dan Wakaf



**Encik Ahmad Nazim Bin Md. Tajuri**
Pengurus Besar
Bahagian Pemasaran



**Puan Noor Wahida Binti Abu Seman**
Pengurus Unit Pemerkasaan Asnaf



**Encik Ahmad Nazri Bin Hassan**
Pengurus Perkhidmatan dan Pentadbiran



**Encik Mohd Latiff Bin Talib**
Pengurus Bahagian Pemasaran



**Encik Ahamad Muzammil Bin Arbain**
Pengurus Pembangunan Asnaf



**Encik Wan Abdul Halim Hafiidz Bin Mohd Amin**
Pengurus Unit Perhubungan Korporat



**Encik Mohd Yusoff Bin Samsuri**
Ketua Unit Audit Dalam



**Encik Shaiful Nizam Bin Not**
Pengurus Unit Pembangunan Ummah



**Puan Norfazilah Binti Bawadi**
Pengurus Unit Perancangan Strategik dan Risiko



**Puan Zaleha Binti Wan Din**
Pengurus Unit Pengurusan Wakaf



**Puan Nur Azren Binti Yahya**
Pengurus Unit Teknologi Maklumat



**Encik Nabil Fikri Bin Mohamad**
Pengurus Unit Pelaburan



**Encik Zulfadli Bin Baharum**
Pengurus Unit Pembangunan Hartanah



**Encik Mat Azlan Bin Mat Hassan**
Akauntan/Pengurus Kewangan dan Perakaunan



Encik Mohd Azwari
Bin Mohd Izroi

**Pengurus Lenggong**



Encik Fairuz
Bin Zahri

**Pengurus Pengkalan Hulu**



Muhammad Naquib
Bin Mohamad Tarmizi

**Pengurus Selama**



Encik Mohamad Razif
Bin Mokhtar

**Pengurus Parit Buntar**



Encik Mohd Saufi
Bin Ibrahim

**Pengurus Bagan Serai**



Encik S. Daud
Bin Shehamy

**Pengurus Taiping**



Encik Mohd Hafizzie
Bin Abdul Karim

**Pengurus Kuala Kangsar**



Encik Johar
Bin Zainal Abidin

**Pengurus Seri Iskandar**



Encik Mohamad Hafizi
Bin Mohamah Nor

**Pengurus Manjung**



Encik Muhammad Faiz
Bin Zakaria

**Pengurus Kg. Gajah**



# Pengurusan Pejabat Cawangan



Encik Amiruddin Bin Osman

**Pengurus Gerik**



Encik Mior Khairul Anas Bin Rozali

**Pengurus UTC**



Encik Ahmad Fadzil Bin Mustaffa

**Pengurus Batu Gajah**



Encik Noraizad Bin Rosli

**Pengurus Kampar**



Encik Hamdi Bin Othman

**Pengurus Tapah**



Encik Dzulbazli Bin Mahamd Ali

**Pengurus Muallim**



Encik Zul-Azri Bin Hossaini

**Pengurus Teluk Intan**



# Perutusan dan Laporan Tahunan

34

١٤٣٩/٢٠١٧

- Perutusan Yang Dipertua MAIPk
- Laporan Tahunan Ketua Pegawai Eksekutif



# Perutusan Yang Dipertua MAIPk

Sekapur Sirih, Sejambak Kasih

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakutuh.**

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani. Segala puji bagi Allah, Tuhan yang memelihara dan mentadbir sekalian alam. Salam dan selawat ke atas Junjungan Mulia Nabi Muhammad Rasul Allah Penghulu segala nabi, ahli keluarga dan para sahabat Baginda serta kepada para Tabiin dan para ulama. Saya memanjatkan rasa sukacita dan kesyukuran ke hadrat Ilahi kerana di atas limpahan rahmat, takdir dan izinNya jua maka dapatlah kita sama-sama menatap Laporan Tahunan bagi tahun berakhir 31 Disember 2017 Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) khususnya untuk rujukan umat Islam di Negeri Perak.

## MEMBUDAYAKAN ILMU

Islam menyanjung tinggi kedudukan ilmu. Manifestasi kepentingannya digambarkan dengan penuh simbolik menerusi wahyu pertama diturunkan kepada junjungan besar Rasulullah Sallallahualaihiwasallam, yang dimulai dengan perkataan *iqra'* (bacalah). Selain berperanan sebagai sarana kepada kesempurnaan agama, penguasaan ilmu turut mengangkat martabat manusia seperti difirmankan Allah Azza Wajalla dalam Surah Al-Mujaadalah, ayat: 11 bermaksud; "Nescaya Allah akan meninggikan orang-orang yang beriman di antara kamu dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan beberapa darjat dan Allah Maha Mengetahui akan apa yang kamu kerjakan". Dalam kepesatan arus modenisasi dan globalisasi pada masa kini, persaingan dalam penerokaan ilmu pengetahuan menjadi semakin sengit lebih-lebih lagi dunia kini melangkah pula ke era teknologi komunikasi digital. Betapa, kemajuan sesuatu peradaban bangsa diukur menerusi tahap pencapaian warganya menguasai pelbagai disiplin ilmu dan pengetahuan. Hanya masyarakat berilmu sahaja yang mampu membentuk ummah yang dinamik, progresif dan cemerlang, mampu mencipta pelbagai keajaiban dan kegemilangan. Justeru, semangat dan kesungguhan untuk terus berlumba dan bersaing dalam menguasai ilmu harus sentiasa disuburkan di kalangan ummah agar penglibatan dalam pelbagai bidang khususnya dalam bidang kritikal bukan sahaja dapat diperkukuhkan malah membawa kepada kemajuan dan kemakmuran.

Institusi Pendidikan Islam berperanan penting sebagai pelengkap kepada agenda pembangunan negara, mampu menseimbangkan keperluan dari aspek material dan spiritual. Berteraskan kepada pembentukan sikap, sahsiah, dan akhlak yang terpuji, Pendidikan Islam lebih memfokuskan kepada inisiatif untuk membebaskan manusia dari belenggu keduniaan, belenggu kejahilan, memupuk keikhlasan dan memandu arah ke jalan kebaikan bersesuaian dengan konsep addin berpaksikan tiga tonggak utama, iaitu, Islam, iman dan ihsan. Berlandaskan konsep addin inilah matlamat dan hala tuju Pendidikan Islam dirangka secara holistik bagi membentuk prakarsa bersepadu ke arah memperkembangkan aspek-aspek keseimbangan manusiawi mencakupi unsur fizikal, spiritual, mental dan sosial berpaksikan prinsip Rabbani bagi melahirkan insan kamil dan mukmin yang bertaqwa serta ikhlas mengabdikan diri kepada-Nya.

Menyedari hakikat ini, pada tahun 2017, MAIPk telah mula melibatkan diri secara aktif, menggiatkan tumpuan dan usaha ke arah pemerkasaan pendidikan tahfiz di negeri Perak. Salah satu inisiatif perintis yang digerakkan ialah penubuhan sebuah jawatankuasa yang dinamakan Jawatankuasa Pendidikan Tahfiz Negeri Perak, khusus untuk mengkaji kedudukan institusi pengajian tahfiz sedia ada bagi mengenalpasti kelemahan dan permasalahan yang dihadapi dan akhirnya merumuskan pelan transformasi strategik yang boleh dilaksanakan bagi melonjak kualiti keberhasilan pendidikan tahfiz al-Quran kepada suatu tahap yang lebih baik setanding dengan pendidikan akademik aliran perdana. Tumpuan kajian akan memfokuskan kepada 91 buah Maahad Tahfiz al-Quran seluruh negeri Perak.

Sehubungan dengan itu, MAIPk amat komited dalam memastikan kesinambungan usaha ke arah kecemerlangan pendidikan aliran agama dan tahfiz ini akan terus dilipatgandakan dan diperkasakan bagi menyuburkan dan memajukan pendidikan tahfiz di negeri Perak. Jika aspirasi ini dapat direalisasikan, Insya-Allah, negeri Perak akan berjaya melahirkan generasi hufaz yang versatil dan dinamik, mempunyai kualiti keilmuan yang tinggi di samping menjiwai akhlak dan sahsiah yang terpuji.

## IMBASAN PENCAPAIAN 2017

Syukur ke hadrat Ilahi, tahun 2017 menyaksikan ekonomi negara kian pulih daripada kegawatan yang melanda. Kesuraman pertumbuhan yang menghantui ekonomi dunia dan ekonomi serantau telah kembali mengukuh lantas memberikan sinar pengharapan yang begitu menggalakkan. Kecergasan ekonomi telah memberi kesan rantaian yang positif kepada aktiviti-aktiviti dagangan dan kepenggunaan dalam negara sekali gus merangsang peningkatan kekayaan di kalangan ummah. Namun, apa yang lebih menggembirakan, rahmat dan pertolongan Ilahi ini disambut dengan penuh rasa kesyukuran, keinsafan dan tawaduk di kalangan masyarakat Muslim khususnya di negeri ini. Kemakmuran negara yang kembali menyinar diterima sebagai suatu nikmat dan anugerah yang harus dikongsi bersama di bawah prinsip persaudaraan.

Reaksi perkembangan yang sangat positif ini telah memberikan kelebihan kepada MAIPk untuk memanfaatkan ruang dan kesempatan yang ada untuk melakarkan pencapaian terbaik pada tahun 2017. Berkat sokongan berterusan daripada masyarakat, MAIPk tidak hanya berjaya mengulangi kecemerlangan yang dicapai pada tahun lalu, malah

lebih membanggakan, berhasil pula merekodkan suatu tanda aras yang baharu. Rasa keinsafan, kesedaran dan semangat ikhwanul muslimin di kalangan ummah telah diterjemahkan dengan peningkatan kepada pungutan zakat daripada RM151.18 juta pada tahun 2016, kepada RM170.80 juta pada tahun 2017. Ini merupakan suatu pencapaian tertinggi semenjak MAIPk ditubuhkan.

Bagi memastikan keberkesanan pentadbiran terus dipertingkatkan dari semasa ke semasa, Pengurusan MAIPk menerapkan ciri-ciri invensi, inovasi dan kreativiti serta memanfaatkan kemajuan teknologi terkini dalam pengendalian operasinya. Inisiatif yang dijalankan ini telah berjaya mendapat beberapa pengiktirafan pada peringkat kebangsaan. Bersempena MAIPk Sambutan Bulan Zakat Kebangsaan anjuran Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR), Jabatan Perdana Menteri Tahun 2017, MAIPk telah terpilih untuk menerima Anugerah Inovasi Zakat Terbaik (Agihan); Anugerah Ikon Asnaf Kategori Akademik dan Anugerah Ikon Asnaf Kategori Usahawan. Tahniah dan syabas diucapkan kepada semua warga MAIPk yang telah melaksanakan tanggungjawab dengan penuh komitmen, berdedikasi lagi cemerlang.

## KALUNGAN PENGHARGAAN

Akhir kata, saya mewakili Anggota MAIPk, para pegawai dan seluruh warga kerja MAIPk, merafakkan junjungan setinggi-tinggi kasih kepada Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibuddin Shah Al-Maghfur-Lah, di atas segala bimbingan, nasihat dan naungan keperihatinan Baginda yang tiada penghujungnya terhadap urus tadbir MAIPk. Patik sekalian mendoakan kesejahteraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Tuanku bersama-sama Duli Yang Maha Mulia Raja Permaisuri serta seluruh kerabat Baginda sekaliannya. Semoga pemerintahan Duli Yang Maha Mulia Tuanku sentiasa aman, makmur dan berada di bawah limpahan rahmat dan keberkatan Ilahi.

Ucapan penghargaan dan terima kasih turut disampaikan kepada pihak Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan, Kerajaan Persekutuan, badan-badan kerajaan dan semua badan lain yang berkaitan, rakan strategik, para pelanggan dan orang ramai khususnya rakyat Negeri Perak yang sentiasa memberikan sokongan berterusan kepada Pentadbiran MAIPk.

Saya juga berbesar hati dan berbangga untuk menyampaikan rasa terima kasih yang tidak terhingga kepada semua warga MAIPk terutamanya pihak pengurusan dan seluruh segenap akar umbi lapisan warga kerjanya di atas usaha dan gerak kerja yang cemerlang dalam mencoretkan kejayaan MAIPk pada tahun 2017. Segala kejayaan signifikan ini tidaklah akan dapat dicapai tanpa usaha dan sokongan setiap warga kerja yang menjadi nadi penggerak utama MAIPk. Sesungguhnya segala komitmen jitu, dedikasi dan kesetiaan anda kepada MAIPk menjadi aset yang amat bernilai dan berharga. Kepada Allah Subhanahuwataala saya berserah dan berdoa agar ianya menjadi satu catatan amal kebajikan yang mempunyai pahala berpanjangan di sisi Allah Subhanahuwataala untuk kejayaan di dunia dan di akhirat.

*"Memperteguh Syariat, Melestari Adat".*

**Tan Sri Dato' Seri Dr. Wan Mohd Zahid bin Mohd Noordin**
Yang Dipertua, Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak



## Laporan Tahunan
Ketua Pegawai Eksekutif

Segala puji dan syukur dirafakkan kehadrat Allah Subhanahuwataala, Tuhan Yang Maha Esa, kerana dengan keizinannya jua Laporan Tahunan Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) bagi tahun berakhir 31 Disember 2017 dapat diterbitkan.

Di sebalik persekitaran ekonomi negara yang masih lagi mencabar, MAIPk terus mengorak langkah mendepani segala aral rintangan bagi menempa kejayaan dalam usaha untuk memastikan kelestarian sumber pendanaannya agar terus berdaya tahan dan mampan. Ekonomi negara menyaksikan pemulihan secara beransur-ansur pada tahun 2017, menjadi asas yang kondusif kepada MAIPk untuk mengulangi pencapaian cemerlang pada tahun terdahulu. Sekali lagi, MAIPk telah meletakkan suatu tanda aras pencapaian yang baharu apabila berjaya mencatatkan prestasi pungutan zakat tertinggi semenjak penubuhannya. Alhamdulillah, jumlah pungutan zakat bagi tahun 2017 mencecah RM170.80 juta (2016: 151.18 juta), meningkat 12.92% berbanding catatan pada tahun lalu.

Aktiviti ekonomi dunia yang kembali pulih dan kukuh sepanjang tahun 2017 telah merancakkan pertumbuhan ekonomi dunia secara menyeluruh merentasi ekonomi maju dan ekonomi sedang pesat membangun, hingga mendorong organisasi antarabangsa dan pihak berkuasa negara menyemak semula unjuran pertumbuhan sepanjang tahun. Berdasarkan unjuran pertumbuhan global oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), kadar pertumbuhan ekonomi global tahun 2017, disemak semula, telah mencatatkan 3.7% (2016: 3.2%), lebih tinggi berbanding tahun sebelumnya, malah merekodkan pencapaian tertinggi sejak 2011. Selain daripada itu, perdagangan global turut mencatatkan pertumbuhan pantas 4.7% (2016: 2.5%) , secara langsung telah memacu pertumbuhan dalam banyak ekonomi utama di Asia seperti Jepun (2017: 1.7%, 2016:0.9%), Republik Rakyat Cina (2017: 6.9%, 2016: 6.7%), Korea (2017: 3.1%, 2016: 2.8%), Hong Kong (2017: 3.8%, 2016: 2.1%) dan Singapura (2017: 3.6%, 2016: 2.0%) .

Akomodatif kepada perkembangan ekonomi serantau yang begitu memberangsangkan, pertumbuhan ekonomi negara dilihat semakin menunjukkan pemulihan dan terus mengukuh dengan mencatatkan kadar pertumbuhan 5.9% (2016: 4.2%), meningkat begitu baik berbanding tahun sebelumnya.

Rentak pemulihan ekonomi negara turut memberi impak positif terhadap pertumbuhan ekonomi negeri-negeri termasuklah Negeri Perak Darul Ridzuan. Tahun 2017 menyaksikan kadar pertumbuhan KDNK Negeri Perak Darul Ridzuan meningkat berbanding tahun sebelumnya dengan kadar pertumbuhan 5.5% (2016: 4.1%) . Meskipun, prestasi yang ditunjukkan lebih rendah berbanding paras pertumbuhan nasional (5.9%), namun persekitaran ekonomi negeri yang masih kondusif dan berdaya maju telah merangsang pertumbuhan kegiatan ekonomi tempatan.

Perkembangan ini, telah memberi ruang dan kesempatan kepada warga Pengurusan MAIPk untuk mencatatkan keputusan kewangan yang lebih baik berbanding tahun-tahun terdahulu. Berbekalkan perancangan strategik dan pelan tindakan yang berkesan lagi holistik disepadukan pula dengan komitmen jitu jentera Pengurusan MAIPk dengan kesungguhan usaha yang gigih lagi istiqamah telah merumuskan formula kejayaan yang efisyen dan efektif.

Selain kemantapan tata kelola dalaman, kejayaan MAIPk turut dipacu oleh sokongan dan keyakinan berterusan warga muslimin di negeri ini terhadap MAIPk, selaku institusi yang telah diamanahkan untuk mengurus tadbir komponen harta Baitulmal yang terdiri daripada zakat, wakaf dan sumber am.

Kepercayaan masyarakat yang berlanjutan inilah menjadi faktor pendorong kepada Pengurusan MAIPk untuk terus menampilkan kualiti perkhidmatan yang terbaik di samping menyuntik semangat kepada semua peringkat warga kerjanya agar terus menerapkan budaya kerja berprestasi tinggi dengan mengekalkan sahsiah dan integriti yang terpuji.

## SOROTAN PENCAPAIAN

Pengurusan MAIPk komited dalam melaksanakan setiap perancangan dan tindakan yang telah disusun dan direncanakan. Dari semasa ke semasa, pelaksanaan kerja pada setiap peringkat akan terus dipantau, dinilai dan ditinjau bagi mengukur keberkesanannya. Sebagai natijahnya, MAIPk telah berjaya merekodkan penjanaan hasil yang optimum di samping mengekalkan pengurusan kewangan yang cermat lagi berhemat, serta pengagihan yang lebih adil dan saksama.

Secara keseluruhannya, pada peringkat Kumpulan, MAIPk telah berjaya mencapai keputusan kewangan yang amat baik pada tahun 2017. Nilai Aset Bersih (NAB) Kumpulan telah mencatatkan RM419.11

juta (2016: RM401.54 juta), meningkat 4.38% berbanding pencapaian pada tahun sebelumnya. Ini menggambarkan prestasi kewangan Kumpulan berada pada kedudukan yang kukuh dan berdaya maju. Manakala, bagi peringkat MAIPk sendiri, kedudukan NAB pada tahun 2017 pula mencatatkan RM238.77 juta (2016: RM230.70 juta), turut meningkat pada kadar 3.50% atau berjumlah RM8.07 juta berbanding pencapaian pada tahun sebelumnya.

Dalam mempersembahkan prestasi pendapatan dan perbelanjaan peringkat Kumpulan, keputusan prestasi kewangan syarikat subsidiari milikan penuh MAIPk, iaitu, PKEINPk Sdn. Bhd. (PSB) telah disatukan dengan prestasi pencapaian Sumber Am Baitulmal pada peringkat MAIPk. Justeru, bagi tahun 2017, Kumpulan telah berjaya mencatatkan pencapaian pungutan hasil keseluruhan Sumber Am Baitulmal yang amat baik dengan peningkatan pendapatan sebelum cukai dan zakat (EBITZ) sebanyak 57.59% atau RM7.02 juta daripada RM12.19 juta pada tahun 2016 kepada RM19.21 juta pada tahun 2017. Manakala, di bawah prinsip pemadanan hasil dan perbelanjaan pula, menyaksikan penurunan dalam lebihan pendapatan bersih sebanyak 0.68% atau RM260 ribu daripada RM4.39 juta pada tahun 2016 kepada RM4.36 juta pada tahun 2017.

Selain itu, MAIPk turut mengekalkan trend peningkatan dalam aktiviti kendalian zakatnya saban tahun. Pola peningkatan ini diteruskan dalam tahun 2017 apabila berjaya mencapai prestasi peningkatan secara keseluruhannya sebanyak 12.98% atau RM19.62 juta bagi tahun 2017 dengan catatan RM170.80 juta berbanding catatan bagi tahun 2016 berjumlah RM151.18 juta.

Dari sudut pengagihan pula, MAIPk telah berjaya melaksanakan pengagihan berjumlah RM150.89 juta bagi tahun 2017. Jumlah ini, tidak termasuk pemulangan semula wang zakat berjumlah RM18.01 juta (2016: RM7.78 juta). Jika dibandingkan catatan bagi tahun 2016 berjumlah RM136.05 juta, berlaku kenaikan sebanyak 10.9% atau RM14.84 juta.

Dari sudut perakaunan, di bawah prinsip pemadanan pungutan dan agihan zakat bagi tahun semasa telah menunjukkan lebihan bersih sebanyak RM1.9 juta (2016: RM7.35 juta). Manakala, tinjauan dari sudut prestasi agihan berbanding bajet yang telah diluluskan tahun 2017 menyaksikan, secara keseluruhannya, sebanyak 95% atau RM150.89 juta daripada keseluruhan peruntukan yang diluluskan berjumlah RM158.83 juta telah berjaya diagihkan kepada asnaf yang berhak sepanjang tahun 2017.

## ZAKAT MEMBAWA RAHMAT

Menyedari hakikat bahawa, faktor kejayaan kritikal terhadap pencapaian yang ditempa oleh MAIPk sebahagian besar datangnya daripada kelangsungan mandat dan kepercayaan warga muslimin di negeri ini, maka, Pengurusan MAIPk sentiasa menanam azam, memadu tekad agar terus istiqamah dalam menggalas amanah serta tanggungjawab yang diberikan sebaik mungkin dalam mengurus tadbir dana zakat secara adil dan saksama.

Justeru, dalam mengendalikan segala urusan berkaitan pengagihan zakat, Pengurusan MAIPk, sentiasa menerapkan prinsip keadilan, kesaksamaan dan inklusif berteraskan nilai-nilai insaniah. Justeru, setiap permohonan yang diterima akan dilayan dan dipertimbangkan secara adil tanpa prejudis berlandaskan parameter hukum syarak tanpa mengira ras dan latar belakang. Malah, bagi menepati prinsip inklusif, Pengurusan MAIPk turut melaksanakan pelbagai ikhtiar memperluaskan akses kepada masyarakat bagi mendapatkan maklumat dan perkhidmatan agar golongan yang benar-benar memerlukan bantuan tidak tercicir atau ketinggalan. Justeru, Pengurusan MAIPk telah merangka pelbagai usaha menerusi pelaksanaan beberapa program dan aktiviti, antaranya Skuad Prihatin Asnaf serta memperbanyakkan program-program menjejak dan mendekati asnaf.

Asnaf fakir dan miskin masih merupakan pengagihan terbesar zakat dengan jumlah agihan mencecah RM86.88 juta, meningkat 7.66% atau RM6.18 juta, berbanding agihan pada tahun sebelum berjumlah RM80.70 juta. Manakala, pengagihan kedua terbesar ialah asnaf fisabilillah dengan jumlah agihan RM33.44 juta, meningkat 12.17% atau RM3.63 juta, berbanding agihan pada tahun sebelum berjumlah RM29.81 juta. Ketiga-tiga asnaf ini mewakili 79.74% daripada keseluruhan pengagihan zakat dalam tahun.

Pelbagai program dan aktiviti direkabentuk dan direkayasa mengikut keberdayaan asnaf masing-masing dengan objektif untuk membantu meringankan bebanan kos sara hidup bagi membolehkan mereka menikmati kualiti hidup yang lebih baik. Bagi asnaf yang masih berpotensi dan produktif untuk dibangunkan, mereka akan diserapkan di bawah Program Pemerkasaan Asnaf yang menyediakan pelbagai siri program yang versatil dan dinamik, mampu memupuk bakat dan potensi diri agar berupaya meningkatkan kebolehan, kemahiran dan produktiviti dalam bidang kluster

pemerkasaan yang dipilih. Umpamanya, di bawah kluster Pemerkasaan Ekonomi Asnaf, peserta akan dilatih untuk menjadi usahawan berilmu, mampu berdikari, berdaya tahan dan berdaya saing. Antara program yang berjaya dilaksanakan dalam tahun 2017 adalah seperti berikut –

- **Program Mentor Mentee**
- **Program Teknologi Sejuk Beku**
- **Penjenamaan Produk Asnaf MAIPk**
- **Business Entrepreneur Asnaf MAIPk (BEAM)**
- **Program Mobile Barber**
- **Program Usahawan Mobile**
- **Program Usahawan Foodstall**
- **Projek Akuaponik**

Manakala, bagi asnaf yang lebih cenderung untuk berkerjaya, mereka diberi peluang menambah ilmu pengetahuan dan kemahiran di bawah kluster Pemerkasaan Insan Asnaf. Salah satu skim yang berjaya dilaksanakan di bawah kluster ini ialah Skim Latihan Kemahiran Asnaf yang mula diwujudkan sejak 2012. Skim ini memberi ruang dan peluang kedua kepada golongan belia asnaf yang tercicir dari sudut akademik untuk menceburi bidang latihan dan kemahiran berimpak tinggi yang menjanjikan imbuhan lumayan selepas menamatkan latihan masing-masing. Antara kursus yang berjaya dilaksanakan adalah seperti berikut –

- **Kursus Kimpalan**
- **Kursus Pengendalian Jentera Berat (Mobile Crane & Excavator)**
- **Kursus Non-Destructive Testing**
- **Kursus Pemasangan Perancah (Scaffolding)**
- **Kursus Dandanan dan Spa Muslimah**
- **Kursus Binaan/ Hiasan Dalaman**
- **Kursus Pembuatan Pastri**
- **Kursus Lukisan Senibina**

Melentur buluh biar daripada rebungnya. Dunia kini melangkah ke era telekomunikasi digital yang memungkinkan capaian maklumat menjadi begitu cepat dan mudah hingga lahirnya ungkapan "maklumat di hujung jari". Kebanjiran maklumat ini turut membawa kesan negatif terutamanya kepada golongan muda yang mudah terpengaruh kepada trend budaya asing yang kononnya menampilkan gaya hidup moden dan bebas. Naluri ingin mencuba boleh mengundang padah jika jalan yang diikuti membawa haluan songsang hingga terjebak kepada permasalahan sosial. Lebih membimbangkan, gejala sosial ini mudah menular dengan sokongan teknologi digital masa kini hingga akhirnya sukar untuk dibendung.

Menyedari peri pentingnya generasi muda ini dipelihara dan diperkasakan sebagai pewaris masa hadapan negara, MAIPk telah mengambil inisiatif mengadakan pelbagai bentuk program yang mensasarkan pengukuhan sahsiah dan jati diri di kalangan remaja. Antara program yang paling berjaya dilaksanakan ialah Program Tunas Dermaga dan Program Dermaga yang dianjurkan secara bersama oleh MAIPk, Jabatan Pendidikan Negeri dan ABIM. Pada tahun 2017, sebanyak 20 buah sekolah kebangsaan menyertai Program Tunas Dermaga, manakala, 21 buah sekolah menengah menyertai Program Dermaga yang dibiayai sepenuhnya menggunakan dana zakat di bawah agihan asnaf fisabilillah.

## MEMBUDAYAKAN AMALAN BERWAKAF

Wakaf merupakan salah suatu instrumen kewangan yang berpotensi besar untuk dibangunkan dan dikembangkan bagi tujuan menangani jurang ketidaksamaan sosioekonomi ummah. Malah, wakaf berperanan penting sebagai pelengkap yang mampu mengimbangi peranan zakat dalam memperkasa ummah. Namun, berbeza dengan zakat, mediasi penggerak wakaf berpaksikan kepada kemahuan diri yang tercetus secara sukarela, untuk melepaskan sesuatu harta kepunyaannya pada jalan Allah. Justeru, wakaf merupakan suatu ibadah yang dijelmakan menerusi konsep pemberian, derma atau sedekah yang menepati prinsip amal jariah sebagai tanda pengabdian diri kepada Yang Maha Pencipta. Konsep inilah menjadi kekuatan dan nadi penggerak kepada pembangunan wakaf.

Sejak dilancarkan pada 7 April 2016, sambutan dan penyertaan masyarakat Islam di Negeri Perak terhadap Waqaf Perak Ar-Ridzuan (WPAR) begitu menggalakkan, di mana jumlah penyumbang WPAR melalui saluran kutipan kaunter dan atas talian telah mencecah 4,508 pewakaf. Manakala, penyumbang tetap WPAR melalui saluran potongan gaji pula mencecah 443 pewakaf. Perkembangan ini jelas menunjukkan kesedaran dan keperihatinan masyarakat muslim di negeri untuk membudayakan ibadah wakaf, selain mencerminkan cetusan tekad dan semangat warga muslim untuk saling membantu mengangkat martabat ummah.

Melihatkan kerancakan penerimaan masyarakat terhadap tabung WPAR, Pengurusan MAIPk telah menggiatkan pelbagai promosi dan program pendedahan kepada masyarakat akan kelebihan dan kepentingan berwakaf khususnya menangani keperluan kemaslahatan sosial dan ekonomi

negeri hingga akhirnya mampu memberi impak berskala besar terhadap pembangunan negara. Sebagai natijahnya, prestasi kutipan WPAR berjaya mencapai prestasi yang amat menggalakkan, di mana, jumlah kutipan sebenar WPAR sehingga Disember 2017 mencatatkan jumlah RM9.36 juta berbanding sasaran ditetapkan sebanyak RM5 juta. Lebih menarik lagi, kempen pembudayaan wakaf ini turut berjaya menarik minat penyumbang dari kalangan bukan Islam di mana dua syarikat telah menyumbang RM110 ribu kepada tabung WPAR.

Tabung WPAR dilancarkan bagi memberi fokus terhadap pengumpulan dana berbentuk tunai menerusi kaedah *crowd funding*. Kaedah ini membuka ruang dan peluang kepada orang ramai untuk menyertai wakaf memandangkan tidak semua orang berkemampuan untuk memiliki harta berbentuk kekal, apatah lagi untuk menyumbang kepada wakaf. MAIPk selaku pemegang amanah tunggal kepada dana wakaf terkumpul ini akan menukarkan bentuknya daripada aset cair kepada aset tetap untuk dimanfaatkan kembali kepada masyarakat menerusi pelbagai bentuk pembangunan yang disegmenkan mengikut kluster Teras masing-masing iaitu, Keagamaan, Kesihatan, Pendidikan dan Ekonomi.

Bagi memastikan kelangsungan sumbangan wakaf oleh orang ramai, selain menyediakan pelbagai kemudahan dan saluran pembayaran, Pengurusan MAIPk turut mendapatkan kelulusan pengecualian cukai ke atas apa-apa sumbangan tunai kepada WPAR bermula September 2017, di bawah peruntukan subseksyen 44(11C) Akta Cukai Pendapatan 1967. Kelulusan oleh Kementerian Kewangan Malaysia ini secara tidak langsung menggambarkan sokongan Kerajaan terhadap inisiatif yang dilaksanakan oleh MAIPk di samping memberikan pengiktirafan bahawa projek-projek yang dijalankan di bawah WPAR mempunyai nilai kepentingan nasional. Status pengecualian cukai ini memberi kelebihan kepada MAIPk untuk meningkatkan imej dan kewibawaannya di mata masyarakat bahawa, kumpulan pengurusan yang dibentuk mampu mengurus tadbir dana wakaf dengan cekap dan berkesan. Selain itu, manfaat percukaian yang diberikan oleh Kerajaan ini boleh dinikmati oleh kesemua peringkat pewakaf tidak kira individu mahupun korporat sekaligus menjadi pemangkin kepada peningkatan dana WPAR.

Setiap projek yang tersenarai di bawah WPAR dianjurkan mengikut kehendak masyarakat berdasarkan trend keperluan semasa. Bagi memastikan pendanaan WPAR dimanfaatkan secara optimum demi menjamin kelestarian sumbernya serta memastikan agihan manfaat wakaf sampai kepada penerima yang berhak, Pengurusan MAIPk menerapkan ciri-ciri kepengurusan berasaskan kepada prinsip amanah, cekap, akauntabiliti dan telus. Setiap tindakan yang dilaksanakan dipantau dan dikawal selia oleh sebuah jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah Enakmen Wakaf (Perak) 2015 dinamakan sebagai Jawatankuasa Pengurusan Wakaf.

Melangkah ke tahun kedua pelaksanaannya, projek-projek WPAR memperlihatkan kemajuan dalam status pelaksanaan projek seperti Projek Pembinaan Pusat Hemodialisis Wakaf di Masjid Alang Iskandar Shah, Kampung Dato Seri Kamaruddin, Manjung. Projek ini telah mendapat kelulusan pengezonan daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) pada 20 Jun 2017 dan Borang 1 (permohonan kelulusan menubuhkan atau menyenggarakan Pusat Hemodialisis Swasta) telah dikemukakan kepada KKM pada 18 Disember 2017. Selain itu, Bot Wakaf pertama telah berjaya disiapkan pembinaannya pada 30 November 2017, manakala, Projek Pembinaan Bangunan Kediaman Pelajar Universiti Sultan Azlan Shah telah siap sepenuhnya pada bulan Oktober 2017.

Ketiga-tiga projek ini mensasarkan penerima manfaat di bawah kategori Teras masing-masing. Sebagai contohnya, di bawah Teras Kesihatan, penerima manfaat Pusat Hemodialisis Wakaf adalah terdiri daripada pesakit-pesakit buah pinggang di kawasan setempat yang bakal beroleh manfaat rawatan pada kadar kenaan caj yang jauh lebih rendah berbanding pusat-pusat hemodialisis swasta yang lain. Projek ini dijangka mampu mengimbangi keperluan dan permintaan rawatan hemodialisis di kawasan berhampiran, yang dilihat semakin meningkat terutamanya pesakit-pesakit tajaan MAIPk di bawah skim pengagihan zakat. Bagi projek di bawah Teras Pendidikan, iaitu, Pembinaan Bangunan Kediaman Pelajar Universiti Sultan Azlan Shah, diwujudkan khusus untuk mengatasi masalah kekurangan kemudahan penginapan pelajar-pelajar Universiti Sultan Azlan Shah (USAS). Dengan terbinanya bangunan asrama tersebut, sebahagian daripada permasalahan tersebut berjaya di atasi dan pelajar-pelajar yang menikmati kemudahan tersebut akan hanya dikenakan caj penginapan pada kadar yang berpatutan. Manakala, di bawah Teras Ekonomi pula, Wakaf Bot dibangunkan bertujuan memberi manfaat berterusan kepada golongan nelayan khususnya beragama Islam agar berpeluang meningkatkan daya saing untuk menjana pendapatan yang lebih baik bagi mengubah taraf dan kualiti hidup di bawah bimbingan koperasi/persatuan nelayan setempat.

Melihatkan peri pentingnya wakaf sebagai salah satu instrumen alternatif kepada pengukuhan Baitulmal yang menjadi sumber pendanaan bagi tujuan pembangunan sosial dan ekonomi masyarakat, maka, amalannya wajar didukung, dibudayakan dan disebarluaskan hingga akhirnya diterima sebagai salah satu elemen kewangan aliran perdana.

Wakaf tunai yang merupakan suatu medium pengumpulan dana wakaf kontemporari yang sangat efektif telah memberikan impak yang signifikan kepada proses rasionalisasi pengurusan wakaf Negeri Perak. Justeru, pelaksanaannya akan terus diperkasakan dan dikembangkan bagi memberi peluang kepada semua lapisan masyarakat tidak kira sama ada mereka dari golongan berpendapatan rendah, sedehana ataupun tinggi sama-sama berpeluang melaksanakan amal jariah dengan berwakaf agar manfaatnya dapat dinikmati oleh semua golongan masyarakat.

## MERINTIS HALA TUJU MENEMPUH MASA DEPAN

Firman Allah Subhanahuwataala (surah At-Talaaq: 3): "Dan (ingatlah), barang siapa bertawakal kepada Allah nescaya Allah akan mencukupkan keperluannya (untuk menolong dan menyelamatkannya)".

Berpandukan kepada transisi pemulihan ekonomi negara yang semakin cergas, Pengurusan MAIPk berasa yakin, prospek pertumbuhan ekonomi negara akan kembali stabil dan bertambah baik pada tahun hadapan. Justeru, perbendaharaan MAIPk yang dikenali sebagai Baitulmal akan turut berkembang maju dan semakin diperkasakan Insya-Allah. Baitulmal yang terdiri daripada komponen zakat, wakaf, sumber am dan amanah akan kekal relevan dan berperanan penting di arus perdana, khususnya di Negeri Perak, dalam usaha mempertahankan survival ummah serta menjunjung martabat dan kesucian agama Islam.

Menyusun langkah ke hadapan, Pengurusan MAIPk turut optimis dan berkeyakinan tinggi bahawa, kelangsungan sokongan warga Muslim terhadap institusi Baitulmal juga semakin menyerlah dan bertambah mantap. Justeru, bersandarkan keyakinan dan tawakal kepada Rabbul Jalil, Pengurusan MAIPk berasa penuh yakin untuk meletakkan sasaran yang lebih tinggi pada tahun hadapan.

Bagi pihak Pengurusan MAIPk sendiri, berbekalkan tekad, keazaman dan semangat kerja berpasukan serta dilengkapi pula perancangan kerja yang definitif lagi konstruktif, keseluruhan warga perkhidmat MAIPk sentiasa bersedia dan bersiap siaga mendepani apa jua rintangan dan cabaran di samping menggalas tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan. Budaya kerja cekap, berintegriti dan berprestasi tinggi akan sentiasa tersemat sebagai jati diri perkhidmat MAIPk selain sikap menyantuni pelanggan lebih-lebih lagi dari kalangan asnaf, bersesuian dengan prinsip ihsan seperti dianjurkan oleh agama. Berteraskan prinsip ihsan sebagai etos kerja, MAIPk mengorak langkah merintis pelbagai usaha dan daya upaya untuk melaksanakan peranan dan fungsinya dengan lebih berkesan terutamanya ikhtiar untuk merapatkan jurang ekonomi di kalangan masyarakat dengan penglibatan secara aktif dan inklusif dalam usaha menangani insiden kemiskinan khususnya di kalangan masyarakat Muslim di negeri ini.

## KALUNGAN PENGHARGAAN

Ampun Tuanku, junjungan setinggi-tinggi kasih dirafakkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan di atas sokongan dan keyakinan berterusan terhadap seluruh warga kerja MAIPk untuk memikul mandat mengurus tadbir MAIPk secara bersama. MAIPk yang berperanan sebagai pihak berkuasa agama dan juga sebagai wasilah rakyat khususnya di kalangan muslimin dan muslimat seluruh Negeri Perak Darul Ridzuan akan terus komited mendukung aspirasi membangunkan ummah serta memartabatkan syiar Islam.

Sesungguhnya, Pengurusan MAIPk juga amat menyedari, tugas dan tanggungjawab yang digalaskan begitu berat lagi sukar khususnya mengendalikan perbendaharaan yang dikenali sebagai Baitulmal. Fungsi dan peranan Baitulmal khususnya bersumberkan pendanaan zakat dan wakaf akan terus relevan dan berperanan penting sebagai jambatan penghubung di antara jurang kesejahteraan dan kemakmuran antara golongan yang berkemampuan dengan golongan yang memerlukan sokongan dan bantuan. Betapa amanah yang terjunjung di atas batu jemala seluruh warga kerja MAIPk akan dipikul sebaik mungkin dengan kesungguhan, tekad dan keazaman yang tinggi.

Rasa penghargaan juga turut disampaikan kepada barisan kepimpinan Anggota MAIPk atas sokongan, kepercayaan, bimbingan dan panduan serta menyumbangkan buah fikiran yang bernas dalam membantu pihak Pengurusan MAIPk mengekalkan prestasi dan kualiti perkhidmatan yang cemerlang kepada masyarakat.

Seterusnya, setinggi-tinggi penghargaan dan rasa terima kasih disampaikan juga kepada Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan di atas sokongan yang berterusan kepada MAIPk. Tidak ketinggalan juga kepada badan-badan kerajaan dan semua badan lain yang berkaitan, rakan strategik, para pelanggan dan, orang ramai khususnya rakyat Negeri Perak yang turut memberikan sokongan yang berterusan kepada MAIPk. Sesungguhnya, tanpa dukungan anda, MAIPk tidak mampu berdiri sebagai agensi pembela ummah seperti yang terzahir ketika ini.

Akhir sekali, dengan penuh rasa bangga, saya merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua warga kerja MAIPk atas sokongan dan komitmen yang tidak berbelah bagi dalam memastikan kejayaan yang ditempa bagi tahun kewangan 2017 ini tercapai dengan begitu cemerlang. Tahniah dan syabas diucapkan.

*"Memperteguh Syariat, Melestari Adat"*

**Dato' Dr. Amiruddin bin Muhamed**
Ketua Pegawai Eksekutif, Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak

45

# Analisa Pengurusan 2017

- Kutipan Zakat Keseluruhan
- Agihan Asnaf Keseluruhan
- Bilangan Pembayar Zakat Mengikut Jenis
- Bilangan Pembayar Zakat Mengikut Daerah
- Jumlah Dan Bilangan Pembayar Zakat Potongan Zakat Berjadual
- Agihan Zakat Mengikut Asnaf
- Agihan Zakat Mengikut Program Pembangunan
- Pendapatan Sumber Am Bagi Tahun 2017
- Perbelanjaan Sumber Am Bagi Tahun 2017

## PRESTASI ZAKAT BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

## KUTIPAN ZAKAT KESELURUHAN




| | 2017 | 2016 | 2015 | 2014 | 2013 |
|---|---|---|---|---|---|
| JUMLAH KUTIPAN ZAKAT | 170,804,837 | 151,184,969 | 136,305,122 | 120,040,605 | 111,818,152 |

## AGIHAN ASNAF KESELURUHAN




| | 2017 | 2016 | 2015 | 2014 | 2013 |
|---|---|---|---|---|---|
| JUMLAH AGIHAN ZAKAT | 168,903,988 | 143,832,214 | 177,136,942 | 126,145,451 | 101,641,793 |
| LEBIHAN/KEKURANGAN PENDAPATAN | 1,900,565 | 7,352,755 | (40,831,820) | (6,104,846) | 10,176,359 |

## BILANGAN PEMBAYAR ZAKAT MENGIKUT JENIS

| BIL. | JENIS ZAKAT | BILANGAN PEMBAYAR (ORANG) | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | 2017 | 2016 | 2015 | 2014 |
| 1 | FITRAH | 1,223,605 | 1,199,628 | 1,177,048 | 1,165,887 |
| 2 | EMAS DAN PERAK | 811 | 803 | 692 | 651 |
| 3 | HARTA | 17,040 | 13,452 | 11,376 | 11,112 |
| 4 | RIKAZ | 0 | 2 | 0 | 2 |
| 5 | KWSP/LTAT | 2,226 | 2,259 | 1,802 | 1,892 |
| 6 | PELABURAN | 169 | 155 | 136 | 162 |
| 7 | PENDAPATAN | 12,350 | 12,006 | 10,280 | 10,152 |
| 8 | POTONGAN ZAKAT BERJADUAL (EPZB) | 26,659 | 22,134 | 19,189 | 17,513 |
| 9 | PERNIAGAAN | 2,847 | 2,674 | 2,170 | 2,027 |
| 10 | PERTANIAN | 2,251 | 2,300 | 2,382 | 2,478 |
| 11 | SIMPANAN | 17,026 | 16,868 | 15,805 | 15,228 |
| 12 | TERNAKAN | 62 | 62 | 44 | 48 |
| | **JUMLAH** | **1,305,046** | **1,272,343** | **1,240,924** | **1,227,152** |

## BILANGAN PEMBAYAR ZAKAT MENGIKUT DAERAH

| BIL. | DAERAH | BILANGAN PEMBAYAR (ORANG) | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | 2017 | 2016 | 2015 | 2014 |
| 1 | Ibu Pejabat | 50,910 | 42,821 | 37,081 | 34,915 |
| 2 | Batu Gajah | 1,407 | 1,309 | 1,558 | 1,227 |
| 3 | Bagan Serai | 1,651 | 1,693 | 1,414 | 1,592 |
| 4 | Gerik | 743 | 734 | 625 | 763 |
| 5 | Kampung Gajah | 1,160 | 1,108 | 861 | 1,092 |
| 6 | Kuala Kangsar | 2,654 | 2,459 | 2,208 | 2,324 |
| 7 | Kampar | 813 | 855 | 706 | 650 |
| 8 | Lenggong | 375 | 369 | 290 | 339 |
| 9 | Manjung | 3,847 | 3,867 | 3,220 | 3,191 |
| 10 | Parit Buntar | 1,839 | 1,875 | 1,918 | 1,828 |
| 11 | Pengkalan Hulu | 233 | 234 | 204 | 201 |
| 12 | Selama | 609 | 458 | 421 | 476 |
| 13 | Seri Iskandar | 1,892 | 1,894 | 1,699 | 1,610 |
| 14 | Muallim | 1,124 | 995 | 929 | 892 |
| 15 | Taiping | 4,094 | 4,137 | 3,809 | 3,671 |
| 16 | Teluk Intan | 3,345 | 3,213 | 2,731 | 2,809 |
| 17 | Tapah | 1,545 | 1,566 | 1,581 | 1,534 |
| 18 | UTC | 3,200 | 3,128 | 2,621 | 2,151 |
| | **JUMLAH** | **81,441** | **72,715** | **63,876** | **61,265** |

## JUMLAH DAN BILANGAN PEMBAYAR MELALUI POTONGAN ZAKAT BERJADUAL (EPZB)

| TAHUN | 2017 | 2016 | 2015 | 2014 |
|---|---|---|---|---|
| JUMLAH (RM) | 36,146,408.94 | 30,058,050.94 | 27,432,815.27 | 23,126,225.34 |
| BILANGAN (ORANG) | 26,659 | 22,134 | 19,189 | 17,513 |

## AGIHAN ZAKAT MENGIKUT ASNAF



## AGIHAN ZAKAT MENGIKUT PROGRAM PEMBANGUNAN



## PENDAPATAN SUMBER AM BAGI TAHUN 2017

| BIL | BUTIRAN | JUMLAH (RM) |
|---|---|---|
| 1 | SEWAAN HARTANAH | 2,289,928 |
| 2 | BAITULMAL AM | 7,342,178 |
| 3 | KEUNTUNGAN PELABURAN | 3,545,024 |
| 4 | HASIL FARAID | 503,747 |
| 5 | PELBAGAI PENDAPATAN | 887,541 |
| 6 | PENDAPATAN TERTUNDA | 181,025 |
| | **JUMLAH KESELURUHAN** | **14,749,443** |

| TAHUN | PENDAPATAN |
|---|---|
| 2014 | 9,851,167 |
| 2015 | 15,228,614 |
| 2016 | 13,266,290 |
| 2017 | 14,749,443 |



## PERBELANJAAN SUMBER AM BAGI TAHUN 2017

| BIL | BUTIRAN | JUMLAH (RM) |
|---|---|---|
| 1 | EMOLUMEN | 3,012,885 |
| 2 | BEKALAN DAN PERKHIDMATAN | 3,960,638 |
| 3 | PEMBANGUNAN UMMAH | 1,203,574 |
| 4 | PERBELANJAAN LAIN | 2,065,024 |
| 5 | SUSUT NILAI | 144,603 |
| | **JUMLAH KESELURUHAN** | **10,386,724** |

| TAHUN | PERBELANJAAN |
|---|---|
| 2014 | 7,031,758 |
| 2015 | 9,027,281 |
| 2016 | 8,878,679 |
| 2017 | 10,386,724 |






# Laporan Kewangan

- Penyata Kedudukan Kewangan Pada 31 Disember 2017
- Penyata Prestasi Kewangan Zakat Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2017
- Penyata Prestasi Kewangan Sumber Am Baitulmal Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2017
- Penyata Perubahan Dana Bersih Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2017
- Penyata Aliran Tunai Disatukan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2017
- Nota-Nota Kepada Penyata-Penyata Kewangan Disatukan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2017
- Laporan Ketua Audit Negara

# MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK DARUL RIDZUAN

[Ditubuhkan di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004]

## PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2017

| | | KUMPULAN | | MAJLIS | |
|---|---|---|---|---|---|
| | Nota | 2017 | 2016 | 2017 | 2016 |
| | | RM | RM | RM | RM |
| **ASET** | | | | | |
| **Aset bukan semasa** | | | | | |
| Hartanah, loji dan peralatan | 3 | 94,189,721 | 92,741,837 | 4,365,558 | 1,029,010 |
| Hartanah pelaburan | 4 | 68,450,406 | 67,504,725 | 68,450,406 | 67,504,725 |
| Aset dalam kemajuan | 5 | 65,283,637 | 56,760,575 | 4,512,071 | 3,620,524 |
| Pelaburan dalam subsidiari | 6 | - | - | 20,000,000 | 20,000,000 |
| Pelaburan saham | 7 | 11,510,531 | 31,025,768 | 1,573,520 | 4,714,270 |
| Pelaburan sekuriti lain | 8 | 14,992,829 | 22,375,591 | 14,992,829 | 22,375,591 |
| Pembayaran balik cukai | | - | 348,736 | - | - |
| Aset cukai tertunda | | 1,172,170 | - | - | - |
| **Jumlah aset bukan semasa** | | 255,599,294 | 270,757,232 | 113,894,384 | 119,244,120 |
| **Aset semasa** | | | | | |
| Inventori | 9 | 472,112 | 293,483 | - | - |
| Penghutang | 10 | 4,960,555 | 4,939,258 | 1,095,583 | 1,477,263 |
| Pelbagai penghutang | 11 | 15,882,842 | 14,315,742 | 1,350,312 | 1,830,190 |
| Deposit dengan institusi kewangan berlesen | 12 | 184,033,299 | 120,234,484 | 151,400,000 | 101,900,000 |
| Wang tunai di tangan dan di bank | 13 | 16,778,753 | 48,153,863 | 10,866,492 | 43,676,455 |
| **Jumlah aset semasa** | | 222,127,561 | 187,936,830 | 164,712,387 | 148,883,908 |
| **JUMLAH ASET** | | 477,726,855 | 458,694,062 | 278,606,771 | 268,128,028 |

Nota-nota dinyatakan pada muka surat 63 hingga 85 merupakan sebahagian penting penyata kewangan ini.

# MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK DARUL RIDZUAN
[Ditubuhkan di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004]

## PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2017 (SAMBUNGAN)

| | | KUMPULAN | | MAJLIS | |
|---|---|---|---|---|---|
| | Nota | 2017<br>RM | 2016<br>RM | 2017<br>RM | 2016<br>RM |
| **DANA DAN LIABILITI** | | | | | |
| **DANA** | | | | | |
| Kumpulan wang Baitulmal dan rizab | 14 | 419,108,918 | 401,542,879 | 238,767,011 | 230,700,458 |
| **Jumlah dana** | | 419,108,918 | 401,542,879 | 238,767,011 | 230,700,458 |
| **LIABILITI** | | | | | |
| **Liabiliti bukan semasa** | | | | | |
| Pinjaman jangka panjang | 15 | 16,621,606 | 18,187,182 | 16,621,606 | 18,187,182 |
| Liabiliti cukai tertunda | | - | 968,598 | - | - |
| **Jumlah liabiliti bukan semasa** | | 16,621,606 | 19,155,780 | 16,621,606 | 18,187,182 |
| **Liabiliti semasa** | | | | | |
| Pinjaman jangka pendek | 15 | 1,565,576 | 1,522,603 | 1,565,576 | 1,522,603 |
| Pemiutang | 16 | 23,827,898 | 13,257,184 | 20,966,155 | 11,763,067 |
| Pelbagai pemiutang | 17 | 16,602,857 | 23,215,616 | 686,423 | 2,813,118 |
| Jumlah terhutang kepada subsidiari | | - | - | - | 3,141,600 |
| **Jumlah liabiliti semasa** | | 41,996,331 | 37,995,403 | 23,218,154 | 19,240,388 |
| **JUMLAH DANA DAN LIABILITI** | | 477,726,855 | 458,694,062 | 278,606,771 | 268,128,028 |

Nota-nota dinyatakan pada muka surat 63 hingga 85 merupakan sebahagian penting penyata kewangan ini.

# MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK DARUL RIDZUAN

[Ditubuhkan di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004]

## PENYATA PRESTASI KEWANGAN ZAKAT BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

| | Nota | 2017 RM | 2016 RM |
|---|---|---|---|
| **KUTIPAN ZAKAT** | | | |
| Zakat Fitrah | | 8,565,235 | 8,435,617 |
| Zakat Harta | | 96,898,109 | 83,866,583 |
| Zakat Perniagaan | | 58,167,340 | 51,655,199 |
| Zakat Tanaman | | 2,588,325 | 1,042,019 |
| Keuntungan bank dan pendapatan lain | | 4,585,544 | 6,185,551 |
| **Jumlah kutipan zakat kasar** | | 170,804,553 | 151,184,969 |
| Tolak: Pemulangan semula wang zakat | 18 | (18,012,287) | (7,779,553) |
| **Jumlah kutipan zakat bersih** | | 152,792,266 | 143,405,416 |
| **AGIHAN ASNAF** | | | |
| Amil | 19 | 21,891,041 | 19,697,886 |
| Fakir dan Miskin | | 86,884,227 | 80,703,122 |
| Muallaf | | 6,779,350 | 4,486,061 |
| Ghorimin | | 1,230,517 | 693,315 |
| Ibnu Sabil | | 664,631 | 656,498 |
| Fisabilillah | 20 | 33,441,935 | 29,815,779 |
| **Jumlah agihan zakat** | | 150,891,701 | 136,052,661 |
| **Lebihan dana zakat dalam tahun** | | 1,900,565 | 7,352,755 |

Nota-nota dinyatakan pada muka surat 63 hingga 85 merupakan sebahagian penting penyata kewangan ini.

# MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK DARUL RIDZUAN
[Ditubuhkan di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004]

## PENYATA PRESTASI KEWANGAN SUMBER AM BAITULMAL
## BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

| | | KUMPULAN | | MAJLIS | |
|---|---|---|---|---|---|
| | Nota | 2017 | 2016 | 2017 | 2016 |
| | | RM | RM | RM | RM |
| Pendapatan | 21 | 61,054,951 | 47,266,709 | 13,680,877 | 12,548,290 |
| Kos operasi | | (27,422,401) | (23,535,615) | - | - |
| **Lebihan pendapatan kasar** | | 33,632,550 | 23,731,094 | 13,680,877 | 12,548,290 |
| Pendapatan-pendapatan lain | 22 | 6,199,125 | 13,575,577 | 1,068,566 | 717,999 |
| Perbelanjaan pentadbiran | 23 | (20,622,846) | (25,116,194) | (10,386,724) | ( 8,878,679) |
| **Lebihan pendapatan sebelum cukai dan zakat** | | 19,208,829 | 12,190,477 | 4,362,719 | 4,387,610 |
| Cukai | | (85,740) | (2,042,128) | - | - |
| Zakat | | (78,000) | (1,050,000) | - | - |
| **Lebihan pendapatan bagi tahun semasa** | | 19,045,089 | 9,098,349 | 4,362,719 | 4,387,610 |

Nota-nota dinyatakan pada muka surat 63 hingga 85 merupakan sebahagian penting penyata kewangan ini.

# MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK DARUL RIDZUAN
[Ditubuhkan di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004]

## PENYATA PERUBAHAN DANA BERSIH BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

**KUMPULAN**

| | Boleh diagih | Tidak boleh diagih | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | Kumpulan Wang Baitulmal RM | Sumbangan Kerajaan RM | Tabung Pembiayaan Kakitangan RM | Rizab Lain RM | Jumlah RM |
| Baki pada 1 Januari 2016 | 155,329,267 | 2,485,955 | 300,000 | 142,313,780 | 300,429,002 |
| Lebihan pendapatan | 21,174,975 | - | - | - | 21,174,975 |
| Pelunasan | - | (184,323) | - | - | (184,323) |
| Perubahan dalam rizab | - | - | - | 68,062,243 | 68,062,243 |
| Pelarasan tahun lalu | 12,060,982 | - | - | - | 12,060,982 |
| **Baki pada 31 Disember 2016** | 188,565,224 | 2,301,632 | 300,000 | 210,376,023 | 401,542,879 |
| Baki pada 1 Januari 2017 | 188,565,224 | 2,301,632 | 300,000 | 210,376,023 | 401,542,879 |
| Lebihan pendapatan | 18,239,969 | - | - | - | 18,239,969 |
| Penambahan | - | - | 50,000 | - | 50,000 |
| Pelunasan | - | (184,323) | - | - | (184,323) |
| Perubahan dalam rizab | - | - | - | (270,324) | (270,324) |
| Pelarasan tahun lalu | (269,283) | - | - | - | (269,283) |
| **Baki pada 31 Disember 2017** | 206,535,910 | 2,117,309 | 350,000 | 210,105,699 | 419,108,918 |

Nota-nota dinyatakan pada muka surat 63 hingga 85 merupakan sebahagian penting penyata kewangan ini.

# MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK DARUL RIDZUAN
[Ditubuhkan di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004]

## PENYATA PERUBAHAN DANA BERSIH BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017 (SAMBUNGAN)

### MAJLIS

| | Boleh diagih | Tidak boleh diagih | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | Kumpulan Wang Baitulmal RM [Nota 24] | Sumbangan Kerajaan RM [Nota 25] | Tabung Pembiayaan Kakitangan RM [Nota 26] | Rizab Modal RM [Nota 27] | Jumlah RM |
| Baki pada 1 Januari 2016 | 150,585,291 | 2,485,955 | 300,000 | 49,844,722 | 203,215,968 |
| Lebihan pendapatan | 16,464,236 | - | - | - | 16,464,236 |
| Pelunasan | - | (184,323) | - | - | (184,323) |
| Perubahan dalam rizab | - | - | - | (856,405) | (856,405) |
| Pelarasan tahun lalu | 12,060,982 | - | - | - | 12,060,982 |
| **Baki pada 31 Disember 2016** | 179,110,509 | 2,301,632 | 300,000 | 48,988,317 | 230,700,458 |
| Baki pada 1 Januari 2017 | 179,110,509 | 2,301,632 | 300,000 | 48,988,317 | 230,700,458 |
| Lebihan pendapatan | 6,443,285 | - | - | - | 6,443,285 |
| Penambahan | - | - | 50,000 | - | 50,000 |
| Pelunasan | - | (184,323) | - | - | (184,323) |
| Perubahan dalam rizab | - | - | - | (261,828) | (261,828) |
| Pelarasan tahun lalu | 2,019,419 | - | - | - | 2,019,419 |
| **Baki pada 31 Disember 2017** | 187,573,213 | 2,117,309 | 350,000 | 48,726,489 | 238,767,011 |

### KUMPULAN WANG BAITULMAL TERDIRI DARIPADA:

| | 2017 RM | 2016 RM |
|---|---|---|
| Zakat | 119,490,584 | 116,190,497 |
| Wakaf | 8,274,155 | 6,007,774 |
| Sumber Am | 33,546,796 | 28,564,180 |
| Amanah | 26,261,678 | 28,348,058 |
| | 187,573,213 | 179,110,509 |

Nota-nota dinyatakan pada muka surat 63 hingga 85 merupakan sebahagian penting penyata kewangan ini.

# MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK DARUL RIDZUAN
[Ditubuhkan di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004]

## PENYATA ALIRAN TUNAI DISATUKAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

| | Nota | KUMPULAN | | MAJLIS | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | 2017 | 2016 | 2017 | 2016 |
| | | RM | RM | RM | RM |
| **ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI-AKTIVITI OPERASI** | | | | | |
| Lebihan/(Kurangan) pendapatan sebelum cukai – | | | | | |
| Zakat | | 1,900,565 | 7,352,755 | 1,900,565 | 7,352,755 |
| Wakaf | | 2,266,381 | 1,721,967 | 2,266,381 | 1,721,967 |
| Sumber Am | | 19,181,041 | 11,140,477 | 4,362,719 | 4,387,610 |
| Amanah | | (2,086,380) | 3,001,904 | (2,086,380) | 3,001,904 |
| | | 21,261,607 | 23,217,103 | 6,443,285 | 16,464,236 |
| Pelarasan untuk: | | | | | |
| Susut nilai hartanah, loji dan peralatan | | 3,801,566 | 2,998,756 | 1,097,839 | 489,463 |
| Hapus kira hartanah, loji dan peralatan | | 42,185 | 32,779 | 42,185 | - |
| Pelarasan tahun lalu | | 19,419 | 12,060,982 | 2,019,419 | 12,060,982 |
| Pelunasan ke atas sumbangan kerajaan | | (184,323) | (184,323) | (184,323) | (184,323) |
| Bayaran keuntungan atas pembiayaan kerajaan | | 784,976 | 826,408 | 784,976 | 826,408 |
| Keuntungan atas pelaburan saham, sekuriti lain dan penempatan deposit dengan institusi kewangan berlesen | | (9,755,618) | (10,728,883) | (7,936,931) | (12,728,883) |
| Hibah bank | | (1,181,880) | (1,117,249) | (266,476) | (322,167) |
| Keuntungan daripada pelupusan hartanah, loji dan peralatan | | (628,711) | - | (619,441) | - |
| Keuntungan daripada pelupusan perbelanjaan kemajuan tanaman | | - | (174,470) | - | - |
| Pelunasan perbelanjaan kemajuan tanaman | | 1,238,314 | 1,236,768 | - | - |
| Peruntukan hutang ragu | | 418,076 | (429,835) | 380,632 | - |
| Reklasifikasi tanah pajakan | | - | (3,500,000) | - | - |
| Peruntukan hutang ragu tidak diperlukan | | - | (115,442) | - | - |
| **Lebihan pendapatan operasi sebelum perubahan modal kerja** | | 15,815,611 | 24,122,594 | 1,761,165 | 16,605,716 |

Nota-nota dinyatakan pada muka surat 63 hingga 85 merupakan sebahagian penting penyata kewangan ini.

# MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK DARUL RIDZUAN
[Ditubuhkan di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004]

## PENYATA ALIRAN TUNAI DISATUKAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017 (SAMBUNGAN)

| | | KUMPULAN | | MAJLIS | |
|---|---|---|---|---|---|
| | Nota | 2017 | 2016 | 2017 | 2016 |
| | | RM | RM | RM | RM |
| Perubahan modal kerja – | | | | | |
| Perubahan dalam inventori | | (178,629) | 49,822 | - | - |
| Perubahan dalam penghutang | | (405,254) | (802,824) | 22,661 | 107,017 |
| Perubahan dalam pelbagai penghutang | | (3,177,261) | (1,767,188) | 458,265 | (692,163) |
| Perubahan dalam pemiutang | | 10,307,101 | (6,943,792) | 9,203,088 | (7,017,915) |
| Perubahan dalam pelbagai pemiutang | | (4,716,174) | (4,685,622) | (2,126,695) | 78,014 |
| **Tunai daripada aktiviti-aktiviti operasi** | | 17,645,394 | 9,972,990 | 9,318,484 | 9,080,669 |
| Cukai dibayar | | (2,204,111) | (2,042,128) | - | - |
| Zakat dibayar | | (78,000) | - | - | - |
| Perbelanjaan kemajuan tanaman | | (8,837,677) | (7,036,005) | - | - |
| **Tunai bersih daripada aktiviti-aktiviti operasi** | | 6,525,606 | 894,857 | 9,318,484 | 9,080,669 |
| **ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI-AKTIVITI PELABURAN** | | | | | |
| Perolehan hartanah, loji dan peralatan | A | (2,991,616) | (1,304,604) | (2,144,401) | (464,609) |
| Perolehan hartanah pelaburan | | (161,319) | (1,253,000) | (161,319) | (1,253,000) |
| Perolehan aset dalam kemajuan | | (4,164,908) | (3,679,169) | (4,164,908) | (3,620,524) |
| Terimaan daripada penempatan pelaburan | | 18,193,174 | - | - | - |
| Terimaan daripada pelaburan saham, sekuriti lain dan penempatan deposit dengan institusi kewangan berlesen | | 15,574,756 | 38,269,111 | 15,574,756 | 38,269,111 |
| Terimaan daripada pelupusan hartanah, loji dan peralatan | | 523,711 | 32,779 | 514,441 | - |
| Hasil daripada pelupusan perbelanjaan kemajuan tanaman | | - | 174,470 | - | - |
| Terimaan dividen daripada subsidiari | | - | - | 2,885,687 | 2,000,000 |
| Hibah bank | | 1,181,880 | 1,117,249 | 266,476 | 322,167 |
| **Tunai bersih daripada aktiviti-aktiviti pelaburan** | | 28,155,678 | 33,356,836 | 12,770,732 | 35,253,145 |
| **ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI-AKTIVITI PEMBIAYAAN** | | | | | |
| Penambahan dana pusingan Tabung Pembiayaan Kakitangan | | 50,000 | - | 50,000 | - |
| Bayaran balik pembiayaan jangka panjang | | (2,307,579) | (2,307,579) | (2,307,579) | (2,307,579) |
| Bayaran balik pembiayaan oleh subsidiari | | - | - | (3,141,600) | - |
| **Tunai bersih digunakan dalam aktiviti-aktiviti pembiayaan** | | (2,257,579) | (2,307,579) | (5,399,179) | (2,307,579) |

Nota-nota dinyatakan pada muka surat 63 hingga 85 merupakan sebahagian penting penyata kewangan ini.

## PENYATA ALIRAN TUNAI DISATUKAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017 (SAMBUNGAN)

| | Nota | KUMPULAN | | MAJLIS | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | 2017 | 2016 | 2017 | 2016 |
| | | RM | RM | RM | RM |
| Kenaikan bersih dalam tunai dan kesetaraan tunai | | 32,423,705 | 31,944,114 | 16,690,037 | 42,026,235 |
| Tunai dan kesetaraan tunai pada 1 Januari | | 168,388,347 | 136,444,233 | 145,576,455 | 103,550,220 |
| Tunai dan kesetaraan tunai pada 31 Disember | B | 200,812,052 | 168,388,347 | 162,266,492 | 145,576,455 |

### A. PEROLEHAN HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

Dalam tahun kewangan semasa, Kumpulan dan Majlis membuat perolehan hartanah, loji dan peralatan dengan kos agregat masing-masing berjumlah RM3,641,981 (2016: RM1,304,604) dan RM2,125,104 (2016 : RM464,609). Kesemua perolehan tersebut dibuat secara tunai.

### B. TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI

Tunai dan kesetaraan tunai yang termasuk di dalam penyata aliran tunai mengandungi amaun-amaun penyata kedudukan kewangan seperti berikut –

| | KUMPULAN | | MAJLIS | |
|---|---|---|---|---|
| | 2017 | 2016 | 2017 | 2016 |
| | RM | RM | RM | RM |
| Wang tunai di tangan dan di bank | 16,778,753 | 48,153,863 | 10,866,492 | 43,676,455 |
| Deposit dengan institusi kewangan berlesen | 184,033,299 | 120,234,484 | 151,400,000 | 101,900,000 |
| | 200,812,052 | 168,388,347 | 162,266,492 | 145,576,455 |

Nota-nota dinyatakan pada muka surat 63 hingga 85 merupakan sebahagian penting penyata kewangan ini.

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA-PENYATA KEWANGAN DISATUKAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

### 1. MAKLUMAT KORPORAT

Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak ('Majlis') merupakan sebuah badan berkanun kerajaan yang bertanggungjawab dalam menggalakkan, mendorong, membantu dan mengusahakan kemajuan ekonomi dan sosial masyarakat Islam di dalam Negeri Perak Darul Ridzuan, berlandaskan Al-Quran dan As-Sunnah. Manakala, aktiviti utama syarikat subsidiari dihuraikan dalam Nota 6 kepada penyata-penyata kewangan ini.

Majlis dan syarikat susidiarinya disebut sebagai 'Kumpulan'. Tiada sebarang perubahan yang ketara dalam jenis-jenis aktiviti semasa Kumpulan dalam tahun kewangan ini.

Majlis diperbadankan di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004, berdomisil di Malaysia dan berfungsi sebagai pihak berkuasa utama selepas Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan, dalam semua perkara yang berkaitan dengan pentadbiran Agama Islam di dalam Negeri Perak Darul Ridzuan, kecuali perkara-perkara yang berkaitan dengan Hukum Syarak dan pentadbiran keadilan.

Ibu Pejabat Majlis terletak di Tingkat 1, Kompleks Islam Darul Ridzuan, Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab, 30000 Ipoh, Perak, Malaysia.

### 2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING

Melainkan dinyatakan sebaliknya, dasar-dasar perakaunan penting yang dinyatakan seperti berikut telah digunakan secara konsisten dalam penyediaan penyata-penyata kewangan Majlis.

**a. Asas penyediaan**

i. Penyata-penyata kewangan Majlis telah disediakan berdasarkan Piawaian Perakaunan Diterima Umum di Malaysia dan pematuhan kepada kehendak Hukum Syarak, dengan mengambil kira dasar-dasar perakaunan yang tersurat di dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004, peraturan-peraturan kewangan bagi organisasi dan jabatan kerajaan, setakat yang diterima pakai. Pada lazimnya, organisasi dan jabatan kerajaan menyediakan penyata-penyata kewangan masing-masing berdasarkan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia *(Malaysian Public Sector Accounting Standards)* atau ringkasnya MPSAS. Bagaimanapun, dalam menyediakan penyata-penyata kewangannya, Majlis akan hanya mematuhi piawaian itu setakat yang, pada pendapat Majlis, adalah wajar, dengan mengambil kira matlamat, fungsi dan ciri-ciri khusus yang ada pada pengurusan dan pentadbiran Majlis. Dengan mengambil kira peranan dan tanggungjawab sebagai pihak berkuasa agama yang utama di Negeri Perak Darul Ridzuan, Majlis berpendapat, penyediaan penyata-penyata kewangannya wajar berbeza daripada MPSAS dalam beberapa aspek.

ii. Tertakluk kepada asas penyediaan yang dinyatakan pada para 2.a.i. di atas, Majlis telah beralih kepada pemakaian MPSAS dalam tahun kewangan semasa, dengan menumpukan kepada MPSAS 1 sahaja. Pemakaian sepenuhnya MPSAS akan dibuat secara berperingkat-peringkat mulai tahun kewangan hadapan berdasarkan ketetapan yang telah diputuskan oleh Persidangan Majlis.

iii. Penyediaan penyata-penyata kewangan yang dinyatakan pada para 2.a.i. di atas, menghendaki pihak pengurusan membuat pertimbangan, anggaran dan andaian berdasarkan maklumat yang ada, yang berkemungkinan memberi kesan kepada amaun aset dan liabiliti yang dilaporkan serta amaun pendapatan dan perbelanjaan yang dilaporkan pada tahun kewangan. Walaupun, pertimbangan dan andaian tersebut dibuat berasaskan pengetahuan terbaik pihak pengurusan mengenai peristiwa dan tindakan semasa, keputusan sebenar yang dicapai mungkin berbeza.

iv. Penyata-penyata kewangan syarikat subsidiari pula telah disediakan berdasarkan peruntukan-peruntukan Akta Syarikat 2016 dan Piawaian Laporan Kewangan Malaysia (*Malaysian Financial Reporting Standards* atau ringkasnya MFRS).

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA-PENYATA KEWANGAN DISATUKAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017 (SAMBUNGAN)

### 2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

**a. Asas penyediaan (sambungan)**

v. Angka-angka perbandingan di dalam penyata-penyata kewangan Majlis bagi tahun sebelumnya diklasifikasi semula, mengikut mana yang berkenaan, supaya selaras dengan pembentangan tahun semasa.

**b. Asas pengukuran dan perakaunan**

Penyata-penyata kewangan ini telah disediakan mengikut asas akruan, menggunakan konvensyen kos sejarah, melainkan dinyatakan sebaliknya.

**c. Mata wang fungsian dan persembahan**

Penyata-penyata kewangan dipersembahkan dalam Ringgit Malaysia (RM), yang merupakan mata wang fungsian Kumpulan dan Majlis. Kesemua maklumat kewangan dipersembahkan dalam RM dan telah dibundarkan kepada ringgit terhampir, melainkan dinyatakan sebaliknya.

**d. Asas penyatuan**

**i. Syarikat subsidiari**

Syarikat subsidiari adalah entiti di mana Kumpulan mempunyai kawalan dan pengaruh dalam aspek kewangan dan polisi operasinya yang boleh dimanfaatkan secara terus untuk memperoleh faedah daripada semua aktivitinya. Secara umum, pegangan saham ke atas syarikat subsidiari diiringi lebih daripada separuh hak mengundi. Penyatuan syarikat subsidiari dibuat sepenuhnya pada tarikh di mana kawalan telah berpindah kepada kumpulan sehingga tarikh di mana kawalan ke atas syarikat subsidiari itu berhenti.

Pelaburan dalam syarikat subsidiari dikira pada kos setelah ditolak kerugian penjejasan terkumpul.

Dasar-dasar perakaunan syarikat subsidiari akan dipinda mengikut keperluan bagi memastikan ia konsisten dengan dasar-dasar yang diterima pakai oleh Kumpulan.

**ii. Kehilangan kawalan**

Apabila kawalan ke atas sesebuah syarikat subsidiari itu berhenti, Kumpulan akan mengiktiraf perbezaan antara perolehan ke atas pelupusan subsidiari dengan amaun bawaan pada tarikh pelupusan. Jika, Kumpulan masih memegang kepentingan ke atas bekas subsidiari itu, pelaburan tersebut dikira sebagai aset kewangan bermula daripada tarikh entiti berhenti daripada menjadi subsidiari, melainkan ia menjadi syarikat bersekutu atau entiti kawalan bersama. Amaun bawaan pelaburan pada tarikh entiti berhenti menjadi subsidiari dianggap sebagai kos pada permulaan pengiraan aset kewangan.

**iii. Penyingkiran urusniaga semasa penyatuan**

Dalam menyediakan penyata-penyata kewangan disatukan, semua urusniaga antara syarikat, baki-baki dan keuntungan tidak direalisasi serta urusniaga antara Majlis dan syarikat subsidiari, yang merupakan pihak saling berkaitan, disingkirkan sepenuhnya. Kerugian dalam Kumpulan juga disingkirkan tetapi berkemungkinan menunjukkan suatu penjejasan yang memerlukan pengiktirafan di dalam penyata- penyata kewangan Kumpulan.

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA-PENYATA KEWANGAN DISATUKAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017 (SAMBUNGAN)

### 2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

**e. Hartanah, loji dan peralatan**

**i. Pengiktirafan dan pengiraan**

Pada permulaan, item-item hartanah, loji dan peralatan yang diperoleh melalui urus niaga pertukaran dikira pada harga kos, manakala, item-item hartanah, loji dan peralatan yang diperoleh melalui urus niaga bukan pertukaran dikira pada nilai saksama pada tarikh perolehan. Kos atau nilai saksama sesuatu item hartanah, loji dan peralatan diiktiraf sebagai aset, jika, dan hanya jika, terdapat kemungkinan manfaat ekonomi masa hadapan dan potensi perkhidmatan berkaitan dengan aset tersebut akan mengalir masuk kepada Kumpulan serta kos dan nilai saksama aset tersebut dapat dinilai dengan munasabah. Kos termasuklah perbelanjaan langsung yang menjadi punca kepada perolehan aset serta kos-kos lain yang menjadi punca yang membawa aset itu kepada kondisi kerja mengikut kehendak kegunaannya, termasuk kos menanggal dan memindahkan item serta membaik pulih tapak di mana item itu berada. Kos aset dibina sendiri juga termasuk kos bahan dan upahan langsung. Selepas itu, item-item hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos atau nilai saksama setelah ditolak susut nilai terkumpul dan kerugian penjejasan terkumpul.

Item bernilai kurang daripada RM2,000.00 (Ringgit Malaysia Dua Ribu Sahaja) yang tidak memerlukan penyelenggaraan berjadual, atau mana-mana item di bawah kategori perabot, hamparan, hiasan, langsir dan pinggan mangkuk, tanpa mengira kos perolehan asal, tidak diiktiraf sebagai aset. Kos bagi item yang tidak diiktiraf sebagai aset akan diambil kira sebagai perbelanjaan dalam tahun ia diperoleh.

Perbelanjaan perolehan perisian komputer yang melengkapkan kefungsian peralatan komputer berkaitan dipermodalkan sebagai sebahagian asasi daripada peralatan berkenaan.

Apabila terdapat bahagian penting daripada hartanah, loji dan peralatan yang mempunyai jangka hayat yang berbeza, ia akan dikira sebagai item berasingan (komponen utama) di bawah hartanah, loji dan peralatan.

Untung atau rugi atas pelupusan mana-mana item hartanah, loji dan peralatan dikenal pasti dengan membandingkan terimaan daripada pelupusan dengan amaun bawaan hartanah, loji dan peralatan dan diiktiraf bersih masing-masing di dalam “pelbagai pendapatan” atau “perbelanjaan lain” di dalam Penyata Prestasi Kewangan.

Tanah pegangan kekal atau pegangan pajakan yang diperoleh melalui urus niaga pertukaran dikira pada harga kos, manakala, tanah pegangan kekal atau pegangan pajakan yang diperoleh melalui urus niaga bukan pertukaran dikira pada nilai saksama pada tarikh perolehan. Kos atau nilai saksama sesuatu tanah pegangan kekal atau pegangan pajakan diiktiraf sebagai aset, jika, dan hanya jika, terdapat kemungkinan manfaat ekonomi masa hadapan dan potensi perkhidmatan berkaitan dengan tanah tersebut akan mengalir masuk kepada Kumpulan dan kos atau nilai saksama tanah tersebut dapat dinilai dengan munasabah.

Penilaian semula tanah pegangan kekal atau pegangan pajakan hanya dibuat oleh Majlis apabila pihak pengurusan berpendapat, ianya akan dibangunkan atau dilupuskan dalam tempoh yang terdekat. Bagi Majlis, harga penilaian tanah adalah berdasarkan penilaian oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta, atau, oleh penilai-penilai bebas yang memegang kelayakan profesional yang diiktiraf, dan juga menerusi pengalaman terkini pihak pengurusan terhadap lokasi serta kategori tanah yang dinilai. Tanah pegangan warta tidak diiktiraf kerana hak milik yang tidak sempurna.

Sebarang kos pengubahsuaian ke atas mana-mana item hartanah, loji dan peralatan yang tidak mengubah struktur asal dianggap sebagai perbelanjaan penyelenggaraan dan tidak dipermodalkan sebagai aset.

Nilai perolehan hartanah, loji dan peralatan yang diperoleh melalui urus niaga bukan pertukaran diiktiraf sebagai hasil di dalam Penyata Prestasi Kewangan, melainkan, terdapat syarat-syarat mengenai penggunaan aset tersebut, yang memerlukannya diiktiraf di dalam liabiliti semasa.

## 2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

### e. Hartanah, loji dan peralatan (sambungan)

#### ii. Kos berikutan

Kos penggantian sesuatu komponen bagi sesuatu item hartanah, loji dan peralatan diiktiraf di dalam amaun bawaan item berkenaan jika sekiranya terdapat kemungkinan bahawa, komponen yang diganti itu dijangka memberikan peningkatan manfaat ekonomi pada masa hadapan yang akan mengalir masuk kepada Kumpulan dan kos tersebut dapat dinilai dengan munasabah. Amaun bawaan bagi komponen yang diganti itu akan dinyahiktiraf kepada untung atau rugi di dalam Penyata Prestasi Kewangan. Kesemua kos baik pulih dan penyelenggaraan harian yang lain dicajkan kepada Penyata Prestasi Kewangan dalam tahun kewangan ia berlaku.

#### iii. Susut nilai

Susut nilai diiktiraf di dalam Penyata Prestasi Kewangan mengikut kaedah garis lurus berdasarkan anggaran hayat penggunaan bagi setiap komponen bagi sesuatu item hartanah, loji dan peralatan bermula daripada tarikh ia sedia untuk digunakan.

Kumpulan tidak menyusutnilaikan tanah pegangan kekal kerana tiada batasan hayat kegunaan, manakala, tanah pegangan pajakan disusutnilaikan dalam tempoh pajakan yang masih tertinggal. Semua hartanah, loji dan peralatan lain disusunilaikan mengikut kadar tahunan seperti berikut:

| | Kadar Tahunan |
|---|---|
| Bangunan-bangunan kekal | 2% - 2.5% |
| Bangunan-bangunan sementara | 10% |
| Kenderaan | 20% |
| Loji dan peralatan | 10% |
| Perkakas dan alatan pejabat | 10% - 25% |

Sejak laporan terakhir dibuat, sekiranya ada petanda bahawa, terdapat perubahan yang ketara pada kadar susut nilai, hayat kegunaan atau nilai sisa sesuatu aset, maka, susut nilai bagi aset berkenaan akan dinilai semula dan diperlaraskan secara prospektif jika bersesuaian.

### f. Hartanah pelaburan

Hartanah pelaburan terdiri daripada tanah dan/atau bangunan yang dipegang bagi mendapatkan pulangan sewaan atau pajakan jangka panjang atau untuk kenaikan modal atau kedua-duanya dan tidak diduduki oleh Kumpulan. Ia tidak termasuk hartanah yang dipegang untuk tujuan strategik atau untuk menyediakan perkhidmatan sosial walaupun hartanah tersebut memberikan pulangan sewaan atau pajakan jangka panjang.

Pada permulaan, hartanah pelaburan yang diperoleh melalui urus niaga pertukaran dikira pada harga kos, manakala, hartanah pelaburan yang diperoleh melalui urus niaga bukan pertukaran dikira pada nilai saksama pada tarikh perolehan. Kos termasuklah perbelanjaan langsung yang menjadi punca kepada perolehan hartanah pelaburan tersebut. Kos hartanah pelaburan yang dibina sendiri adalah termasuk kos bahan dan upahan langsung serta kos-kos lain yang menjadi punca yang membawa hartanah pelaburan itu kepada kondisi kerja mengikut kehendak kegunaannya. Selepas itu, hartanah pelaburan diukur pada nilai wajar, dengan setiap perubahan di dalamnya akan diiktiraf di dalam untung atau rugi bagi tempoh ia ditimbulkan. Sekiranya, pengukuran nilai wajar yang boleh dipercayai tidak dapat diperolehi tanpa melibatkan kos atau usaha yang tidak wajar, item berkenaan diklasifikasi sebagai hartanah, loji dan peralatan dan diukur pada kos setelah ditolak susut nilai terkumpul dan apa-apa penjejasan terkumpul, sehingga pengukuran yang boleh dipercayai dapat diadakan.

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA-PENYATA KEWANGAN DISATUKAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017 (SAMBUNGAN)

### 2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

**f. Hartanah pelaburan (sambungan)**

Pada tarikh tersebut, amaun bawaan hartanah pelaburan berkenaan menjadi kos kepadanya. Untung atau rugi nilai wajar yang timbul daripada pengkelasan semula hartanah, loji dan peralatan kepada hartanah pelaburan diiktiraf di dalam Penyata Prestasi Kewangan.

Sesuatu hartanah pelaburan dinyahiktiraf apabila ia dilupuskan, atau ia tidak digunakan langsung dan dijangkakan tiada pulangan masa hadapan daripada pelupusan tersebut. Perbezaan di antara hasil pelupusan bersih dan nilai bawaan akan diiktiraf pada Penyata Prestasi Kewangan dalam tempoh ia dinyahiktiraf.

**g. Aset dalam kemajuan**

Aset dalam kemajuan dinyatakan pada kos ditolak kerugian penjejasan terkumpul, sekiranya wujud, dan tidak disusunilaikan. Kos termasuklah perbelanjaan langsung kerja-kerja pembinaan dan pembangunan aset-aset ketara dan tak ketara termasuklah kos-kos lain yang menjadi punca yang membawa aset-aset tersebut kepada kondisi kerja mengikut kehendak kegunaannya. Aset dalam kemajuan dipindahkan kepada hartanah, loji dan peralatan atau hartanah pelaburan atau aset tak ketara, mengikut mana yang bersesuaian, setelah Majlis menerima sijil akuan siap atau surat akuan penerimaan yang membuktikan ia telah sedia untuk digunakan.

**h. Aset Tak Ketara**

Aset tak ketara diiktiraf apabila terdapat kemungkinan, bahawa, manfaat ekonomi masa hadapan dan/atau potensi perkhidmatan berkaitan dengan aset tersebut akan mengalir masuk kepada Kumpulan dan kos atau nilai saksama aset tersebut boleh diukur dengan munasabah. Pada permulaan, aset tak ketara yang diperoleh melalui urus niaga pertukaran dikira pada harga kos, manakala, aset tak ketara yang diperolehi melalui urus niaga bukan pertukaran diukur berdasarkan nilai saksama pada tarikh perolehan. Selepas itu, aset tak ketara diukur pada kos ditolak pelunasan terkumpul dan kerugian penjejasan terkumpul, sekiranya ada. Kos yang berkaitan dengan aset tak ketara yang dibangunkan secara dalaman diambil kira sebagai perbelanjaan dalam tahun ia ditimbulkan.

Aset tak ketara dinilai sama ada tempoh hayat boleh gunanya terbatas ataupun tidak. Aset tak ketara dengan hayat tidak terbatas tidak dilunaskan tetapi perlu diuji untuk rosot nilai sekiranya terdapat sebarang petunjuk. Penilaian hayat tidak terbatas disemak semula setiap tahun bagi menentukan sama ada hayat tidak terbatas itu boleh dikekalkan ataupun tidak. Jika tidak, perubahan dalam hayat boleh guna daripada tidak terbatas kepada terbatas dilaksanakan secara prospektif.

Aset tak ketara dengan tempoh hayat yang terbatas dilunaskan mengikut kaedah garis lurus berdasarkan hayat boleh gunanya dan dinilai untuk rosot nilai apabila terdapat sebarang petunjuk. Perbelanjaan pelunasan ke atas aset tak ketara diiktiraf di dalam Penyata Prestasi Kewangan di bawah kategori perbelanjaan yang konsisten dengan fungsi aset tak ketara.

Sejak laporan terakhir dibuat, sekiranya ada petanda bahawa, terdapat perubahan yang ketara pada kadar pelunasan, hayat kegunaan atau nilai sisa sesuatu aset tak ketara, maka, pelunasan bagi aset berkenaan akan dinilai semula dan diperlaraskan secara prospektif jika bersesuaian.

Keuntungan atau kerugian daripada penyahiktirafan aset tak ketara ditentukan dengan mengukur perbezaan di antara nilai pelupusan bersih dan nilai bawaan aset tersebut serta diiktiraf di dalam Penyata Prestasi Kewangan apabila ia dinyahiktiraf.

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA-PENYATA KEWANGAN DISATUKAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017 (SAMBUNGAN)

## 2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

### i. Pelaburan

Pelaburan dinyatakan pada kos dan nilai pasaran ditentukan oleh asas agregat. Pelaburan dibuat dengan menggunakan dana Sumber Am Baitulmal termasuk pelaburan dalam syarikat subsidiari. Peruntukan bagi kerugian rosot nilai saham tidak disediakan kerana pihak pengurusan berpendapat, pelaburan yang dibuat adalah berisiko rendah, dan bersifat jangka panjang.

### j. Inventori

Inventori dinyatakan pada harga kos lebih rendah (dikenal pasti atas asas masuk dulu, keluar dulu) dan nilai penilaian bersih. Nilai penilaian bersih mewakili harga jualan yang dianggarkan di dalam proses perniagaan yang normal ditolak kos-kos jualan dan kos pengedaran dan kesemua kos-kos lain yang dianggarkan untuk menjual inventori.

Kos baja dan bahan gunaan, ubat dan peralatan perubatan adalah termasuk kos belian asal dicampur kos langsung yang dikenakan untuk membawa inventori-inventori tersebut ke lokasi dan berada dalam keadaan sekarang.

Pada setiap tarikh laporan, Kumpulan akan menilai sama ada terdapatnya inventori yang terjejas dengan membandingkan amaun bawaan setiap item inventori atau kumpulan item yang sama, dengan harga jualan setelah ditolak kos untuk menyiapkan dan menjualnya. Jika, sesuatu item inventori atau kumpulan item yang sama itu terjejas, Kumpulan akan mengurangkan amaun bawaan inventori atau kumpulan item yang sama tersebut kepada harga jualan setelah ditolak kos untuk menyiapkan dan menjualnya. Pengurangan tersebut merupakan kerugian penjejasan dan diiktiraf serta- merta di dalam untung atau rugi.

Sekiranya, tidak praktikal untuk mengenal pasti harga jualan setelah ditolak kos untuk menyiapkan dan menjual inventori berdasarkan item demi item, maka, item invetori yang berkaitan dengan barisan produk yang sama, yang mempunyai tujuan atau kegunaan akhir yang sama dan dikeluarkan serta dipasarkan pada kawasan geografi yang sama dikumpulkan secara bersekali bagi tujuan menilai penjejasan ke atas inventori.

### k. Tunai dan kesetaraan tunai

Tunai dan kesetaraan tunai mengandungi tunai di tangan dan di bank, deposit patuh Syariah dengan institusi kewangan berlesen dan pelaburan patuh Syariah berkecairan tinggi, mempunyai risiko perubahan nilai yang tidak ketara dan sedia untuk ditukar kepada amaun tunai yang diketahui.

### l. Penjejasan aset bukan kewangan

Amaun-amaun bawaan aset-aset bukan kewangan (contohnya hartanah, loji dan peralatan dan hartanah pelaburan) dikaji pada setiap akhir tempoh laporan untuk mengenal pasti sama ada wujud tanda-tanda penjejasan. Jika, wujud tanda-tanda tersebut, amaun boleh-peroleh-kembali bagi aset-aset berkenaan dianggarkan dan kemudian dibandingkan dengan amaun bawaan. Jika, amaun boleh-peroleh-kembali yang dianggarkan tersebut lebih rendah, maka, amaun bawaan akan dikurangkan kepada amaun boleh-peroleh-kembali seperti yang dianggarkan itu dan kerugian penjejasan diiktiraf serta-merta di dalam untung atau rugi.

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA-PENYATA KEWANGAN DISATUKAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017 (SAMBUNGAN)

### 2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

**m. Penghutang**

Penghutang telah dinyatakan pada nilai yang dijangka boleh direalisasikan. Anggaran untuk hutang ragu telah dibuat berdasarkan atas semakan semua amaun tertunggak pada akhir tahun kewangan. Peruntukan khusus dibuat untuk hutang ragu yang telah disemak secara individu dan dikenal pasti secara khusus sebagai hutang tidak berbayar.

**n. Pemiutang**

Pemiutang dinyatakan pada kos iaitu, pada nilai saksama yang dijangka akan dibayar pada masa hadapan bagi barangan dan perkhidmatan yang diterima.

**o. Peruntukan**

Peruntukan diiktiraf apabila Kumpulan mempunyai obligasi undang-undang atau obligasi semasa yang konstruktif akibat peristiwa lampau, apabila terdapat kemungkinan bahawa aliran keluar sumber yang mengandungi faedah ekonomi akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi tersebut, dan apabila anggaran yang tepat dapat dibuat terhadap jumlah tersebut. Peruntukan tidak diiktiraf untuk kerugian operasi masa hadapan. Jumlah yang diiktiraf sebagai peruntukan adalah anggaran terbaik perbelanjaan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi masa kini pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan. Peruntukan dikaji semula pada akhir setiap tahun pelaporan dan diselaraskan untuk menggambarkan anggaran semasa terbaik.

**p. Cukai**

Cukai pendapatan syarikat subsidiari ke atas keuntungan atau kerugian untuk tahun semasa merangkumi cukai semasa dan cukai tertunda. Cukai semasa ialah anggaran cukai pendapatan yang perlu dibayar untuk pendapatan boleh dicukai tahun semasa, dikira berdasarkan kadar cukai yang telah berkuat kuasa pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan.

Cukai tertunda diperuntukkan sepenuhnya menggunakan kaedah liabiliti bagi perbezaan sementara di antara asas-asas cukai bagi aset dan liabiliti serta nilai bawaan pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan. Pada dasarnya, liabiliti cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara boleh dicukai dan aset cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara boleh ditolak, elaun modal yang tidak diserap, kerugian cukai tidak diguna dan kredit cukai tidak diguna hingga ke tahap terdapat kemungkinan bahawa keuntungan boleh dicukai masa hadapan akan tersedia terhadap mana-mana perbezaan sementara boleh ditolak, elaun modal yang tidak diserap, kerugian cukai tidak diguna dan kredit cukai tidak diguna, yang boleh digunakan. Cukai tertunda tidak diiktiraf sekiranya ia wujud daripada pengiktirafan awal aset atau liabiliti dalam urus niaga selain kombinasi perniagaan yang pada masa tersebut, tidak memberi kesan terhadap keuntungan perakaunan ataupun keuntungan boleh dicukai. Cukai tertunda dikira pada kadar cukai yang dijangka akan terpakai dalam tempoh di mana aset direalis atau liabiliti diselesaikan, berdasarkan kadar cukai yang telah digubal atau digubal sebahagian besarnya pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan. Aset cukai tertunda diiktiraf hanya setakat mana ianya boleh digunakan ke atas keuntungan masa hadapan yang boleh dicukai. Aset cukai tertunda dikaji semula pada akhir setiap tarikh pelaporan dan dikurangkan sehingga ke tahap tiada lagi kemungkinan bahawa faedah cukai berkaitan akan direalisasikan.

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA-PENYATA KEWANGAN DISATUKAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017 (SAMBUNGAN)

### 2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

**q. Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST)**

Majlis tidak termasuk di bawah agensi yang dikecualikan GST berdasarkan Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014. Jumlah bersih GST ialah perbezaan di antara cukai input dan cukai output yang kena dibayar kepada atau boleh diterima daripada pihak berkuasa pada tarikh laporan, termasuk di dalam penghutang dan pemiutang di dalam Penyata Kedudukan Kewangan.

**r. Manfaat kakitangan**

**i. Manfaat jangka pendek**

Upah, gaji, bonus dan caruman kepada institusi keselamatan sosial dan bayaran manfaat kepada kakitangan kontrak diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tahun di mana perkhidmatan berkaitan diberikan oleh kakitangan Kumpulan. Pampasan ketidakhadiran terkumpul jangka pendek seperti cuti tahunan berbayar diiktiraf apabila perkhidmatan yang diberikan oleh kakitangan akan menambahkan hak untuk pampasan ketidakhadiran akan datang dan pampasan ketidakhadiran yang tidak terkumpul jangka pendek seperti cuti sakit dikira apabila ketidakhadiran berlaku.

**ii. Pelan caruman tetap**

Majlis membuat caruman secara tetap kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) bagi kakitangan bertaraf kontrak atau kakitangan bertaraf tetap yang tidak memilih skim perkhidmatan berpencen. Manakala, bagi kakitangan bertaraf tetap yang memilih skim perkhidmatan berpencen, caruman dibuat secara tetap kepada Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan).

Syarikat subsidiari membuat caruman secara tetap kepada KWSP dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) bagi kakitangannya, mengikut mana yang berkaitan.

Kesemua caruman tersebut dicaj ke dalam Penyata Prestasi Kewangan dalam tempoh kewangan ianya berlaku.

**iii. Manfaat selepas persaraan**

Pelan caruman terperinci ialah pelan persaraan yang mana Kumpulan mencarum secara tetap ke dalam entiti berasingan dan Kumpulan tiada kewajipan dari segi undang-undang atau kewajipan konstruktif untuk mencarum lagi sekiranya tabung tidak mempunyai aset yang cukup untuk membayar semua manfaat kakitangan yang berkaitan dengan perkhidmatan semasa dan sebelumnya. Caruman Kumpulan kepada pelan caruman terperinci iaitu, KWSP, PERKESO dan pelan caruman yang ditubuhkan oleh kerajaan iaitu, KWAP, diambil kira di dalam Penyata Prestasi Kewangan pada tempoh berkenaan. Apabila caruman dibayar, Kumpulan tidak mempunyai sebarang tanggungan lagi. Manfaat kakitangan selepas tamat tempoh perkhidmatan kontrak diiktiraf apabila kakitangan tersebut menamatkan perkhidmatannya.

Bagi kakitangan Majlis bertaraf tetap, sama ada memilih skim perkhidmatan berpencen ataupun tidak, yang telah sampai umur persaraan layak menerima manfaat berbentuk kewangan bagi menggantikan cuti rehat yang tidak diambil di sepanjang tempoh perkhidmatan mereka. Manfaat ini dinamakan sebagai Ganjaran Cuti Rehat (GCR) dikira berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan diterima pakai oleh Majlis.

## 2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

### r. Manfaat kakitangan (sambungan)

#### iii. Manfaat selepas persaraan (sambungan)

Manakala, bagi kakitangan Majlis bertaraf kontrak yang telah menamatkan perkhidmatan dengan memuaskan, layak menerima Ganjaran Tamat Kontrak yang dikira berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan diterima pakai oleh Majlis.

Majlis tidak mengklasifikasi GCR dan Ganjaran Tamat Kontrak sebagai liabiliti dan hanya dipersembahkan di dalam penyediaan bajet tahunan. Pembayaran dibuat berdasarkan perbelanjaan sebenar dan diambil kira di dalam Penyata Prestasi Kewangan dalam tempoh kewangan ianya berlaku. Amalan ini tidak konsisten dengan piawaian yang diperuntukkan dalam MPSAS dan Majlis memilih untuk menyimpang daripada piawaian tersebut berdasarkan penjelasan pada para 2.a.i. di atas.

### s. Pengiktirafan hasil

Hasil diiktiraf hingga ke tahap di mana wujudnya kemungkinan manfaat ekonomi, berkaitan dengan sesuatu urus niaga pertukaran atau urus niaga bukan pertukaran, dan potensi perkhidmatan akan mengalir kepada Kumpulan dan Majlis, dan hasil tersebut boleh dianggarkan dengan munasabah. Hasil dinilai pada nilai wajar balasan diterima menggunakan asas akruan, melainkan apabila akruan tersebut tidak boleh ditentukan dengan tahap kepastian yang munasabah atau apabila penganggarannya tidak praktikal. Hasil yang tidak boleh diakrukan, diiktiraf berasaskan tunai yang diterima pada tarikh urus niaga.

Aliran masuk urus niaga bukan pertukaran yang diiktiraf sebagai aset, diiktiraf sebagai hasil setakat mana obligasi dan/atau sekatan yang menyentuh aset tersebut diselesaikan. Sekiranya tidak selesai, aliran masuk tersebut diiktiraf sebagai tertunda dan diklasifikasikan sebagai liabiliti di dalam Penyata Kedudukan Kewangan sehingga ia diselesaikan. Sekiranya obligasi dan/atau sekatan yang menyentuh aset tersebut selesai, amaun bawaan liabiliti dinyahiktiraf dan amaun yang sama diiktiraf sebagai hasil.

### t. Pendapatan tertunda

Pendapatan tertunda merupakan sumbangan Kerajaan Negeri Perak atau Kerajaan Persekutuan yang berkaitan dengan perolehan hartanah, loji dan peralatan. Pendapatan diiktiraf atas dasar garis lurus sepanjang tempoh hayat kegunaan aset berkenaan.

### u. Aset dan liabiliti luar jangka

Kumpulan tidak mengiktiraf liabiliti luar jangka tetapi mendedahkan kewujudannya di dalam Penyata-penyata Kewangan. Liabiliti luar jangka merupakan jangkaan obligasi disebabkan peristiwa lalu dan kewujudannya boleh disahkan sekiranya berlaku satu atau lebih peristiwa masa hadapan yang tidak pasti dan di luar kawalan Kumpulan atau obligasi semasa yang tidak diiktiraf kerana ianya tidak dijangka dan akan menyebabkan aliran keluar sumber-sumber yang diperlukan bagi menyelesaikan obligasi tersebut.

Liabiliti luar jangka juga wujud bagi kes-kes yang jarang berlaku di mana liabiliti tidak boleh diiktiraf kerana ianya tidak dapat diukur secara munasabah.

Aset luar jangka merupakan aset disebabkan peristiwa lalu dan kewujudannya akan disahkan, sekiranya berlaku satu atau lebih peristiwa masa hadapan yang tidak pasti dan di luar kawalan Kumpulan. Kumpulan tidak akan mengiktiraf aset luar jangka tetapi mendedahkan kewujudannya apabila pengaliran masuk manfaat ekonomi adalah berkemungkinan tetapi tidak pasti.

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA-PENYATA KEWANGAN DISATUKAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017 (SAMBUNGAN)

## 2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

### v. Pengkelasan semasa dan bukan semasa

Kumpulan dan Majlis mempersembahkan kesemua aset dan liabiliti di dalam Penyata Kedudukan Kewangan berdasarkan pengkelasan berikut –

Sesuatu aset dikelaskan sebagai semasa jika ia:

i. dijangka untuk direalisasi atau ingin dijual atau digunakan dalam kitaran operasi yang normal;
ii. dipegang terutamanya untuk tujuan niaga;
iii. dijangka untuk direalisasi dalam tempoh 12 bulan selepas tarikh pelaporan, atau
iv. tunai dan kesetaraan tunai, melainkan ia tidak boleh ditukarkan atau digunakan untuk menyelesaikan liabiliti selama tempoh sekurang-kurangnya 12 bulan
v. selepas tarikh pelaporan.

Kesemua aset yang lain dikelaskan sebagai bukan semasa.

Sesuatu liabiliti dikelaskan sebagai semasa jika ia:

i. dijangka untuk diselesaikan dalam kitaran operasi yang normal; (ii) dipegang terutamanya untuk tujuan niaga;
ii. genap masa untuk diselesaikan dalam lingkungan 12 bulan selepas tempoh
iii. pelaporan; atau
iv. tiada hak tanpa syarat untuk menangguhkan penyelesaian liabiliti untuk tempoh sekurang-kurangnya 12 bulan selepas tarikh pelaporan.

Kesemua liabiliti yang lain dikelaskan sebagai bukan semasa.

Aset dan liabiliti cukai tertunda diklasifikasikan sebagai bukan semasa.

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA-PENYATA KEWANGAN DISATUKAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017 (SAMBUNGAN)

### 3. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

| KUMPULAN 2017 | Nota | Tanah dan Bangunan RM | Peralatan dan Kenderaan RM | Aset tak ketara RM | Jumlah RM |
|---|---|---|---|---|---|
| **Kos** | | | | | |
| Pada 1 Januari 2017 | | 86,636,550 | 25,489,326 | - | 112,125,876 |
| Tambahan | | 2,387,552 | 1,999,999 | 1,241,080 | 5,628,631 |
| Pindahan | | 1,610 | - | - | 1,610 |
| Pelupusan | | - | (1,295,964) | - | (1,295,964) |
| Pindahan daripada hartanah pelaburan | | 322,560 | - | - | 322,560 |
| Pada 31 Disember 2017 | | 89,348,272 | 26,193,361 | 1,241,080 | 116,782,713 |
| **Susut nilai dan Kerugian penjejasan** | | | | | |
| Pada 1 Januari 2017 | | | | | |
| Susut nilai terkumpul | | 2,693,524 | 16,690,515 | - | 19,384,039 |
| Kerugian penjejasan terkumpul | | - | - | - | - |
| | | 2,693,524 | 16,690,515 | - | 19,384,039 |
| Susut nilai semasa | | 709,466 | 3,278,770 | 474,496 | 4,462,732 |
| Pelupusan | | - | (1,253,779) | - | (1,253,779) |
| Hapus kira | | - | - | - | - |
| Pada 31 Disember 2017 | | | | | |
| Susut nilai terkumpul | | 3,402,990 | 18,715,506 | 474,496 | 22,592,992 |
| Kerugian penjejasan terkumpul | | - | - | - | - |
| | | 3,402,990 | 18,715,506 | 474,496 | 22,592,992 |
| **Amaun bawaan** | | | | | |
| Pada 1 Januari 2017 | | 83,943,026 | 8,798,811 | - | 92,741,837 |
| Pada 31 Disember 2017 | | 85,945,282 | 7,477,855 | 766,584 | 94,189,721 |

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA-PENYATA KEWANGAN DISATUKAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017 (SAMBUNGAN)

### 3. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (SAMBUNGAN)

| KUMPULAN 2016 | Nota | Tanah dan Bangunan RM | Peralatan dan Kenderaan RM | Aset tak ketara RM | Jumlah RM |
|---|---|---|---|---|---|
| **Kos** | | | | | |
| Pada 1 Januari 2016 | | 13,903,939 | 24,211,817 | - | 38,115,756 |
| Tambahan | | - | 1,304,604 | - | 1,304,604 |
| Penilaian semula | | 69,238,295 | - | - | 69,238,295 |
| Reklasifikasi tanah pajakan | | 3,500,000 | - | - | 3,500,000 |
| Pelupusan | | - | (27,095) | - | (27,095) |
| Hapus kira | | (5,684) | - | - | (5,684) |
| Pada 31 Disember 2016 | | 86,636,550 | 25,489,326 | - | 112,125,876 |
| **Susut nilai dan Kerugian penjejasan** | | | | | |
| Pada 1 Januari 2016 | | | | | |
| Susut nilai terkumpul | | 2,218,917 | 14,180,923 | - | 16,399,840 |
| Kerugian penjejasan terkumpul | | - | - | - | - |
| | | 2,218,917 | 14,180,923 | - | 16,399,840 |
| Susut nilai semasa | | 474,607 | 2,524,149 | - | 2,998,756 |
| Pelupusan | | - | (14,557) | - | (14,557) |
| Hapus kira | | - | - | - | - |
| Pada 31 Disember 2016 | | | | | |
| Susut nilai terkumpul | | 2,693,524 | 16,690,515 | - | 19,384,039 |
| Kerugian penjejasan terkumpul | | - | - | - | - |
| | | 2,693,524 | 16,690,515 | - | 19,384,039 |
| **Amaun bawaan** | | | | | |
| Pada 1 Januari 2016 | | 11,685,022 | 10,030,894 | - | 21,715,916 |
| Pada 31 Disember 2016 | | 83,943,026 | 8,798,811 | - | 92,741,837 |

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA-PENYATA KEWANGAN DISATUKAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017 (SAMBUNGAN)

### 3. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (SAMBUNGAN)

| MAJLIS 2017 | Nota | Tanah dan Bangunan RM | Peralatan dan Kenderaan RM | Aset tak ketara RM | Jumlah RM |
|---|---|---|---|---|---|
| **Kos** | | | | | |
| Pada 1 Januari 2017 | | - | 6,296,596 | - | 6,296,596 |
| Tambahan | | 2,009,611 | 903,321 | 1,241,080 | 4,154,012 |
| Pelupusan | | - | (1,141,718) | - | (1,141,718) |
| Pindahan daripada hartanah pelaburan | | 322,560 | - | - | 322,560 |
| Pada 31 Disember 2017 | | 2,332,171 | 6,058,199 | 1,241,080 | 9,631,450 |
| **Susut nilai dan Kerugian penjejasan** | | | | | |
| Pada 1 Januari 2017 | | | | | |
| Susut nilai terkumpul | | - | 5,267,586 | - | 5,267,586 |
| Kerugian penjejasan terkumpul | | - | - | - | - |
| | | | 5,267,586 | | 5,267,586 |
| Susut nilai semasa | | 43,987 | 579,356 | 474,496 | 1,097,839 |
| Pelupusan | | - | (1,099,533) | - | (1,099,533) |
| Pada 31 Disember 2017 | | | | | |
| Susut nilai terkumpul | | 43,987 | 4,747,409 | 474,496 | 5,265,892 |
| Kerugian penjejasan terkumpul | | - | - | - | - |
| | | 43,987 | 4,747,409 | 474,496 | 5,265,892 |
| **Amaun bawaan** | | | | | |
| Pada 1 Januari 2017 | | - | 1,029,010 | - | 1,029,010 |
| Pada 31 Disember 2017 | | 2,288,184 | 1,310,790 | 766,584 | 4,365,558 |

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA-PENYATA KEWANGAN DISATUKAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017 (SAMBUNGAN)

### 3. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (SAMBUNGAN)

| MAJLIS 2016 | Nota | Tanah dan Bangunan RM | Peralatan dan Kenderaan RM | Aset tak ketara RM | Jumlah RM |
|---|---|---|---|---|---|
| **Kos** | | | | | |
| Pada 1 Januari 2016 | | - | 5,831,987 | - | 5,831,987 |
| Tambahan | | - | 464,609 | - | 464,609 |
| Pada 31 Disember 2016 | | - | 6,296,596 | - | 6,296,596 |
| **Susut nilai dan Kerugian penjejasan** | | | | | |
| Pada 1 Januari 2016 | | | | | |
| Susut nilai terkumpul | | - | 4,778,123 | - | 4,778,123 |
| Kerugian penjejasan terkumpul | | - | - | - | - |
| | | | 4,778,123 | | 4,778,123 |
| Susut nilai semasa | | - | 489,463 | - | 489,463 |
| Pada 31 Disember 2016 | | | | | |
| Susut nilai terkumpul | | - | 5,267,586 | - | 5,267,586 |
| Kerugian penjejasan terkumpul | | | - | - | - |
| | | - | 5,267,586 | - | 5,267,586 |
| **Amaun bawaan** | | | | | |
| Pada 1 Januari 2016 | | - | 1,053,864 | - | 1,053,864 |
| Pada 31 Disember 2016 | | - | 1,029,010 | - | 1,029,010 |

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA-PENYATA KEWANGAN DISATUKAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017 (SAMBUNGAN)

### 4. HARTANAH PELABURAN

| | MAJLIS | |
|---|---|---|
| | 2017 | 2016 |
| | RM | RM |
| Pada 1 Januari | 67,504,725 | 67,108,130 |
| Tambahan | 1,985,019 | 1,676,171 |
| Pelupusan | (716,778) | (1,279,576) |
| Pindahan kepada hartanah, loji dan peralatan | (322,560) | - |
| Pada 31 Disember | 68,450,406 | 67,504,725 |

Termasuk di atas adalah:

| | MAJLIS | |
|---|---|---|
| | 2017 | 2016 |
| | RM | RM |
| Pada nilai wajar; | | |
| Tanah milik bebas | 54,646,531 | 54,908,360 |
| Tanah milik pajakan | 1,394,112 | 1,394,112 |
| Bangunan kekal | 12,409,763 | 11,202,253 |
| | 68,450,406 | 67,504,725 |

Nilai wajar hartanah pelaburan ditentukan menerusi penilaian oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta, atau, oleh penilai-penilai bebas yang memegang kelayakan profesional yang diiktiraf, dan juga menerusi pengalaman terkini pihak pengurusan terhadap lokasi serta kategori hartanah yang dinilai.

Termasuk di dalam bangunan kekal di atas, ialah nilai bangunan Kompleks Islam Darul Ridzuan, Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab, yang diperoleh melalui sumber kewangan seperti berikut –

(a) Pinjaman jangka panjang – telahpun diselesaikan sepenuhnya pada tahun 2004

(b) Sumbangan Kerajaan Negeri – diakaunkan sebagai pendapatan tertunda dan dilunaskan secara berskala berdasarkan kadar susut nilai seperti yang dijelaskan pada Nota 2.e.iii di atas

Pendapatan sewaan yang dijana daripada hartanah pelaburan berserta kos operasi langsung adalah seperti berikut:

| | MAJLIS | |
|---|---|---|
| | 2017 | 2016 |
| | RM | RM |
| Pendapatan sewaan | 2,289,928 | 2,441,898 |
| Perbelanjaan operasi langsung | (1,296,177) | (1,285,577) |

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA-PENYATA KEWANGAN DISATUKAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017 (SAMBUNGAN)

### 5. ASET DALAM KEMAJUAN

| | KUMPULAN | | MAJLIS | |
|---|---|---|---|---|
| | 2017 | 2016 | 2017 | 2016 |
| | RM | RM | RM | RM |
| Kos | | | | |
| Pada 1 Januari | 61,118,994 | 50,578,290 | 3,620,524 | - |
| Tambahan dalam tahun | 13,331,725 | 10,715,174 | 4,431,228 | 3,620,524 |
| Tolak: Pelupusan | (3,539,681) | (174,470) | (3,539,681) | - |
| Pada 31 Disember | 70,911,038 | 61,118,994 | 4,512,071 | 3,620,524 |
| Tolak: | | | | |
| Susut nilai terkumpul | | | | |
| Baki pada 1 Januari | 4,358,419 | 3,121,651 | - | - |
| Pelunasan bagi tahun | 1,268,982 | 1,236,768 | - | - |
| Pelupusan | - | - | - | - |
| Baki pada 31 Disember | 5,627,401 | 4,358,419 | - | - |
| Nilai buku bersih pada 31 Disember | 65,283,637 | 56,760,575 | 4,512,071 | 3,620,524 |

### 6. PELABURAN DALAM SUBSIDIARI

| | MAJLIS | |
|---|---|---|
| | 2017 | 2016 |
| | RM | RM |
| Pada harga kos: | | |
| Saham tak tersiar harga | 20,000,000 | 20,000,000 |

Butiran bagi syarikat subsidiari yang ditubuhkan di Malaysia adalah seperti berikut:

| Nama | Tahun Ditubuhkan | Kegiatan Utama | Kepentingan efektif 2017 | Kepentingan efektif 2016 |
|---|---|---|---|---|
| | | | % | % |
| PKEINPk Sdn. Bhd. | 2012 | Mengendalikan kerja-kerja pembangunan dan kemajuan dalam bidang pertanian, perumahan, pembuatan, perlombongan dan perdagangan | 100 | 100 |

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA-PENYATA KEWANGAN DISATUKAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017 (SAMBUNGAN)

### 7. PELABURAN SAHAM

| | KUMPULAN | | MAJLIS | |
|---|---|---|---|---|
| | 2017 | 2016 | 2017 | 2016 |
| | RM | RM | RM | RM |
| **Pada harga kos:** | | | | |
| Saham-saham tersiar harga di Malaysia | 11,510,531 | 31,025,768 | 1,573,520 | 4,714,270 |
| Tolak: Elaun kemerosotan nilai | - | - | - | - |
| Jumlah pelaburan pada 31 Disember | 11,510,531 | 31,025,768 | 1,573,520 | 4,714,270 |
| **Pada nilai pasaran:** | | | | |
| Saham-saham tersiar harga di Malaysia | 18,621,011 | 38,713,543 | 8,684,000 | 12,294,580 |

### 8. PELABURAN SEKURITI LAIN

| | KUMPULAN | | MAJLIS | |
|---|---|---|---|---|
| | 2017 | 2016 | 2017 | 2016 |
| | RM | RM | RM | RM |
| **Pada harga kos:** | | | | |
| Saham-saham amanah dan pelaburan berstruktur | 14,992,829 | 22,375,591 | 14,992,829 | 22,375,591 |

### 9. INVENTORI

| | KUMPULAN | | MAJLIS | |
|---|---|---|---|---|
| | 2017 | 2016 | 2017 | 2016 |
| | RM | RM | RM | RM |
| Baja dan bahan gunaan | 336,443 | 146,266 | - | - |
| Ubat dan peralatan perubatan | 135,669 | 147,217 | - | - |
| Baki pada 31 Disember | 472,112 | 293,483 | - | - |

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA-PENYATA KEWANGAN DISATUKAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017 (SAMBUNGAN)

### 10. PENGHUTANG

| | KUMPULAN | | MAJLIS | |
|---|---|---|---|---|
| | 2017 | 2016 | 2017 | 2016 |
| | RM | RM | RM | RM |
| Sewaan ruang pejabat Kompleks Islam Darul Ridzuan (KIDR) | 371,082 | 406,907 | 371,082 | 406,907 |
| Sewaan bangunan Baitulmal | 225,088 | 226,352 | 225,088 | 226,352 |
| Sewaan tanah Baitulmal | 499,413 | 483,535 | 499,413 | 483,535 |
| Wang belum diserah oleh kadi | 359,019 | 359,019 | 359,019 | 359,019 |
| Penghutang wakaf | - | 1,450 | - | 1,450 |
| Penghutang perniagaan | 4,343,679 | 3,577,437 | - | - |
| | 5,798,281 | 5,054,700 | 1,454,602 | 1,477,263 |
| Tolak: Peruntukan hutang ragu | (837,726) | (115,442) | (359,019) | - |
| Baki pada 31 Disember | 4,960,555 | 4,939,258 | 1,095,583 | 1,477,263 |

### 11. PELBAGAI PENGHUTANG

| | KUMPULAN | | MAJLIS | |
|---|---|---|---|---|
| | 2017 | 2016 | 2017 | 2016 |
| | RM | RM | RM | RM |
| Pelbagai penghutang | 6,260,345 | 4,644,456 | 21,613 | 21,613 |
| Pertaruhan | 926,608 | 458,075 | 294,748 | 294,748 |
| Pinjaman kenderaan | 419,791 | 383,123 | 419,791 | 383,123 |
| Pinjaman komputer | 83,546 | 87,279 | 83,546 | 87,279 |
| Pelbagai pinjaman | 552,227 | 543,427 | 552,227 | 543,427 |
| Pelbagai pendahuluan | - | 500,000 | - | 500,000 |
| Jumlah terhutang oleh pemegang saham korporat | 8,129,218 | 8,129,218 | - | - |
| | 16,371,735 | 14,745,578 | 1,371,925 | 1,830,190 |
| Tolak: Peruntukan hutang ragu | (488,893) | (429,836) | (21,613) | - |
| Baki pada 31 Disember | 15,882,842 | 14,315,742 | 1,350,312 | 1,830,190 |

### 12. DEPOSIT DENGAN INSTITUSI KEWANGAN BERLESEN

| | KUMPULAN | | MAJLIS | |
|---|---|---|---|---|
| | 2017 | 2016 | 2017 | 2016 |
| | RM | RM | RM | RM |
| Deposit pelaburan di bawah skim pematuhan syariah | 184,033,299 | 120,234,484 | 151,400,000 | 101,900,000 |

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA-PENYATA KEWANGAN DISATUKAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017 (SAMBUNGAN)

### 13. WANG TUNAI DI TANGAN DAN DI BANK

| | KUMPULAN | | MAJLIS | |
|---|---|---|---|---|
| | 2017 | 2016 | 2017 | 2016 |
| | RM | RM | RM | RM |
| Zakat | 5,291,145 | 23,535,514 | 5,291,145 | 23,535,514 |
| Sumber Am | 8,813,368 | 22,026,368 | 2,901,107 | 17,548,960 |
| Wakaf | 1,401,812 | 821,469 | 1,401,812 | 821,469 |
| Akaun Pelbagai | 1,272,428 | 1,770,512 | 1,272,428 | 1,770,512 |
| Baki pada 31 Disember | 16,778,753 | 48,153,863 | 10,866,492 | 43,676,455 |

### 14. KUMPULAN WANG BAITULMAL DAN RIZAB

| | KUMPULAN | | MAJLIS | |
|---|---|---|---|---|
| | 2017 | 2016 | 2017 | 2016 |
| | RM | RM | RM | RM |
| Kumpulan wang Baitulmal | 206,535,910 | 188,565,224 | 187,573,213 | 179,110,509 |
| Sumbangan kerajaan | 2,117,309 | 2,301,632 | 2,117,309 | 2,301,632 |
| Tabung pembiayaan kakitangan | 350,000 | 300,000 | 350,000 | 300,000 |
| Rizab lain | 210,105,699 | 210,376,023 | 48,726,489 | 48,988,317 |
| Baki pada 31 Disember | 419,108,918 | 401,542,879 | 238,767,011 | 230,700,458 |

### 15. PINJAMAN JANGKA PANJANG

| | KUMPULAN | | MAJLIS | |
|---|---|---|---|---|
| | 2017 | 2016 | 2017 | 2016 |
| | RM | RM | RM | RM |
| Baki pada 1 Januari | 19,709,785 | 21,190,956 | 19,709,785 | 21,190,956 |
| Penambahan dalam tahun semasa | - | - | - | - |
| Tolak: Ansuran dibayar dalam tahun | (1,522,603) | (1,481,171) | (1,522,603) | (1,481,171) |
| | 18,187,182 | 19,709,785 | 18,187,182 | 19,709,785 |
| Ansuran perlu dibayar dalam tempoh 12 bulan | 1,565,576 | 1,522,603 | 1,565,576 | 1,522,603 |
| Ansuran perlu dibayar selepas tempoh 12 bulan | 16,621,606 | 18,187,182 | 16,621,606 | 18,187,182 |
| Baki pada 31 Disember | 18,187,182 | 19,709,785 | 18,187,182 | 19,709,785 |

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA-PENYATA KEWANGAN DISATUKAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017 (SAMBUNGAN)

### 16. PEMIUTANG

| | KUMPULAN | | MAJLIS | |
|---|---|---|---|---|
| | 2017 | 2016 | 2017 | 2016 |
| | RM | RM | RM | RM |
| Pemiutang perniagaan | 2,861,743 | 1,494,117 | - | - |
| Bantuan zakat | 16,619,645 | 7,380,384 | 16,619,645 | 7,380,384 |
| Belanja mengurus | 4,346,510 | 4,382,683 | 4,346,510 | 4,382,683 |
| Baki pada 31 Disember | 23,827,898 | 13,257,184 | 20,966,155 | 11,763,067 |

### 17. PELBAGAI PEMIUTANG

| | KUMPULAN | | MAJLIS | |
|---|---|---|---|---|
| | 2017 | 2016 | 2017 | 2016 |
| | RM | RM | RM | RM |
| Pelbagai pemiutang | 5,400,001 | 3,607,208 | 361,413 | 2,538,705 |
| Pertaruhan deposit | 325,010 | 1,424,714 | 325,010 | 274,413 |
| Akruan | 619,347 | 3,112,258 | - | - |
| Peruntukan pembahagian keuntungan | 10,176,857 | 14,924,166 | - | - |
| Cukai GST | 81,642 | 147,270 | - | - |
| Baki pada 31 Disember | 16,602,857 | 23,215,616 | 686,423 | 2,813,118 |

### 18. PEMULANGAN SEMULA WANG ZAKAT

| | MAJLIS | |
|---|---|---|
| | 2017 | 2016 |
| | RM | RM |
| Upahan langsung kepada amil lantikan/ejen zakat | 3,328,943 | 1,720,508 |
| Agihan sendiri pembayar zakat kepada asnaf : | | |
| – miskin | 7,094,494 | 3,322,869 |
| – ghorimin | 1,230,399 | 683,842 |
| – fisabilillah | 6,358,451 | 2,052,334 |
| | 18,012,287 | 7,779,553 |

### 19. AMIL

| | MAJLIS | |
|---|---|---|
| | 2017 | 2016 |
| | RM | RM |
| Emolumen | 10,028,115 | 8,630,332 |
| Perkhidmatan dan bekalan | 6,619,734 | 5,964,801 |
| Inventori dan aset bernilai rendah | 3,110,911 | 2,933,429 |
| Perbelanjaan lain | 1,579,891 | 1,895,522 |
| Susut nilai | 552,390 | 273,802 |
| | 21,891,041 | 19,697,886 |

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA-PENYATA KEWANGAN DISATUKAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017 (SAMBUNGAN)

### 20. FISABILILLAH

| | MAJLIS | |
|---|---|---|
| | 2017 | 2016 |
| | RM | RM |
| Dermasiswa dan Bantuan Am Pelajaran | 17,689,564 | 18,416,373 |
| Bantuan Per Kapita Sekolah Agama Rakyat | 3,217,100 | 3,054,534 |
| Elaun guru kelas pengajian Al-Quran | 1,636,346 | 1,539,719 |
| Insentif mubaligh dan guru kelas Muallaf | 2,510,683 | 2,356,035 |
| Promosi dan dakwah zakat | 810,788 | 825,382 |
| Pembangunan Islam | 1,989,237 | 774,653 |
| Pembangunan modal insan | 735,096 | 282,921 |
| Bantuan bencana | 518,515 | 131,850 |
| Bantuan anak yatim | 549,992 | 744,950 |
| Sumbangan kepada pasukan keselamatan | 30,328 | 39,559 |
| Bantuan kepada Universiti Sultan Azlan Shah | 300,000 | 400,000 |
| Bantuan Fisabilillah yang lain | 3,454,286 | 1,249,803 |
| | 33,441,935 | 29,815,779 |

### 21. PENDAPATAN OPERASI

| | KUMPULAN | | MAJLIS | |
|---|---|---|---|---|
| | 2017 | 2016 | 2017 | 2016 |
| | RM | RM | RM | RM |
| Sewaan hartanah | 2,289,928 | 2,441,898 | 2,289,928 | 2,441,898 |
| Baitulmal am | 7,342,178 | 353,736 | 7,342,178 | 353,736 |
| Keuntungan pelaburan | 3,545,024 | 7,194,606 | 3,545,024 | 9,194,606 |
| Hasil faraid | 503,747 | 558,050 | 503,747 | 558,050 |
| Jualan buah kelapa sawit | 43,429,077 | 32,784,903 | - | - |
| Perkhidmatan perubatan dan kesihatan | 3,944,997 | 3,933,516 | - | - |
| | 61,054,951 | 47,266,709 | 13,680,877 | 12,548,290 |

### 22. PENDAPATAN-PENDAPATAN LAIN

| | KUMPULAN | | MAJLIS | |
|---|---|---|---|---|
| | 2017 | 2016 | 2017 | 2016 |
| | RM | RM | RM | RM |
| Pelbagai pendapatan | 3,863,225 | 12,124,264 | 887,541 | 536,974 |
| Pendapatan tertunda | 181,025 | 181,025 | 181,025 | 181,025 |
| Hibah simpanan semasa | 32,455 | 26,231 | - | - |
| Keuntungan pelaburan | 1,756,420 | 771,224 | - | - |
| Pendapatan sewa | 366,000 | 472,833 | - | - |
| | 6,199,125 | 13,575,577 | 1,068,566 | 717,999 |

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA-PENYATA KEWANGAN DISATUKAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017 (SAMBUNGAN)

### 23. PERBELANJAAN PENTADBIRAN

| | KUMPULAN | | MAJLIS | |
|---|---|---|---|---|
| | 2017 | 2016 | 2017 | 2016 |
| | RM | RM | RM | RM |
| Emolumen | 8,115,533 | 7,984,253 | 3,012,885 | 2,605,645 |
| Bekalan dan perkhidmatan | 3,960,638 | 3,751,472 | 3,960,638 | 3,751,472 |
| Pembangunan ummah | 1,203,574 | 768,232 | 1,203,574 | 768,232 |
| Perbelanjaan lain | 4,350,292 | 9,962,154 | 2,065,024 | 1,604,461 |
| Susutnilai | 2,992,809 | 2,650,083 | 144,603 | 148,869 |
| | 20,622,846 | 25,116,194 | 10,386,724 | 8,878,679 |

### 24. KUMPULAN WANG BAITULMAL

| | | MAJLIS | |
|---|---|---|---|
| | | 2017 | 2016 |
| | | RM | RM |
| 24.1 | **Zakat** | | |
| | Baki pada 1 Januari | 116,190,497 | 95,429,251 |
| | Lebihan pendapatan | 1,900,565 | 7,352,755 |
| | Pelarasan tahun lalu | 1,399,522 | 13,408,491 |
| | Baki pada 31 Disember | 119,490,584 | 116,190,497 |
| 24.2 | **Wakaf** | | |
| | Baki pada 1 Januari | 6,007,774 | 4,281,072 |
| | Lebihan pendapatan | 2,266,381 | 1,721,967 |
| | Pelarasan tahun lalu | - | 4,735 |
| | Baki pada 31 Disember | 8,274,155 | 6,007,774 |
| 24.3 | **Sumber Am** | | |
| | Baki pada 1 Januari | 28,564,180 | 25,528,814 |
| | Lebihan pendapatan | 4,362,719 | 4,387,610 |
| | Pelarasan tahun lalu | 619,897 | (1,352,244) |
| | Baki pada 31 Disember | 33,546,796 | 28,564,180 |
| 24.4 | **Amanah** | | |
| | Baki pada 1 Januari | 28,348,058 | 25,346,154 |
| | (Kekurangan)/Lebihan pendapatan | (2,086,380) | 3,001,904 |
| | Baki pada 31 Disember | 26,261,678 | 28,348,058 |
| | | 187,573,213 | 179,110,509 |

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA-PENYATA KEWANGAN DISATUKAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017 (SAMBUNGAN)

### 25. SUMBANGAN KERAJAAN

| | MAJLIS | |
|---|---|---|
| | 2017 | 2016 |
| | RM | RM |
| Baki pada 1 Januari | 2,301,632 | 2,485,955 |
| Pelunasan bagi tahun | (184,323) | (184,323) |
| Baki pada 31 Disember | 2,117,309 | 2,301,632 |

### 26. TABUNG PEMBIAYAAN KAKITANGAN

Ini merupakan dana pusingan bertujuan untuk membiayai pembelian kenderaan, komputer dan pendahuluan diri pekhidmat-pekhidmat Majlis yang disumbangkan oleh Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan dan suntikan dana daripada sumber am Baitulmal.

### 27. RIZAB MODAL

| | MAJLIS | |
|---|---|---|
| | 2017 | 2016 |
| | RM | RM |
| Baki pada 1 Januari | 48,988,317 | 49,844,722 |
| Tambahan | 454,950 | 423,171 |
| Pelupusan | (716,778) | (1,279,576) |
| Baki pada 31 Disember | 48,726,489 | 48,988,317 |

Ini merupakan lebihan atas kos yang berbangkit daripada penilaian semula tanah-tanah milik Majlis, berasaskan polisi yang dijelaskan di Nota 2.e.i di atas.

**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA**
**MENGENAI PENYATA KEWANGAN**
**MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK**
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017**

## Laporan Mengenai Penyata Kewangan

### Pendapat

Saya telah mengaudit Penyata Kewangan Majlis Agama Islam Dan 'Adat Melayu Perak dan Kumpulan yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2017 dan Penyata Prestasi Kewangan Zakat, Penyata Prestasi Kewangan Sumber Am Baitulmal, Penyata Perubahan Dana Bersih serta Penyata Aliran Tunai Disatukan bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota kepada penyata kewangan seperti dinyatakan pada muka surat 3 hingga 36.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Majlis Agama Islam Dan 'Adat Melayu Perak dan Kumpulan pada 31 Disember 2017 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan oleh Anggota Majlis dan Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004.

### Asas Kepada Pendapat

Saya telah melaksanakan pengauditan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam laporan ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

### Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Majlis Agama Islam Dan 'Adat Melayu Perak dan Kumpulan serta telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*.

### Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya

Anggota Majlis Majlis Agama Islam Dan 'Adat Melayu Perak bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap penyata kewangan Majlis

Agama Islam Dan 'Adat Melayu Perak dan Kumpulan tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

**Tanggungjawab Anggota Majlis Terhadap Penyata Kewangan**

Anggota Majlis bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan Majlis Agama Islam Dan 'Adat Melayu Perak dan Kumpulan yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan oleh Anggota Majlis dan Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004. Anggota Majlis juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan Majlis Agama Islam Dan 'Adat Melayu Perak dan Kumpulan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan penyata kewangan Majlis Agama Islam Dan 'Adat Melayu Perak dan Kumpulan, Anggota Majlis bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Majlis Agama Islam Dan 'Adat Melayu Perak dan Kumpulan untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

**Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan**

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan Majlis Agama Islam Dan 'Adat Melayu Perak dan Kumpulan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Laporan Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam penyata kewangan Majlis Agama Islam Dan 'Adat Melayu Perak dan Kumpulan, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud

mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, gambaran yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.

b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Majlis Agama Islam Dan 'Adat Melayu Perak dan Kumpulan.

c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Anggota Majlis.

d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Anggota Majlis dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Majlis Agama Islam Dan 'Adat Melayu Perak atau Kumpulan sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Laporan Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan Majlis Agama Islam Dan 'Adat Melayu Perak dan Kumpulan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Laporan Juruaudit.

e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan penyata kewangan Majlis Agama Islam Dan 'Adat Melayu Perak dan Kumpulan memberi gambaran yang saksama.

f. Mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian berkaitan maklumat kewangan entiti dan aktiviti perniagaan dalam Kumpulan untuk memberikan pendapat terhadap Penyata Kewangan Kumpulan. Saya bertanggungjawab untuk hala tuju, pengawasan dan pelaksanaan pengauditan kumpulan. Saya hanya bertanggungjawab terhadap pendapat saya.

Saya telah berkomunikasi dengan Anggota Majlis, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

**Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain**

Berdasarkan keperluan Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004, saya juga melaporkan perkara berikut:

a. Pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang dikehendaki Enakmen untuk disimpan Majlis Agama Islam Dan 'Adat Melayu Perak dan subsidiarinya yang

mana kami telah bertindak sebagai juruaudit telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Enakmen.

b. Saya telah mempertimbangkan akaun dan Laporan Juruaudit bagi semua subsidiari yang tidak diaudit oleh saya seperti yang dinyatakan dalam Nota 6 kepada penyata kewangan yang telah dimasukkan dalam akaun disatukan.

c. Saya berpuas hati bahawa akaun subsidiari yang disatukan dengan Penyata Kewangan Majlis Agama Islam Dan 'Adat Melayu Perak dalam bentuk dan kandungan yang sesuai dan teratur bagi tujuan penyediaan Penyata Kewangan Kumpulan dan saya juga telah menerima maklumat dan penjelasan yang memuaskan sebagaimana yang dikehendaki bagi tujuan tersebut.

d. Laporan Juruaudit ke atas akaun subsidiari tidak mengandungi sebarang teguran atau pemerhatian yang boleh menjejaskan penyata kewangan.

**Hal-hal Lain**

Laporan ini dibuat untuk Anggota Majlis dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan laporan ini.

**(DATO' CHE ISA BIN CHE KOB)**
b.p. KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
27 OGOS 2018

**MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK DARUL RIDZUAN**
[Ditubuhkan di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004]

**PENYATA ANGGOTA MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK**

Kami, **Tan Sri Dato' Seri Dr. Wan Mohd Zahid bin Mohd Noordin** dan **Profesor Dato' Dr. Ansary bin Ahmed**, yang merupakan dua orang Anggota Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat kami, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan Zakat, Penyata Prestasi Kewangan Sumber Am Baitulmal, Penyata Perubahan Dana Bersih dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini, berserta dengan nota-nota di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak pada 31 Disember 2017 dan hasil kendaliannya, serta aliran tunai bagi tahun yang berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak,

| | |
|---|---|
| ............................................ | ............................................ |
| **PROFESOR DATO' DR. ANSARY BIN AHMED** | **TAN SRI DATO' SERI DR. WAN MOHD ZAHID BIN MOHD NOORDIN** |
| Anggota | Yang Dipertua |
| Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak | Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak |
| Tarikh: 21 AUG 2018 | Tarikh: 21 AUG 2018 |

**MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK DARUL RIDZUAN**
[Ditubuhkan di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004]

## PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK

Saya, **Mohd Haidi Bin Sulaiman** pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak dengan ikhlas mengakui bahawa, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan Zakat, Penyata Prestasi Kewangan Sumber Am Baitulmal, Penyata Perubahan Dana Bersih dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini, berserta dengan nota-nota di dalamnya, mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat pengakuan ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa, ianya itu adalah benar dan menurut kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya diakui oleh penama di atas, **Mohd Haidi Bin Sulaiman**, **No. Kad Pengenalan 680720-08-5519**, di **Ipoh**, **Perak Darul Ridzuan**, )

pada 21 AUG 2018

..........................................................

Dihadapan saya;

..........................................................

PESURUHJAYA SUMPAH
No. PJS : A-A 237
Nama: NORSHAMILA KOID BINTI ABDULLAH
JABATAN : JABATAN AGAMA ISLAM PERAK
01.07.2018 - 04.05.2019
MALAYSIA




# Pernyataan Tadbir Urus Korporat

- Anggota MAIPk
- Setiausaha MAIPk
- Jawatankuasa Yang Ditubuhkan Oleh MAIPk
- Anugerah Dan Pengiktirafan

Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) percaya bahawa prinsip amalan terbaik tadbir urus dapat mengukuh serta meningkatkan pengurusan organisasi ke arah yang lebih baik. MAIPk komited melaksanakan prinsip amalan terbaik tadbir urus dalam seluruh aspek pengurusan organisasi.

Ia bukan sahaja membantu memperkukuhkan kredibiliti organisasi, bahkan ia akan merangsang imej serta reputasi organisasi. Pengamalan prinsip terbaik tadbir urus juga dapat menyediakan jaminan kepada para pelanggan (stakeholder) serta memperkukuhkan kepercayaan pelanggan kepada peranan yang dijalankan oleh MAIPk.

Bagi memenuhi prinsip amalan terbaik tadbir urus berteraskan ketelusan dan kebertanggungjawaban, MAIPk melaporkan setiap aktiviti yang dijalankan sehingga 31 Disember 2017 berdasarkan pematuhan kepada undang-undang dan peraturan-peraturan yang berkuat kuasa.

## ANGGOTA MAIPk

Komposisi Anggota MAIPk

Pada 31 Disember 2017, MAIPk dianggotai seramai 24 orang yang terdiri daripada;

- seorang Yang Dipertua;
- seorang ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan yang dipertanggungjawabkan bagi hal ehwal agama Islam;
- enam (6) orang anggota atas nama jawatan yang memegang jawatan Setiausaha Kerajaan Negeri, Penasihat Undang-Undang Negeri, Pegawai Kewangan Negeri, Mufti, Ketua Hakim Syarie dan Pengarah Jabatan Agama Islam Perak; dan
- tidak lebih daripada 20 anggota lantikan lain yang sekurang-kurangnya lima daripada mereka hendaklah yang arif dalam Hukum Syarak.

## SETIAUSAHA MAIPk

Setiausaha MAIPk merupakan Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk yang dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan bertanggungjawab bagi menjalankan dasar-dasar dan ketetapan-ketetapan MAIPk. Di samping itu, Setiausaha MAIPk bertanggungjawab bagi memastikan Persidangan MAIPk dilaksanakan dengan sempurna serta membantu Yang Dipertua dan Anggota MAIPk menjalankan peranan masing-masing. Setiausaha MAIPk juga menjadi pemudahcara bagi pelaksanaan dasar-dasar dan ketetapan-ketetapan MAIPk antara institusi-institusi agama Islam di bawah MAIPk.

### Pelantikan dan Pemilihan Semula Anggota MAIPk

Merujuk kepada subseksyen 11(2) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004, Yang Dipertua dan anggota-anggota lain yang dilantik selain seorang ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan yang pertanggungjawabkan bagi hal ehwal agama Islam, enam (6) orang anggota atas nama jawatan yang memegang jawatan Setiausaha Kerajaan Negeri, Penasihat Undang-Undang Negeri, Pegawai Kewangan Negeri, Mufti, Ketua Hakim Syarie dan Pengarah Jabatan Agama Islam Perak dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan bagi apa-apa tempoh, tidak melebihi tiga tahun, sebagaimana yang diperkenankan oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan.

### Persidangan MAIPk

MAIPk diterajui oleh anggota-anggota yang berwibawa dan berpengalaman luas serta mahir dalam pelbagai bidang dan disiplin ilmu. MAIPk berusaha untuk melaksanakan tanggungjawabnya iaitu untuk menggalakkan, mendorong, membantu dan mengusahakan kemajuan ekonomi dan sosial masyarakat Islam di Negeri Perak Darul Ridzuan selaras dengan hukum syarak. Persidangan MAIPk telah dijalankan sebanyak empat (4) kali sepanjang tahun berakhir 31 Disember 2017. Agenda untuk setiap Persidangan MAIPk beserta kertas-kertas mesyuarat, laporan penuh dan dokumen sokongan daripada Pengurusan MAIPk diedarkan kepada Anggota-Anggota MAIPk sebelum tarikh mesyuarat. Ini membolehkan Anggota- Anggota MAIPk mempunyai masa yang mencukupi bagi mengkaji perkara-perkara yang akan dibincangkan dalam Persidangan MAIPk. Di samping itu, Anggota-Anggota MAIPk mempunyai akses penuh kepada semua maklumat yang berkaitan dengan urusan organisasi bagi membolehkan mereka melaksanakan tugas secara berkesan. Berikut disenaraikan rekod kehadiran Anggota-Anggota MAIPk ke Persidangan MAIPk pada tahun 2017 :

## KEHADIRAN ANGGOTA PERSIDANGAN MAIPk TAHUN 2017

| Bil. | Nama | Jawatan | Kehadiran | Peratus Kehadiran % |
|---|---|---|---|---|
| 1 | **YABhg. Tan Sri Dato' Seri Dr. Wan Mohd Zahid bin Mohd Noordin** | Yang Dipertua | 4/4 | 100 |
| 2 | **YB. Dato' Drs. Mohd Nizar bin Haji Zakaria** | Ahli | 3/4 | 75 |
| 3 | **YB. Dato' Seri Abdul Puhat bin Mat Nayan** | Ahli | 2/4 | 50 |
| 4 | **YB. Dato' Rohana binti Abd Malek** | Ahli | 3/4 | 75 |
| 5 | **YB. Dato' Haji Mohd. Gazali bin Jalal** | Ahli | 4/4 | 100 |
| 6 | **YABhg. Tan Sri Dato' Seri Dr. Haji Harussani bin Haji Zakaria** | Ahli | 2/4 | 50 |
| 7 | **YAA. Dato' Haji Asa'ari bin Haji Mohd. Yazid** | Ahli | 4/4 | 100 |
| 8 | **YBhg. Dato' Haji Mohd. Yusop bin Haji Husin** | Ahli | 2/4 | 50 |
| 9 | **YABhg. Dato' Seri Wan Mohd Fathir @ Fadzir bin Wan Hussain** | Ahli | 3/4 | 75 |
| 10 | **YABhg. Dato' Seri Mohd. Annuar bin Zaini** | Ahli | 3/4 | 75 |
| 11 | **YBhg. Profesor Dato' Dr. Ansary bin Ahmed** | Ahli | 3/4 | 75 |
| 12 | **YBhg. Dato' Haji Md Salleh bin Haji Md @ Haji Ahmad** | Ahli | 2/4 | 50 |
| 13 | **YBhg. Dato' Haji Mohamah Nor bin Mansor** | Ahli | 4/4 | 100 |
| 14 | **YBhg. Dato' Haji As'ad bin Awang** | Ahli | 4/4 | 100 |
| 15 | **YDH. Dato' Dr. Syed Jaafar bin Syed Aznan Jamalullail** | Ahli | 3/4 | 75 |
| 16 | **YBhg. Dato' Dr. Afifi al-Akiti** | Ahli | 4/4 | 100 |
| 17 | **YDH. Lt. Kol. (B) Dato' Shaharudin bin Haji Nazari** | Ahli | 4/4 | 100 |
| 18 | **YBhg. Dato' (Dr.) Haji Abd Malek bin Awang Kechil** | Ahli | 4/4 | 100 |
| 19 | **YBhg. Tan Sri Dato' Prof. Dr. Nordin bin Kardi** | Ahli | 2/4 | 50 |
| 20 | **YABhg. Dato' Seri Zainal Adzam bin Abd. Ghani** | Ahli | 4/4 | 100 |
| 21 | **YDH. Dato' Sri Abd. Rahim bin Hj. Hanafi** (sehingga 1 Mei 2017) | Ahli | 0/1 | 0 |
| 22 | **YBhg. Dato' Dr. Mohamad Hashim bin Ahmad Tajudin** | Ahli | 2/4 | 50 |
| 23 | **YDH. CP Dato' Pahlawan Hasnan bin Hassan** ( dilantik bermula 1 Jun 2017) | Ahli | 2/2 | 100 |
| 24 | **YBhg. Dato' Dr. Amiruddin bin Muhamed** | Setiausaha | 4/4 | 100 |



Persidangan MAIPk Kali Ke-199 Pada 26 Mei 2017

## JAWATANKUASA YANG DITUBUHKAN OLEH MAIPk

Persidangan MAIPk telah memberikan tanggungjawab tertentu kepada Jawatankuasa-Jawatankuasa di bawah MAIPk yang melaksanakannya menurut terma-terma rujukan yang diberikan dengan jelas. Jawatankuasa-jawatankuasa utama adalah seperti berikut :-

### Jawatankuasa Fatwa

Bidang Tugas dan Tanggungjawab;

- Menyediakan nas-nas mengenai sesuatu hukum berhubungan dengan apa-apa isu atau permasalahan agama yang berbangkit, serta mengeluarkan Fatwa mengenainya.
- Menasihati MAIPk dalam memutuskan perkara berkaitan pentadbiran agama seperti penentuan asnaf fakir dan miskin, perakuan permohonan mendirikan masjid, surau dan solat Jumaat, memperakukan pelantikan Imam dan Bilal, penentuan sempadan kariah, pentauliahan mengajar agama serta mengawasi penularan ajaran sesat di kalangan masyarakat Islam di negeri Perak.

Pada tahun 2017, jawatankuasa ini telah bersidang sebanyak empat kali. Jawatankuasa ini telah membincangkan 45 isu dan persoalan. Berikut merupakan senarai keanggotaan Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak :-

| Bil. | Nama | Jawatan | Kehadiran Mesyuarat | Peratus Kehadiran % |
|---|---|---|---|---|
| 1 | **YABhg. SS. Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Haji Harussani bin Haji Zakaria**<br>*Mufti Negeri Perak Darul Ridzuan* | Pengerusi | 3/4 | 75 |
| 2 | **YBrs. Tuan Haji Zamri bin Hashim**<br>*Timbalan Mufti Negeri Perak Darul Ridzuan* | Ahli | 4/4 | 100 |
| 3 | **YBhg. Dato' Haji Mohd Yusop bin Husin**<br>*Pengarah Jabatan Agama Islam Perak* | Ahli | 3/4 | 75 |
| 4 | **YBhg. Dato' Haji Mohamah Nor bin Mansor**<br>*Anggota Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak* | Ahli | 3/4 | 75 |
| 5 | **YBhg. Dato' Haji Mohd Salleh bin Haji Ahmad**<br>*Anggota Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak* | Ahli | 4/4 | 100 |
| 6 | **YBhg. Dato Haji As'ad bin Awang**<br>*Anggota Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak* | Ahli | 3/4 | 75 |
| 7 | **YBhg. Prof. Dr. Jamil bin Hashim**<br>*Institut Kajian Strategik Islam Malaysia* | Ahli | 2/4 | 50 |
| 8 | **YBrs. Tuan Haji Ahmad Husni bin Haji Hasan**<br>*Pensyarah Universiti Sultan Azlan Shah* | Ahli | 4/4 | 100 |
| 9 | **YBrs. Tuan Haji Mat Dali bin Ghazali**<br>*Pesara Guru* | Ahli | 4/4 | 100 |
| 10 | **YBrs. Tuan Haji Mohd Suaid bin Din**<br>*Pesara Guru* | Ahli | 4/4 | 100 |
| 11 | **YBrs. Ustaz Kamaruddin bin Adam**<br>*Ketua Penolong Mufti Negeri Perak Darul Ridzuan* | Setiausaha | 4/4 | 100 |

### Jawatankuasa Penggubalan Undang-Undang Syariah

Bidang Tugas dan Tanggungjawab;

- Memproses permohonan bagi kajian dan penggubalan Undang-Undang Syariah berkaitan.
- Mengkaji dan menyediakan peruntukan Undang-Undang Syariah berkaitan untuk penggubalan.
- Menggubal mana-mana Undang-Undang Syariah yang diarahkan berdasarkan keperluan Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak.
- Membawa sebarang cadangan penggubalan dan pindaan Undang-Undang Syariah kepada Persidangan Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak untuk perkenan DYMM Sultan Perak Darul Ridzuan.
- Menyempurnakan proses pewartaan Undang-Undang Syariah yang diperkenankan oleh DYMM Sultan Perak Darul Ridzuan.

Berikut merupakan senarai anggota Jawatankuasa Penggubalan Undang-Undang Syariah:

| Bil. | Nama | Jawatan |
|---|---|---|
| 1 | **YB Dato' Rohana binti Abd. Malek**<br>*Penasihat Undang-Undang Negeri Perak* | Pengerusi |
| 2 | **YABhg SS Tan Sri Dato Seri Dr. Hj. Harussani bin Hj. Zakaria**<br>*Mufti Negeri Perak* | Ahli |
| 3 | **YBhg. Dato' Hj. Asa'ari bin Hj. Mohd Yazid**<br>*Ketua Hakim Syarie Negeri Perak* | Ahli |
| 4 | **YBhg. Dato' Seri Zainal Adzam bin Abd Ghani**<br>*Ahli Dewan Negara Perak* | Ahli |
| 5 | **YBhg. Dato' Hj. Zainul Rijal bin Abu Bakar**<br>*Presiden Persatuan Peguam Syarie Malaysia* | Ahli |
| 6 | **YBhg. Dato' Dr. Amiruddin Bin Muhamed**<br>*Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak* | Setiausaha |

## Jawatankuasa Audit

Bidang Tugas dan Tanggungjawab;

- Menyemaktimbal penyata-penyata kewangan MAIPk bagi memastikan ia benar-benar telah disediakan mengikut prinsip-prinsip perakaunan yang dipersetujui serta peraturan-peraturan kewangan yang lazim berkuatkuasa bagi agensi kerajaan, mengikut mana yang diterima pakai;

- Mengadakan perbincangan dengan pihak Pengurusan MAIPk dan juruaudit luar mengenai:-

  (i) perubahan-perubahan yang dicadangkan ke atas polisi perakaunan;

  (ii) kaedah yang digunakan untuk mengakaunkan transaksi-transaksi yang signifikan dan luar biasa, di mana, pendekatan yang berbeza adalah munasabah untuk diaplikasikan;

  (iii) pematuhan ke atas piawaian perakaunan;

  (iv) pelarasan yang timbul berikutan proses pengauditan dan transaksi pihak berkaitan; dan

  (v) semua anggaran (estimates) atau pertimbangan perakaunan (accounting judgements) oleh pihak Pengurusan MAIPk yang mungkin material dan boleh memberi kesan kepada pelaporan kewangan.

- Menyemak transaksi pihak berkaitan (related party transactions) dan menimbangkan sama ada pendedahan mengenai perkara ini telah dibuat secukupnya di dalam penyata kewangan.

Sepanjang tahun 2017, jawatankuasa ini telah menjalankan mesyuarat sebanyak empat kali. Berikut merupakan senarai anggota Jawatankuasa Audit :

| Bil. | Nama | Jawatan | Kehadiran | Peratus Kehadiran % |
|---|---|---|---|---|
| 1 | **YBhg. Dato' Dr. Haji Abdul Malek bin Awang Kechil**<br>*Anggota Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak* | Pengerusi | 4/4 | 100 |
| 2 | **YBhg. Dato' Seri Mohd Annuar bin Zaini**<br>*Anggota Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak* | Ahli | 4/4 | 100 |
| 3 | **YBhg. Dato' Dr. Syed Jaafar bin Syed Aznan**<br>*Anggota Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak* | Ahli | 4/4 | 100 |
| 4 | **YBhg. Tuan Haji As`ad bin Awang**<br>*Anggota Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak* | Ahli | 4/4 | 100 |
| 5 | **YBhg. Dato' Dr. Amiruddin Bin Muhamed**<br>*Ketua Pegawai Eksekutif, Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak* | Setiausaha | 4/4 | 100 |

## Jawatankuasa Pengurusan Risiko

Bidang Tugas dan Tanggungjawab;

Jawatankuasa Pengurusan Risiko diperturunkan kuasa oleh MAIPk berkaitan semua aktiviti pengurusan risiko merangkumi aspek pematuhan strategi, kerangka kerja dan tata cara pengurusan risiko. Jawatankuasa Pengurusan Risiko bertindak bagi pihak MAIPk dan bertanggung jawab kepada MAIPk.

- Menyemak dan mengesyorkan dasar, strategi pengurusan dan had penerimaan risiko.
- Menyemak semula dan menilai keupayaan strategi, dasar, kerangka kerja dan tata cara pengurusan risiko bertujuan untuk mengenalpasti, mengukur, memantau serta mengawal risiko secara lebih efektif.
- Memastikan prasarana, sumber dan sistem disediakan dengan lengkap bagi meminimumkan risiko.
- Menyemak laporan berkala berkaitan pendedahan terhadap risiko, komposisi portfolio risiko dan aktiviti-aktivi pengurusan risiko yang dilaksanakan oleh Pengurusan MAIPk.
- Melaporkan perkara-perkara pengurusan risiko kepada persidangan MAIPk.

Sepanjang tahun 2017, jawatankuasa ini telah menjalankan mesyuarat sebanyak dua kali seperti yang digariskan dalam terma rujukan. Berikut merupakan senarai anggota Jawatankuasa Pengurusan Risiko:

| Bil. | Nama | Jawatan | Kehadiran | Peratus Kehadiran % |
|---|---|---|---|---|
| 1 | **YBhg. Dato' Dr. Syed Jaafar bin Syed Aznan**<br>*Anggota Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak* | Pengerusi | 2/2 | 100 |
| 2 | **YABhg. Dato' Seri Mohd. Annuar bin Zaini**<br>*Anggota Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak* | Ahli | 2/2 | 100 |
| 3 | **YBhg. Profesor Dato' Dr. Ansary bin Ahmed**<br>*Anggota Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak* | Ahli | 2/2 | 100 |
| 4 | **YBhg. Dato' Haji Asád bin Awang**<br>*Anggota Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak* | Ahli | 2/2 | 100 |
| 5 | **YBhg. Dato' Mohamah Nor bin Mansor**<br>*Anggota Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak* | Ahli | 1/2 | 50 |
| 6 | **YBhg. Dato' Dr. Amiruddin bin Muhamed**<br>*Ketua Pegawai Eksekutif, Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak* | Setiausaha | 2/2 | 100 |

## Jawatankuasa Pendidikan Tahfiz Negeri Perak Darul Ridzuan

Bidang Tugas dan Tanggungjawab;

- Mengkaji keadaan status berkenaan jenis, kandungan, organisasi, tatacara dan kaedah kurikulum yang digunapakai dan ditawarkan di semua institusi yang menawarkan pengajian tahfiz dalam negeri Perak Darul Ridzuan;
- Mengkaji organisasi dan tatacara pentadbiran dan pengurusan sekolah-sekolah tahfiz dalam negeri Perak dan membuat perakuan-perakuan bagi memantapkan lagi perjalanan pentadbiran dan pengurusan sekolah-sekolah tahfiz;
- Menyemak dan memperakukan kurikulum pendidikan tahfiz serta garis panduan tatacara pelaksanaannya di semua institusi yang menawarkan pengajian tahfiz dalam negeri Perak; dan
- Memperakukan kursus pengajian yang mempunyai nilai tinggi bagi memantapkan lagi institusi tahfiz di negeri Perak untuk melahirkan insan "yang harmonis dan bersepadu" selaras dengan Falsafah Pendidikan Negara.

Sepanjang tahun 2017, Jawatankuasa ini telah menjalankan mesyuarat sebanyak lima kali. Berikut merupakan senarai anggota Jawatankuasa Pendidikan Tahfiz Negeri Perak Darul Ridzuan :

| Bil. | Nama | Jawatan | Kehadiran | Peratus Kehadiran % |
|---|---|---|---|---|
| 1 | **YABhg. Tan Sri Dato' Seri Dr. Wan Mohd. Zahid Bin Mohd Nordin**<br>*Yang DiPertua, Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak* | Pengerusi | 5/5 | 100 |
| 2 | **Orang Kaya-Kaya Imam Paduka Tuan Dato' Dr. Afifi al-Akiti**<br>*Anggota Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak* | Ahli | 3/5 | 60 |
| 3 | **YBhg. Dato' Dr. Amiruddin Bin Muhamed**<br>*Ketua Pegawai Eksekutif,*<br>*Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak* | Ahli | 5/5 | 100 |
| 4 | **YB. Dato' Drs. Mohd Nizar Bin Hj. Zakaria**<br>*Pengerusi Jawatankuasa Agama Islam,*<br>*Pendidikan Islam, Pembangunan Sahsiah* | Ahli | 2/5 | 40 |
| 5 | **YBhg. Profesor Dato' Dr. Mohd Yakub @ Zulkifli Bin Mohd Yusoff**<br>*Pengarah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya (UM)* | Ahli | 0/5 | 0 |
| 6 | **Y.Bhg. Dato' Haji Mohd Yusop Bin Haji Husin**<br>*Pengarah, Jabatan Agama Islam Perak (JAIPk)* | Setiausaha | 5/5 | 100 |
| 7 | **YBhg. Prof. Dato' Dr. Wan Sabri Bin Wan Yusof**<br>*Timbalan Naib Canselor, Universiti Sultan Azlan Shah (USAS)* | Ahli | 4/5 | 80 |
| 8 | **YBhg. Prof. Dr. Muhammad Bukhairi Lubis**<br>*Universiti Pendidikan Sultan Idris Shah* | Ahli | 5/5 | 100 |
| 9 | **YBhg. Dr. Haji Mohd Fahmi Bin Abdul Khir**<br>*Mudir, Maahad Tahfiz dan Kemukjizatan Al-Quran,*<br>*Pondok Air Jernih Gerik* | Ahli | 5/5 | 100 |
| 10 | **YBhg. Dr. Ahmad Yunus Bin Kasim**<br>*Universiti Pendidikan Sultan Idris Shah* | Ahli | 3/5 | 60 |
| 11 | **A.F. Tuan Haji Mohd Nasar Bin Kordi**<br>*Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Pendidikan, JAIPk* | Ahli | 4/5 | 80 |
| 12 | **A.F. Ustaz Azmi Bin Ahmad**<br>*Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Pendidikan, JAIPk* | Ahli | 5/5 | 100 |

## Jawatankuasa Pengurusan Wakaf

Bidang Tugas dan Tanggungjawab;

- Membantu MAIPk mentadbir urus perkara berkaitan wakaf di Negeri Perak.
- Membantu MAIPk menjalankan kewajipan atau melaksanakan kuasa-kuasanya berhubung dengan wakaf. Jawatankuasa Pengurusan Wakaf bertindak bagi pihak MAIPk dan bertanggungjawab kepada MAIPk.
- Memantau semua harta dan hasil Tabung Amanah Waqaf Perak Ar-Ridzuan (WPAR) dan membuat keputusan berkaitan perbelanjaan dan pelaburan dana WPAR.
- Meneliti cadangan pembangunan wakaf serta memberi pertimbangan dan kelulusan kepada sesuatu cadangan pembangunan wakaf.
- Menyelia dan memantau pelaksanaan pembangunan wakaf MAIPk termasuk projek atau program di bawah WPAR.

Sepanjang tahun 2017, jawatankuasa ini telah menjalankan mesyuarat sebanyak tiga kali. Berikut merupakan senarai anggota Jawatankuasa Pengurusan Wakaf :

| Bil. | Nama | Jawatan | Kehadiran | Peratus Kehadiran % |
|---|---|---|---|---|
| 1 | **YABhg. Tan Sri Dato' Seri Dr. Wan Mohd Zahid Bin Mohd Noordin**<br>*Yang Dipertua Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak* | Pengerusi | 3/3 | 100 |
| 2 | **YABhg. Dato' Seri Zainal Adzam Bin Abd Ghani**<br>*Anggota Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak* | Ahli | 3/3 | 100 |
| 3 | **YBhg. Dato' Dr. Mohamad Hashim bin Ahmad Tajudin**<br>*Anggota Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak* | Ahli | 1/2 | 50 |
| 4 | **YBrs. Tuan Haji Mohamad Tarmizi Bin Taib**<br>*Ketua Pegawai Eksekutif PKEINPk Sdn. Bhd.* | Ahli | 3/3 | 100 |
| 5 | **YBhg. Dato' Haji Jamilol Nasir Bin Saad**<br>*Pengarah Jabatan Kerja Raya Negeri Perak* | Ahli | 1/3 | 33 |
| 6 | **YBhg. Dato' Profesor Dr. Wan Sabri Bin Wan Yusof**<br>*Timbalan Naib Canselor, Universiti Sultan Azlan Shah* | Ahli | 0/3 | 0 |
| 7 | **YBrs. Tuan Haji Harith Fadzilah Bin Abd Halim**<br>*Timbalan Pengarah Jabatan Agama Islam Perak* | Ahli | 3/3 | 100 |
| 8 | **YBhg. Dato' Dr. Amiruddin Bin Muhamed**<br>*Ketua Pegawai Eksekutif, Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak* | Setiausaha | 3/3 | 100 |

## Jawatankuasa Baitulmal Tertinggi

Bidang Tugas dan Tanggungjawab;

- Mempertimbang dan membuat keputusan terhadap permohonan bantuan zakat sama ada melibatkan kes baru atau kes rayuan, di bawah kategori asnaf Fakir, Miskin, Ghorimin, Ibnu Sabil dan Fisabilillah tidak melebihi RM1 juta.
- Meluluskan perbelanjaan di bawah peruntukan sumber am Baitulmal tidak melebihi RM1 juta.

Sepanjang tahun 2017, jawatankuasa ini telah menjalankan mesyuarat sebanyak 21 kali. Berikut merupakan senarai anggota Jawatankuasa Baitulmal Tertinggi:-

| Bil. | Nama | Jawatan | Kehadiran | Peratus Kehadiran % |
|---|---|---|---|---|
| 1 | **YBhg. Dato' Dr Amiruddin Bin Muhamed**<br>*Ketua Pegawai Eksekutif, Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak* | Pengerusi | 21/21 | 100 |
| 2 | **YBhg. Tan Sri Dato' Seri (Dr) Haji Harussani bin Haji Zakaria**<br>*Mufti Kerajaan Negeri Perak* | Ahli | 3/21 | 14.3 |
| 3 | **YBhg. Dato' Haji Mohd Yusop bin Haji Husin**<br>*Pengarah Jabatan Agama Islam Perak* | Ahli | 11/21 | 52.4 |
| 4 | **YBhg. Dato' Haji Mohamah Nor bin Mansor**<br>*Anggota Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak* | Ahli | 15/21 | 71.4 |
| 5 | **YBhg. Dato' Haji Asád bin Awang**<br>*Anggota Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak* | Ahli | 18/21 | 85.7 |
| 6 | **Tuan Mohd Haidi bin Sulaiman**<br>*Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pengurusan) Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak* | Ahli | 18/21 | 85.7 |
| 7 | **Puan Hajah Wan Maizura binti Wan Zahari**<br>*Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan) Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak* | Ahli | 19/21 | 90.5 |
| 8 | **Encik Rohizan bin Omar**<br>*Pengurus Besar Bahagian Khidmat Pengurusan Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak* | Ahli | 16/21 | 76.2 |
| 9 | **Encik Ariff bin Apandi**<br>*Pengurus Besar Bahagian Kewangan Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak* | Ahli | 15/21 | 71.4 |
| 10 | **Encik Bakri bin Lee**<br>*Pengurus Besar Bahagian Zakat Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak* | Setiausaha | 21/21 | 100 |
| 11 | **Encik Suhaimi bin Yusoff**<br>*Pengurus Besar Bahagian Pengurusan dan Pembangunan Mal dan Wakaf Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak* | Ahli | 21/21 | 100 |
| 12 | **Encik Ahmad Nazim bin Md. Tajuri**<br>*Pengurus Besar Bahagian Pemasaran Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak* | Ahli | 18/21 | 85.7 |

## Jawatankuasa Baitulmal Pertengahan

Bidang Tugas dan Tanggungjawab;

- Mempertimbang dan membuat keputusan terhadap permohonan bantuan zakat yang melibatkan kes baru di bawah kategori asnaf Fakir, Miskin, Ghorimin, Ibnu Sabil dan Fisabilillah tidak melebihi RM30,000 dan tidak termasuk mendengar dan memutuskan kes-kes rayuan permohonan bantuan.

Sepanjang tahun 2017, jawatankuasa ini telah menjalankan mesyuarat sebanyak 17 kali. Berikut merupakan senarai anggota Jawatankuasa Baitulmal Pertengahan:-

| Bil. | Nama | Jawatan | Kehadiran | Peratus Kehadiran % |
|---|---|---|---|---|
| 1 | **Tuan Mohd Haidi bin Sulaiman**<br>*Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pengurusan)*<br>*Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak* | Pengerusi | 17/17 | 100 |
| 2 | **Puan Hajah Wan Maizura binti Wan Zahari**<br>*Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan)*<br>*Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak* | Ahli | 6/17 | 35.3 |
| 3 | **Ustaz Harith Fadzilah bin Haji Abdul Halim**<br>*Timbalan Pengarah Jabatan Agama Islam Perak* | Ahli | 7/17 | 41.2 |
| 4 | **Tuan Haji Zamri bin Hashim**<br>*Timbalan Mufti Negeri Perak* | Ahli | 1/17 | 5.9 |
| 5 | **Hj. Ab Rahman Thobroni b. Hj Mohd Mansor**<br>*Ketua.Penolong Mahkamah Syariah* | Ahli | 7/17 | 41.2 |
| 6 | **Abdul Razak bin Che Embi**<br>*Ketua Penolong Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat* | Ahli | 11/17 | 64.7 |
| 7 | **Encik Rohizan bin Omar**<br>*Pengurus Besar Bahagian Khidmat Pengurusan*<br>*Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak* | Ahli | 10/17 | 58.9 |
| 8 | **Encik Ariff bin Apandi**<br>*Pengurus Besar Bahagian Kewangan*<br>*Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak* | Ahli | 8/17 | 47.1 |
| 9 | **Encik Bakri bin Lee**<br>*Pengurus Besar Bahagian Zakat*<br>*Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak* | Setiausaha | 17/17 | 100 |
| 10 | **Encik Suhaimi bin Yusoff**<br>*Pengurus Besar Bahagian Pengurusan dan Pembangunan*<br>*Mal dan Wakaf Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak* | Ahli | 11/17 | 64.7 |
| 11 | **Encik Ahmad Nazim bin Md. Tajuri**<br>*Pengurus Besar Bahagian Pemasaran*<br>*Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak* | Ahli | 7/17 | 41.2 |

## Jawatankuasa Baitulmal Daerah

Bidang Tugas dan Tanggungjawab;

- Mempertimbang dan membuat keputusan terhadap permohonan bantuan zakat yang melibatkan Skim Bantuan Kewangan Bulanan, Bantuan Persekolahan, Bantuan Perubatan, Bantuan Baik Pulih Rumah, Bantuan Sewa Rumah dan Bantuan Pengurusan Jenazah di bawah asnaf Fakir dan Miskin, Skim Bantuan Kewangan Bulanan, Bantuan Baik Pulih Rumah, Bantuan Sewa Rumah dan Bantuan Perubatan di bawah asnaf Muallaf, Skim Tambang Perjalanan Domestik di bawah asnaf Ibnu Sabil, Skim Bantuan Bencana dan Bantuan Kebajikan Anak Yatim di bawah asnaf Fisabilillah tidak melebihi RM10,000.00.

Berikut merupakan senarai Jawatankuasa Baitulmal Daerah :-

## Jawatankuasa Baitulmal Daerah 2017

1. **DAERAH IPOH DAN BATU GAJAH**

**PENGERUSI**
YDH. TOH MUDA ORANG KAYA KAYA
PANGLIMA KINTA SERI AMAR BANGSA DIRAJA
DATO' AB WAHAB BIN DATO' SERI AZIZUL HASSAN
*ORANG BESAR JAJAHAN KINTA*

**PENGERUSI BERSAMA**
TUAN HAJI TARMIDZI BIN ABD MANAP
*PEGAWAI DAERAH KINTA*

2. **DAERAH KUALA KANGSAR**

**PENGERUSI**
YABHG. ORANG KAYA TEMENGGONG PADUKA TUAN DATO' SERI HAJI MOHD FATHIR @ FADZIR BIN HAJI WAN HUSSAIN
*ORANG BESAR JAJAHAN KUALA KANGSAR*

**PENGERUSI BERSAMA**
YBHG. TUAN HAJI MIOR MUHAMMAD JAMIL
BIN MIOR ZAKARIA
*PEGAWAI DAERAH KUALA KANGSAR*

3. **DAERAH TAIPING DAN SELAMA**

**PENGERUSI**
YABHG. ORANG KAYA MENTERI PADUKA TUAN DATO' WAN MOHD ISA BIN DATO' HAJI WAN MOHD RAZALLI
*ORANG BESAR JAJAHAN LARUT MATANG DAN SELAMA*

**PENGERUSI BERSAMA**
YABHG. DATO' HAJI KAMARUDDIN BIN AWANG
*PEGAWAI DAERAH LARUT, MATANG DAN SELAMA*

4. **DAERAH BAGAN SERAI DAN PARIT BUNTAR**

**PENGERUSI**
YDH. TOH MUDA ORANG KAYA KAYA LAKSAMANA RAJA MAHKOTA, DATO' HAJI MEOR REDWAN BIN MAHAYUDIN
*ORANG BESAR JAJAHAN DAERAH KERIAN*

**PENGERUSI BERSAMA**
YBRS. TUAN MOHD SABLI BIN BAKRI
*PEGAWAI DAERAH KERIAN*

5. **DAERAH TELUK INTAN**

**PENGERUSI**
YBHG. ORANG KAYA KAYA LAKSAMANA RAJA MAHKOTA DATO' SERI MOHD AMIN SHUKERI BIN DATO' ALI AKHBAR
*ORANG BESAR JAJAHAN HILIR PERAK*

**PENGERUSI BERSAMA**
TUAN SYAHRUNAIM BIN RADZALI,
*PEGAWAI DAERAH TELUK INTAN*

6. **DAERAH PENGKALAN HULU, GERIK DAN LENGGONG**

**PENGERUSI**
YDH. TOH MUDA ORANG KAYA KAYA SERI ADIKA RAJA SHAHBANDAR MUDA, DATO MEOR ROSLAN BIN DATO' SERI MEOR AHMAD RASHIDI
*ORANG BESAR JAJAHAN DAERAH HULU PERAK*

**PENGERUSI BERSAMA**
YBHG. TUAN ZULHISHAM BIN AHMAD SHUKORI
*PEGAWAI DAERAH HULU PERAK*

7. **DAERAH MUALLIM**

**PENGERUSI**
YDH. TOH PADUKA SETIA DATO' IR DR SAFRY KAMAL
BIN HJ AHMAD
*ORANG BESAR JAJAHAN DAERAH MUALLIM*

**PENGERUSI BERSAMA**
YBHG. PUAN NOR SHAM BINTI RAHMAN
*PEGAWAI DAERAH MUALLIM*

8. **DAERAH TAPAH**

**PENGERUSI**
YDH. TOH PADUKA INDERA DATO' MAT RASID
BIN AYOB
*ORANG BESAR JAJAHAN DAERAH BATANG PADANG*

**PENGERUSI BERSAMA**
TUAN AZIZI BIN ABDUL AZIZ
*PEGAWAI DAERAH BATANG PADANG*

9. **DAERAH SERI ISKANDAR DAN KAMPONG GAJAH**

**PENGERUSI**
YABHG. ORANG KAYA-KAYA SETIA BIJAYA DIRAJA DATO' SERI HAJI MOHD GHAZALI B. HAJI ABDUL RAHMAN
*ORANG BESAR JAJAHAN PERAK TENGAH*

**PENGERUSI BERSAMA**
YBHG. DATO' HAJI MAD DAN BIN HASSAN
*PEGAWAI DAERAH PERAK TENGAH*

10. **DAERAH KAMPAR**

**PENGERUSI**
YDH. TOH SEDEWA RAJA, DATUK HAJI ABDUL TALIB
BIN ABD FAHMI
*ORANG BESAR JAJAHAN KAMPAR*

**PENGERUSI BERSAMA**
YBHG. DATO' LATIPAH BT SEHIBII
*PEGAWAI DAERAH KAMPAR*

11. **DAERAH MANJUNG**

**PENGERUSI**
YDH. TOH SERI BIJAYA LT. KOL (B) DATO' SHARUDIN
BIN HJ. NAZARI
*ORANG BESAR JAJAHAN MANJUNG*

**PENGERUSI BERSAMA**
ENCIK MOHAMAD FARIZ BIN MOHAMAD HANIP
*PEGAWAI DAERAH MANJUNG*

# KEKERAPAN MESYUARAT JAWATANKUASA BAITULMAL DAERAH TAHUN 2017

## DAERAH IPOH

| BIL | JENIS MESYUARAT / BILANGAN | TARIKH |
|---|---|---|
| 1 | JKBD KALI KE-XI/2017 | 12/1/2017 |
| 2 | JKBD KALI KE-01/2017 | 1/2/2017 |
| 3 | JKBD KALI KE-02/2017 | 1/3/2017 |
| 4 | JKBD KALI KE-03/2017 | 20/4/2017 |
| 5 | JKBD KALI KE-04/2017 | 21/4/2017 |
| 6 | JKBD KALI KE-05/2017 | 31/5/2017 |
| 7 | JKBD KALI KE-06/2017 | 19/6/2017 |
| 8 | JKBD KALI KE-07/2017 | 27/7/2017 |
| 9 | JKBD KALI KE-08/2017 | 24/8/2017 |
| 10 | JKBD KALI KE-09/2017 | 27/9/2017 |
| 11 | JKBD KALI KE-10/2017 | 2/11/2017 |
| 12 | JKBD KALI KE-11/2017 | 27/11/2017 |
| 13 | JKBD KALI KE-12/2017 | 21/12/2017 |
| 14 | JKBD KALI KE-13/2017 | 29/12/2017 |

## DAERAH KUALA KANGSAR

| BIL | JENIS MESYUARAT / BILANGAN | TARIKH |
|---|---|---|
| 1 | JKBDKK KALI KE-01/2017 | 22/2/2017 |
| 2 | JKBDKK KALI KE-02/2017 | 21/4/2017 |
| 3 | JKBDKK KALI KE-03/2017 | 15/6/2017 |
| 4 | JKBDKK KALI KE-04/2017 | 1/8/2017 |
| 5 | JKBDKK KALI KE-05/2017 | 29/8/2017 |
| 6 | JKBDKK KALI KE-06/2017 | 29/9/2017 |
| 7 | JKBDKK KALI KE-07/2017 | 17/10/2017 |
| 8 | JKBDKK KALI KE-08/2017 | 24/11/2017 |
| 9 | JKBDKK KALI KE-09/2017 | 5/12/2017 |
| 10 | JKBDKK KALI KE-10/2017 | 20/12/2017 |

## DAERAH TAIPING DAN SELAMA

| BIL | JENIS MESYUARAT / BILANGAN | TARIKH |
|---|---|---|
| 1 | JKBDTA KALI KE-01/2017 | 5/1/2017 |
| 2 | JKBDTA KALI KE-02/2017 | 2/2/2017 |
| 3 | JKBDTA KALI KE-03/2017 | 5/4/2017 |
| 4 | JKBDTA KALI KE-04/2017 | 14/4/2017 |
